



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3713]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3767]

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan
Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 3768]

Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Penggubahan Sempadan)
[Ruangan 3848]

Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 3861]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T P.P.T. (Dilantik).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

„ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

„ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).

TUAN BEE YANG SEK (Kedah).

„ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

„ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).

„ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

„ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

„ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- PUANSRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- TUANKENNETHKENYAN ANAKTEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., p.p.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- „ TUAN MOHD. YUSOF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- DATO DR K. S. NUHAR (Dilantik).
- TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. Dawood,
(Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMORTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusot.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 6hb Disember, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****JAWATANKUASA DAMAI
ISLAM MENGENAI
PEPERANGAN IRAN/IRAQ**

1. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pencapaian atas perbincangan dalam Pertubuhan Islam Antarabangsa (OIC) yang berlangsung baru-baru ini bagi menamatkan sengketa perang Teluk Iraq/Iran yang telah berlarutan hampir 5 tahun.

13-12-1985

26. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Jawatankuasa Damai Islam telah gagal sama sekali mendamaikan di antara Iran dan Iraq dan apakah masalah dihadapi oleh Jawatankuasa tersebut hingga gagal usaha baik mereka.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:) Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekaligus dengan soalan Ahli Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood

pada 13hb Disember, 1985 kerana kedua-dua soalan ini adalah bertujuan sama.

Mesyuarat Jawatankuasa Damai Islam mengenai Peperangan Iran/Iraq yang ke 8 telah diadakan pada 12 ke 14hb September yang lalu di Jeddah. Mesyuarat tersebut telah membincang dan mengkaji keadaan semasa peperangan itu dan telah membuat beberapa keputusan dalam rangka usaha-usaha damai serta mengkaji prestasi Jawatankuasa tersebut semenjak ianya ditubuhkan dalam bulan Februari, 1981.

Memandangkan kepada keadaan peperangan ini yang telah berlarutan begitu lama serta kedudukan sikap Iran dan Iraq yang tidak membolehkan kita membawa mereka ke meja perundingan, mesyuarat berpendapat bahawa dalam melaksanakan tugas-tugas ini seterusnya. Jawatankuasa tersebut perlu mengambil sikap yang lebih tegas dan berkecuali. Di samping itu mesyuarat juga telah membuat keputusan bahawa usaha-usaha Jawatankuasa ini perlu dilaksanakan dalam satu jangka masa yang tertentu dan kemudian pada itu mengemukakan hasil usaha ini kepada Sidang Kemuncak sekiranya perlu untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

Dalam rangka ini Pengerusi Jawatankuasa sedang menguruskan usaha-usaha sekali lagi untuk menghubungi Iran dan Iraq dan

sekiranya perlu satu badan perhubungan akan ditubuhkan bagi tujuan ini.

Apa yang penting sekali adalah kesediaan bagi pihak Iran dan Iraq untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Damai Islam dalam melaksanakan usaha-usahanya. Saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah yang dibuat oleh mesyuarat ini adalah penting dalam rangka usaha-usaha untuk mencapai penyelesaian.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat. Menteri, adakah sebarang pencapaian rundingan antara negara-negara anggota IOC dihormati oleh kedua-dua negara yang bersengketa ini?

Yang kedua, adakah kuasa-kuasa luar yang berdiri di belakang di antara Iran dan Iraq ini yang mana mungkin kuasa-kuasa luar ini memberikan sokongan untuk faedah negara-negara yang terlibat ini tadi yang mana Yang Berhormat Menteri tadi seolah-olah Iran dan Iraq ini sama sekali tidak meindahkan sebarang apa juga keputusan yang dicapai oleh Persidangan Islam Antarabangsa.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, jika dikatakan bahawa kedua buah negara ini tidak langsung meindahkan keputusan OIC, saya rasa tidaklah begitu tepat, tetapi masing-masing mempunyai kedudukan dan pendapat masing-masing dalam isu tersebut dan itulah yang menjadi masalah.

Keduanya, mengenai campur tangan kuasa-kuasa besar, sejarah tidak sunyi dari bukti-bukti di mana apabila dua negara kecil bertelagah, maka itu adalah peluang keemasan bagi kuasa-kuasa besar untuk campur

tangan. Dalam keadaan ini juga, mengenai perang Iran dan Iraq ini, saya rasa tidak sunyi juga dari campur tangan dari luar.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya penyelesaian perang Iran dan Iraq ini sudah agak sukar dalam jangka masa yang singkat ini. Mengapa kita tidak cadangkan sahaja supaya Jawatankuasa Damai ini dimansuhkan supaya kita ini tidak terlibat dengan kegagalan ini nanti?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan dalam jawapan tadi bahawa mesyuarat yang diadakan baru-baru ini di mana Perdana Menteri kita telah hadir, Jawatankuasa tersebut telah membuat satu keputusan yang tegas bahawa sekarang ini mereka bercadang untuk mengadakan satu "time limit" iaitu satu jangka masa yang tetap untuk menyelesaikan perkara dan itu kalau tidak tercapai dalam jangka masa tersebut, maka Jawatankuasa Damai ini akan melaporkan semula kepada Persidangan Ketua-ketua Negara Islam untuk arahan selanjutnya.

UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

2. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk menyelaraskan undang-undang keluarga Islam di antara negeri-negeri dalam Malaysia; jika ada, bila dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, semua undang-undang Islam termasuk Undang-undang Keluarga Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri dan ditadbirkan oleh negeri-negeri sendiri. Berhubung dengan perkara ini, Akta

Undang-undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan telah pun diluluskan pada tahun 1984. Wilayah Persekutuan dipilih sebagai negeri contoh untuk melaksanakan Akta tersebut.

Adalah didapati bahawa negeri-negeri Melaka, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Perak telah pun menerima Akta tersebut untuk dilaksanakan. Di negeri-negeri lain dijangka akan berbuat demikian tidak berapa lama lagi. Oleh yang demikian, pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan, Undang-undang Keluarga Islam tidaklah berbangkit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kerana Undang-undang Keluarga Islam ini akan dijalankan seperti negeri-negeri yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jadi bagaimana untuk hendak menjalankan mahkamah-mahkamah ini sedangkan keadaan Mahkamah-mahkamah Syariah yang ada di negeri-negeri sekarang banyak yang tidak sesuai kalau hendak dijalankan secara mahkamah terbuka yang mempunyai Pendaftar, Pendakwa dan sebagainya? Saya ingin mendapat penjelasan.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat itu sebenarnya tidak menjadi satu masalah kerana undang-undang yang telah disusun dan diterima sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak ada kaitan dengan kedudukan fizikal atau struktur bangunan Mahkamah Syariah pada masa ini kerana sekiranya ini diterima, maka ia boleh dijalankan dalam keadaan sekarang. Ada pun cadangan untuk memperkemaskan Mahkamah Syarak, memperbaiki keadaan bangunan dan

menyusun semula strukturnya adalah merupakan perkara yang lain dan tidak ada kaitan dengan rancangan penyelarasan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat telah menyatakan iaitu Undang-undang Keluarga Islam ini telah diperluaskan di beberapa buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Jadi saya ingin tahu Wilayah Persekutuan mana, ada dua Wilayah Persekutuan. Adakah termasuk Labuan juga?

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan Wilayah tadi ialah Wilayah di Kuala Lumpur kerana pada masa undang-undang ini dibentangkan pada masa itu Wilayah di Labuan belum lagi ditubuhkan. Jadi, dalam usaha sekarang ini semua peraturan yang kita telah persetujuan itu akan diminta supaya diterima oleh semua Wilayah, termasuk Labuan.

KOMPLEKS LPN DI KEDAH

3. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa Komplek LPN di Negeri Kedah yang ada sekarang ini tidak dapat menampung menempatkan padi di musim menuai, yang menimbulkan beberapa masalah kepada petani-petani seperti pembayaran sewa lori berlebihan kerana menunggu satu atau dua hari barulah ditimbang dan jika sedar, apakah Kementerian bercadang untuk membesarkan tiap-tiap Komplek LPN di Negeri Kedah bagi mengatasi masalah itu di masa hadapan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar mengenai Kompleks-kompleks LPN yang tidak dapat menampung jumlah

padi yang dibeli di musim kemuncak penuaian. Ini adalah disebabkan kerana padi yang dijual oleh petani-petani adalah terlalu banyak dan telah menyebabkan kemudahan mengering LPN di masa kemuncak penuaian itu tidak mencukupi. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila petani-petani menjual padi yang basah dan perlu dikeringkan dengan kadar segera.

LPN adalah sentiasa mengambil berbagai Tindakan bagi mengatasi masalah ini. Antara tindakan yang diambil ialah dengan menambah jentera pengeringan padi dan mendirikan peneduh-peneduh sementara. LPN juga menghantar sebahagian dari pada yang dibelinya ke kilang-kilang swasta untuk diupah kisar sebagai mengatasi masalah kekurangan keupayaan pemerosannya.

LPN pada masa ini sedang mencuba sistem pengendalian padi secara pukal di beberapa kompleksnya. Sistem ini dijangka akan dapat mengatasi masalah kesesakan dan menunggu lama di kompleks-kompleks di musim kemuncak penuaian. Untuk memperleengkapkan sistem pengendalian secara pukal yang telah diadakan di kompleks-kompleks LPN, adalah diharapkan usaha juga dibuat bagi melaksanakan kaedah pengendalian padi secara pukal ini di peringkat sawah. Selain daripada itu, LPN juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan pusat-pusat kecil atau regional depots di mana padi akan dibeli dan dikeringkan sebelum dibawa ke kompleks-kompleks.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Soalan tambahan. Menyentuh LPN berkenaan dengan padi, adakah pembeliannya daripada orang ramai mengikut masa bekerja, ertinya office time, sebab kita ada sungutan di Besut kerana apabila orang-orang kampung

yang sudah menuai padinya dibawa lewat sedikit, tempat membelinya sudah ditutup. Jadi sungguh malang bagi mereka kerana kadangkalanya tidak ada masa, petang, pagi dan time bekerja ataupun tidak. Ini satu masalah kepada penduduk-penduduk setengahnya di Besut. Saya harap dapat penjelasan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, di masa kemuncak penuaian langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan kesesakan ini termasuklah melanjutkan waktu belian dan kerja-kerja menurunkan padi dari atas lori, menambah kakitangan dan kerja-kerja terus-menerus 24 jam. Bagi menempatkan padi yang dibeli, LPN juga menambah ruang simpanan baru dengan membina peneduh sementara di dalam kawasan-kawasan kompleks. Jadi, kalau adalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu berlaku boleh dimaklumkan kepada saya, mungkin saya boleh mengarahkan supaya tindakan segera diambil.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN LUAR BANDAR—SYARAT

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerangkan apakah syarat-syarat perlu ada bagi seseorang pemohon untuk mendapatkan pinjaman dalam skim pinjaman perumahan luar bandar. Adakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan had umur seseorang pemohon itu. Sejak diwujudkan skim ini berapa ramaikah bilangan pemohon yang diluluskan mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan sesuatu pemohon untuk mendapatkan pinjaman di

bawah Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah mendapat pertimbangan, pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. Umur di antara 18 tahun hingga 48 tahun.
2. Jumlah pendapatan suami-isteri tidak melebihi \$700 sebulan.
3. Tujuan memohon ialah untuk membina rumah baru sahaja.
4. Permohonan boleh menggunakan pelan rumah yang disediakan oleh Kementerian atau pelan sendiri yang kosnya tidak melebihi \$20,000.
5. Tanah sedia ada untuk tapak rumah dan untuk dicagar.
6. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah di antara 5 tahun hingga 25 tahun.
7. Kakitangan Kerajaan, Badan Berkanun, kakitangan lain-lain institusi atau suami-isteri mereka yang disediakan kemudahan pinjaman perumahan tidak akan diberi pertimbangan.
8. Sebagaimana yang ditetapkan di bawah syarat-syarat pinjaman, umur maksima seseorang pemohon hendaklah tidak melebihi 48 tahun.

Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk melonggarkan syarat umur tersebut kerana pinjaman-pinjaman yang diberi itu akan dibayar balik di dalam lempoh yang agak lama dan jika had umur tersebut dilonggarkan, adalah dikhuatiri keupayaan untuk menjelaskan pinjaman itu akan terjejas kerana pemohon mungkin tidak ada punca pendapatan untuk meneruskan bayaran pinjaman apabila umurnya telah meningkat.

Sejak Skim Pinjaman Perumahan ini dilaksanakan pada tahun 1976 dan

hingga sekarang, iaitu 31hb Oktober, 1985 sebanyak 2,177 permohonan telah diluluskan. Bilangan kelulusan mengikut Negeri-negeri adalah seperti berikut: .

Perlis	49 unit
Kedah	432 ,,
Pulau Pinang ..	1 ,,
Perak	209 ,,
Selangor	163 ,,
Wilayah Persekutuan	10 ,,
Negeri Sembilan ..	42 ,,
Melaka.. .. .	37 ,,
Pahang.. .. .	109 ,,
Terengganu	370 ,,
Kelantan	738 ,,
Johor	17 ,,
Jumlah	2,177 unit

Puan Hasanah binti Haji Mohd.

Kassim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar daripada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu apabila dicampur pendapatan bulanan daripada suami-isteri yang dapat kemudahan pinjaman rumah murah ialah \$700 sebulan dicampur dua. Kalau mereka itu dapat kurang daripada \$700 ini adakah dapat dipertimbangkan ataupun macam mana?

Puan Napsiah binti Omar:

Tuan Yang di-Pertua, kalau pendapatan kurang daripada \$700 itu kita akan memberi pertimbangan.

Puan Hasanah binti Haji Mohd.

Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Adakah rumah kos rendah ini untuk rakyat ramai, rakyat jelata yang memang miskin, bukannya papa kedana sahaja, tetapi kenapa tidak dipertimbangkan sedangkan katakan mereka itu mendapat pendapatan

yang tetap \$600 ataupun \$500 ke bawah, ertinya \$700 ke bawah, kenapa tidak dipertimbangkan? Wujudnya rumah murah ini adalah untuk rakyat yang miskin, kenapa begitu sekali Kerajaan tidak ambil perhatian?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah pendapatan suami-isteri tidak melebihi \$700 sebulan. Kalau bawah daripada \$700 memang kita beri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sejak diwujudkan skim ini hampir 10 tahun, pencapaian yang diluluskan kepada pemohon-pemohon dianggarkan lebih kurang 2,177 pemohon; bagi Negeri Perak 209, Pulau Pinang 1 dan lain-lain semuanya adalah kecil. Jadi bagaimana yang kita nampak rungutan daripada orang ramai oleh kerana skim ini Kerajaan-kerajaan Negeri pun ada memberikan tanah-tanah kampung tersusun kepada golongan-golongan yang seumpama ini, tetapi apabila mereka membuat permohonan di bawah skim ini nampaknya yang menjadi halangan besar ialah umur, 18 hingga 48 tahun.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, sekiranya seorang pemohon itu mempunyai sokongan-sokongan daripada pendapatan anak-anaknya, apakah syarat-syarat umur 18 hingga 48 tahun itu tak boleh dilanjutkan hingga sampai 55 tahun. Kalau dikirakan hendakkan mati, 48 tahun pun mati, 18 tahun pun mati. Jadi, jaminan kalau segi had umur ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan boleh melonggarkan, mudah-mudahan Kerajaan akan dapat mencapai pemberian melengkapkan rumah-rumah kediaman kepada penduduk-penduduk, orang ramai, rakyat jelata yang miskin ini. Berdasarkan

pencapaian begini rendah, apakah pihak Kementerian, dengan izin, review prestasi ini supaya memberikan berbagai-bagai kelonggaran, seterusnya memberi kemudahan kepada rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pemohon itu umurnya agak lebih daripada 48 tahun memang adalah masalah-masalah, tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat tadi untuk kita longgarkan sekiranya ada anak-anaknya yang ingin membantu boleh juga kita pertimbangkan, sekiranya anak-anak itu layak eloklah juga kita beri kepada anak-anak itu untuk memohon pinjaman perumahan ini.

Tuan Hassan bin Nam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri berkenaan iaitu berapakah had harga rumah yang Kerajaan tentukan, ada kelonggaran syarat pemohon tidak payah bayar pendahuluan 10% kepada pemaju dan pemohon terus menggunakan dari wang pinjamannya sama ada bank atau skim pinjaman Kerajaan?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana guruh sedang berbunyi tadi, saya kurang dengar (*Ketawa*).

Tuan Hassan bin Nam: Saya ingin tahu dari Menteri berkenaan iaitu berapa had harga rumah yang Kerajaan tentukan, ada kelonggaran syarat pemohon tidak payah membayar pendahuluan 10% kepada pemaju dan pemohon terus menggunakan dari wang pinjamannya sama ada bank atau dari skim Kerajaan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, peraturan dengan bank-bank yang ada hari ini, sekiranya

seseorang itu membeli rumah yang harganya \$25,000 ke bawah, pinjamannya adalah 100%

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5.

Saya ingin membuat sedikit pembetulan iaitu baris kedua terakhir, "maka dengan demikian tidakkah kenaikan lesen TV menjetaskan minat rakyat memiliki sebuah alat sebaran maklumat ini." Bukan tidaklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

LESEN RADIO DAN TV— KENAIKAN

5. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Radio dan TV, merupakan alat perhubungan utama di antara Kerajaan dan segenap lapisan rakyat di Negara kita di mana segala maklumat penerangan, berita dan sebagainya dapat disalurkan kepada rakyat, maka dengan demikian tidakkah kenaikan lesen TV menjejaskan minat rakyat memiliki sebuah alat sebaran maklumat ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun); Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini sudah ubah, tetapi jawapannya tetap (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Kementerian saya memang sedar pergi mustahaknya radio dan televisyen sebagai saluran maklumat pendidikan serta hiburan, khususnya untuk menyampai mesej Kerajaan kepada rakyat. Justeru itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki serta mempertingkatkan bukan sahaja mutu rancangan-rancangan yang disiarkan sama ada melalui radio atau televisyen, bahkan berusaha untuk

menjamin supaya saluran penyiaran itu sendiri berjalan dengan baik. Usaha-usaha ini melibatkan perbelanjaan yang besar dan dalam keadaan ekonomi sekarang, segala sumber hasil Kerajaan dikaji semula dengan sedalam-dalamnya sebelum sesuatu kadar hasil itu dinaikkan atau dimansuhkan.

Dalam kajian semula kadar-kadar lesen radio dan televisyen yang diadakan baru-baru ini didapati bahawa penetapan kadar lesen radio sebanyak \$12 setahun dibuat hampir 30 tahun dahulu, manakala penetapan kadar lesen televisyen sebanyak \$24 setahun dibuat tidak kurang daripada 20 tahun dahulu. Dalam kajian itu cuma kadar lesen televisyen warna sahaja dinaikkan sebanyak \$12, menjadikan \$36 setahun. Sebaliknya bayaran lesen radio di rumah dimansuhkan sama sekali mulai tahun depan.

Kedua, selaras dengan amalan ini di kebanyakan negara, kadar lesen bagi TV warna dan TV monochrome iaitu televisyen hitam putih lazimnya dibezakan. Dalam kajian baru-baru ini kadar lesen TV monochrome itu tidak diubah dan akan terus dikekalkan sebanyak \$24 sahaja.

Ketiga, kadar kenaikan sebanyak \$12 kepada lesen TV warna adalah amat munasabah dan masih rendah jikalau dibandingkan dengan kadar-kadar yang dikenakan oleh negara-negara jiran dan juga negara-negara Barat yang moden.

Contohnya, di Singapura, kadar lesen televisyen ialah M\$80 setahun, manakala di Indonesia kadarnya di antara M\$69 kepada M\$104 setahun bergantung kepada ukuran set TV itu. Di UK, kadar lesen TV warna M\$136 setahun manakala di Jepun pula \$125 setahun. Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, dirasai bahawa kadar kenaikan lesen TV warna dari \$24 kepada \$36 setahun ini

amatlah munasabah dan tidak akan menjejaskan minat rakyat untuk memiliki alat set TV sepertimana yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat tersebut.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan bahawa radio dan TV adalah menjadi satu alat perhubungan di antara Kerajaan dan rakyat. Soalan saya, adakah radio atau TV yang dipakai oleh Menteri-menteri ataupun termasuk Menteri Penerangan juga kena membayar cukai? (*Ketawa*)

Dato* Chan Siang Sun: Mesti, mesti. (*Ketawa*) Tidak dikecualikan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa banyakkah pendapatan daripada kutipan lesen TV yang diperolehi di seluruh negara dan adakah cukup untuk membiayai kos perkhidmatan bagi menyelenggarakan televisyen kita pada masa sekarang dan berapakah jumlah kehilangan punca pendapatan televisyen daripada iklan-iklan rokok pada mulanya dahulu diadakan. Pada kali ini iklan rokok telah pun ditarik yang mana kita percaya Kerajaan teiah pun kehilangan punca pendapatan daripada iklan tersebut.

Dan lagi Yang Berhormat Menteri tadi telah membayangkan harga-harga bayaran lesen di beberapa buah negara Singapura, United Kingdom, Indonesia dan sebagainya, adakah ini sebagai satu bayangan yang Malaysia juga akan menaikkan cukai lesen pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1983, jumlah lesen radio yang dikeluarkan ialah 282,893. Pendapatan daripada lesen

radio ialah \$2.8 juta, lesen televisyen dikeluarkan 1,389,000 dan pendapatan daripada lesen TV ialah \$33.3 juta.

Tahun 1984, jumlah lesen radio dikeluarkan 280,000. Pendapatan dari lesen radio ialah \$2.7 juta. Lesen Televisyen dikeluarkan 1.5 juta. Pendapatan daripada lesen TV itu ialah \$36.1 juta.

Jadi, dengan angka-angka ini tentulah tidak mencukupi daripada hasil pendapatan ini untuk kita membiayai segala perbelanjaan untuk menjalankan segala aktiviti atau program di RTM. Dan oleh sebab itulah kita berkehendakkan sumber-sumber daripada apa yang kita dapat usahakan daripada bahagian-bahagian seperti RTM dan lain-lain di dalam Kementerian Penerangan.

Berkenaan dengan hasil menayangkan pengiklanan berkenaan dengan rokok, sungguhpun kita sudah ketatkan syarat-syarat untuk mengiklankan pengiklanan rokok dari segi hasil pada tahun lepas, kita dapat hasilnya lebih kurang \$100 juta. Tahun ini ada kurang sedikit oleh kerana kemelesetan ekonomi juga ada gangguan sedikit daripada ketatkan pengiklanan. Kita harap akan mendapat lebih kurang \$88 juta setingginya, oleh kerana kita masih ada lebih kurang sebulan lagi sebelum kita tamatkan tahun ini. Jadi, dengan ini tentulah kita dapat menjalankan langkah pengiklanan kita yang mendapat hasil kitalah daripada bahagian "commercial dahulu," sekarang sudah bertukar dengan nama pengiklanan.

Tadi saya bayangkan dengan angka-angka daripada negara-negara lain untuk menggambarkan bahawa kita sebagai sebuah negara yang membangun sungguhpun ada saya sebutkan ada negara yang maju tetapi pada hari ini tidak maju seperti kita. Jadi, dengan gambaran ini

menunjukkan bahawa kita bukan mahu "action," tetapi cuma bagi satu gambaran bahawa mengadakan Televisyen berwarna-warni tentulah kita kena bayar sedikit lebihnya. Dalam dunia sekarang ini kita tidak ada mengadakan satu barang yang kita tak bayar kalau ada service yang baik, kalau tidak dapat bayaran pun ianya tentulah tidak seimbang. Jadi, oleh kerana itu cuma Televisyen set berwarna sahaja yang kita naikkan tetapi Televisyen set yang hitam putih itu masih kita kekalkan \$24. Jadi, dari segi hak, dari segi minat, dari segi hasrat untuk memiliki sebuah Televisyen, saya fikir tidak menjejaskan.

DOKTOR/PAKAR DI SARAWAK— KEKURANGAN

6. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar di hospital-hospital, di Negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan doktor dan pakar-pakar di Sarawak sedang diatasi secara beransur-ansur dan keadaan sekarang adalah bertambah baik.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya adalah dengan menambahkan pakar-pakar perubatan dari 28 orang pada tahun 1980 kepada 32 orang pada tahun 1985 iaitu pertambahan sebanyak 14.3% dalam tempoh masa 5 tahun yang lalu. Di samping itu, bilangan pegawai-pegawai perubatan iaitu doktor-doktor biasa juga telah meningkat daripada 67 orang pada tahun 1980 kepada 84 orang bagi tahun 1985. Ini merupakan pertambahan sebanyak

25.3%. Penambahan pakar-pakar perubatan dan pegawai perubatan akan dibuat di Sarawak mengikut keperluan dan apabila pegawai-pegawai seperti ini boleh didapati.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kekurangan doktor di Hospital Besar Daerah Batu Pahat yang begitu teruk keadaannya. Yang kedua, bila Pusat Kesihatan Besar Besar di Kampung Sawah Port Dickson akan memulakan khidmatnya kepada orang ramai.

Dato K. Pathmanaban: Saya ucapkan terima kasih di atas minat Ahli Yang Berhormat mengenai Pusat Kesihatan dalam kawasan saya. Tetapi saya dukacita soal itu adalah terkeluar jauh dari soalan asal.

MAJLIS DAERAH—PERUNTUKAN

7. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementeriannya memberi peruntukan kepada Majlis Daerah-Majlis Daerah untuk menyelenggarakan kawasan tanah lapang yang mana sebelum ini kawasan-kawasan ini adalah termasuk dalam kawasan Majlis Bandaran.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, penyelenggaraan kawasan tanah lapang adalah merupakan salah dari daripada tugas-tugas di bawah tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh Majlis-majlis Daerah masing-masing. Memandangkan hal yang demikian, Kementerian saya pada masa ini tidak ada memberikan peruntukan bagi maksud penyelenggaraan kawasan tanah lapang tersebut.

**PARTI PEMBANGKANG
MENGHASUT PELAJAR-PELAJAR**

8. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada parti-parti lawan di negara kita ini berjaya menghasut pelajar-pelajar kita di dalam dan di luar negeri supaya menentang Kerajaan, jika ya, apakah tindakan Kerajaan bagi mengawal kegiatan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar adanya kegiatan parti-parti Pembangkang yang menghasut pelajar-pelajar supaya menentang Kerajaan. Namun demikian kita harus bersyukur memandangkan kebanyakan pelajar-pelajar kita yang sedang belajar di dalam atau di luar negeri sedar akan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar dan tidak mudah dihasut oleh pihak tersebut.

Tindakan yang sejajar dengan undang-undang negara akan diambil ke atas mereka yang cuba menghasut dan menyebarkan dakyah-dakyah palsu.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang mana Kerajaan telah pun mengetahui bahawa adanya partinya Pembangkang yang menghasut pelajar-pelajar kita supaya menentang Kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan parti-parti Pembangkang mana yang menghasut ini. Di negara kita ini ada dua parti Pembangkang yang paling cergas, dan kenapakah Kerajaan tidak bertindak dalam mengambil tindakan dalam Akta Menghasut kepada mereka ini.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu parti-parti Pembangkang sedang cuba untuk

menghasut pelajar-pelajar kita tetapi buat masa ini tidak ada bukti iaitu mereka itu berjaya dalam percubaannya.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Kementerian telah mengambil tindakan untuk mengetahui apakah sebenarnya sebab-sebab pelajar-pelajar itu menentang dasar Kerajaan? Adakah kerana mereka tak suka demokrasi negara kita atau oleh lain-lain sebab. Kalau ada, apakah langkah telah diambil untuk mengatasinya ketika pelajar-pelajar itu masih belum keluar daripada negara kita?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan sahaja pelajar-pelajar yang belajar di luar negeri yang ada fikiran ataupun buah fikiran yang mungkin menentang beberapa dasar Kerajaan kita, tetapi juga ada golongan-golongan kecil yang ada di dalam negara kita yang mungkin mempunyai fikiran yang begitu juga. Tetapi kita yakin iaitu niat Kerajaan melalui dasar-dasarnya yang dilaksanakan adalah baik dan bertujuan untuk kebaikan masyarakat dan negara.

Walaupun demikian, tentulah ada sebahagian kecil rakyat yang tidak memahami niat-niat atau dasar-dasar Kerajaan dan ini adalah dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "small disenchanted percentage" dan saya percaya sebagai sebuah Kerajaan demokratik, kita mestilah sedar and mentolerate sedikit sebanyak rakyat kita yang menentang apa-apa dasar yang kita hendak buat, tetapi apa yang lebih mustahak, Tuan Yang di-Pertua, adalah kebanyakan rakyat jelata termasuk juga penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar yang memahami dan menyokong dasar Kerajaan.

Dato G. Pasamanickam: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sungguhpun ada sebahagian kecil pelajar-pelajar itu mendapat markah yang tinggi tetapi tak dapat tempat belajar dalam negara kita dan mereka tak dapat pergi ke lain-lain negara, oleh kerana itu adakah sudah jadi perasaan begitu atau lain-lain cara?

Dato Dr Ling Liong Sik: Mungkin itu adalah antara satu punca ketidakpuasan hati di antara pelajar-pelajar atau rakyat remaja di negara kita, tetapi di mana-mana tempat pun di dunia ini tidak terdapat sesuatu keadaan di mana semua yang hendak memasuki universiti dapat memasukinya. Saya percaya dengan pertolongan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi penjelasan kepada rakyat remaja kita, lebih persefahaman boleh dicapai.

PENYAKIT KUKU/MULUT— MEMBENTERAS

9. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan yang telah dan akan dilaksanakan bagi membenteras Penyakit Jangkitan ke atas binatang-binatang ternakan seperti penyakit kuku dan mulut, dan apakah tindakan yang akan diambil atau tuan-tuan punya ternakan yang tidak dapat memberikan pemeliharaan dan kawalan yang sewajarnya ke atas ternakan mereka.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang sudah diambil dan akan terus diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi membenteras penyakit jangkitan ke atas binatang-binatang ternakan seperti penyakit kuku dan mulut adalah dengan menjalankan suntikan pelalian, mempertingkatkan usaha-usaha pengawalan penyakit, memastikan peraturan import

ternakan dipatuhi, mempertingkatkan kawalan terhadap pemindahan ternakan yang berpenyakit ke kawasan lain dan memberi penerangan serta mendapatkan kerjasama dari penternak.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan tidak mempunyai kuasa untuk menangkap ternakan yang berkeliaran tetapi Majlis Daerah adalah mempunyai kuasa untuk menangkap ternakan berkenaan dan mendakwa tuan-tuan punya ternakan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan hanya berkuasa untuk menahan, memeriksa dan merampas ternakan yang disyaki berpenyakit.

BAHAN MENTAH MALAYSIA

10. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah dan peratus jenis bahan-bahan mentah hasil negara yang diproses dalam bentuk; barang-barang siap (manufactured goods) oleh kilang-kilang dalam negeri dan nyatakan langkah-langkah bagi meningkatkan pencapaian tahap industrialisasi tinggi di Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, terdapat banyak jenis bahan-bahan mentah hasil keluaran negara ini. Oleh yang demikian, izinkan saya menumpukan jawapan saya kepada prestasi sektor-sektor perkilangan yang berasaskan kepada bahan-bahan mentah utama negara iaitu seperti getah, kayu, kelapa sawit dan bijih timah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1984, pengeluaran getah asli adalah sebanyak 1.53 juta tan metrik. Daripada jumlah tersebut, hanya

68,820 tan metrik atau 4.5% telah digunakan oleh sektor pembuatan barangan getah tempatan bagi mengeluarkan berbagai keluaran seperti tayar, kasut getah, sarung tangan getah, keluaran-keluaran komponen kereta dan lain-lain.

Bagi sektor perkilangan kayu pula, jumlah pengeluaran kayu balak pada tahun 1983 di Malaysia ialah sebanyak 32.7 juta meter padu setahun. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang sebanyak 13.9 juta meter padu atau 42.5% telah diproses di dalam negeri untuk dijadikan keluaran-keluaran separuh siap seperti kayu gergaji dan papan lapis atau "veneer" dan keluaran-keluaran siap seperti perabot, bahan-bahan binaan dan lain-lain.

Seperti Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, pengeluaran minyak kelapa sawit mentah negara ini pada tahun 1984 telah mencapai 3.7 juta tan metrik di mana hampir 98% daripadanya telah diproses di dalam negeri.

Pengeluaran isirong kelapa sawit pula ialah sebanyak 1.05 juta tan metrik pada tahun 1984 dan boleh dikatakan kesemuanya diproses untuk menghasilkan minyak isirong kelapa sawit mentah dan minyak masak dan lain-lain.

Pengeluaran biji timah pada tahun 1983 berjumlah 41,000 tan metrik di mana lebih kurang 1,100 tan metrik atau 26.8% telah diproses di dalam negeri untuk mengeluarkan, dengan izin, "tin plate, solder, pewterware" dan lain-lain.

Kerajaan kini sedang giat menggalakkan penubuhan projek-projek berasaskan sumber asli yang mempunyai tingkat pemerosesan yang lebih tinggi dan berorientasikan eksport.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi pencapaian kemajuan yang lebih tinggi adalah pemberian berbagai jenis galakan cukai bagi keluaran-keluaran yang diutamakan seperti pengecualian dari bayaran duti bagi bahan-bahan yang diimport, pemberian diskaun harga-harga getah dan elektrik bagi pengilangan barang-barang getah, pemberian rebate bagi penggunaan kayu tempatan di Sabah dan Sarawak dan lain-lain lagi.

Kerajaan juga berusaha mempergiatkan lagi perkhidmatan penasihat teknikal melalui badan-badan penyeiidikan Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai kelapa sawit yang telah hampir semuanya diproses dalam kilang-kilang di negara kita iaitu 98% termasuk isirong dan buah sawit, tetapi sebagaimana yang kita ketahui ada lagi bahan-bahan hasil sawit ini iaitu tandan sawit. Diminta penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri berapakah jumlah volume tandan sawit ini yang diproses untuk kegunaan makanan ternakan dan sebagainya?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak dapat memberi angka-angka tersebut untuk dimaklumkan kepada Ahli yang Berhormat. Tetapi suka saya menyampaikan, kalau saya diberi peluang. Walau bagaimanapun, suka juga saya menyatakan di sini bahawa penyelidikan terus dijalankan oleh badan-badan penyelidik dalam negara ini untuk meningkatkan lagi penggunaan bahan-bahan mentah negara supaya dapat dieksport setelah diproses ataupun secara barang siap.

Tuan Abdul Ghani Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita maklum bahawa Kerajaan telah berjaya menguasai sektor pengeluaran utama, sama ada di dalam bidang perlombongan ataupun perladangan. Ada rakyat biasa yang pernah menanya kalau kita menyorot semula tindakan kita 5-7 tahun yang kebelakangan ini, alangkah lebih baik kalau sekiranya kita melabur kepada sektor-sektor yang menggunakan bahan-bahan tersebut sama ada industri ataupun sektor itu berada di negeri ini ataupun di luar negeri supaya kita dapat menguasai teknologi-teknologi dan juga pasaran. Jadi soalan saya ialah kalau kita pada hari ini dapat menyorot kembali tentang apa langkah yang lebih wajar, saya menanya apakah persepsi kita dalam soal ini pada masa hadapan dalam soal ini? Terima kasih.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan itu diulang, saya tidak dapat tangkap soalnya.

Tuan Abdul Ghani Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini mempunyai masalah tidak dapat menggunakan sumber-sumber keluaran kita pada kadar yang tinggi, kita lebih ghairah menguasai dengan cara di peringkat pengeluaran bahan-bahan tersebut. Ada pandangan mengatakan alangkah lebih baik kalau sekiranya kita menyalurkan pelaburan kita kepada industri-industri, membeli industri-industri itu ataupun meletakkan equity kita pada industri-industri tersebut yang menggunakan bahan-bahan itu supaya kita dengan secara langsung dapat menguasai teknologi dan dengan itu juga menguasai pasaran di merata dunia.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua sememangnya rancangan perindustrian negara ataupun dengan izin, industrialisation programme bagi negara kita ini dikaji

dari masa ke semasa, bahkan pemelbagaian sektor ekonomi kita dilakukan dari semasa ke semasa. Kalau kita menoleh ke belakang sedikit, dahutu kita bergantung kepada pengeluaran bijih timah dan getah asli semata-mata, tetapi hanya pada pertengahan tahun 1960an baru kita menekan kepada soal pelbagaian sektor ekonomi kita dengan adanya tanaman kelapa sawit, koko dan lain-lain lagi di samping menekan kepada wujudnya beberapa banyak industri-industri yang boleh menggantikan import serta menekankan penubuhan industri-industri untuk menambahkan jumlah yang dieksport.

Sebagai latar belakang itulah apa yang dilakukan oleh Kerajaan. Sememangnya Kerajaan sebolehnya boleh suka melihat seberapa banyak daripada bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh kita diproses dalam negara dan dari masa ke semasa perlu ditingkatkan pula peringkat pemerosesan ataupun pembuatan barang-barangan keluaran daripada bahan-bahan mentah ini sama ada dengan cara kajian-kajian dibuat dengan teknologi yang ada diperbaiki ataupun teknologi yang diperolehi dari luar negeri. Tetapi kita mesti menyedari bahawa bukan sahaja teknologi-teknologi untuk memproses dan membuat barang-barang keluaran daripada bahan-bahan mentah kita ihi dikuasai oleh negara-negara besar yang terlebih dahulu maju daripada kita, tetapi juga mereka menguasai pasaran itu sendiri dan dengan dasar kewangan dan juga dasar ekonomi mereka telah mengawal pasaran-pasaran yang berkenaan.

Menerusi rangkaian-industri-industri seperti industri tayar yang dipelopori oleh syartkat Multi-National, dengan izin, seperti Good Year, Dunlop, Firestone, Michelin dan lain-lain. Maka sukar bagi kita hendak menembusi pasaran-pasaran ini, kalau kita tidak dapat

menawarkan kepada pasaran dunia suatu jenis tayar umpamanya, yang boleh mengatasi mutu yang telah pun dapat diasaskan oleh industri-industri yang sudah pun bertapak terlebih dahulu daripada kita.

Selain daripada itu kawalan pasaran-pasaran kecil yang dikawal oleh industri-industri yang sudah lama bertapak ini menyukar dan menyulitkan kita untuk menembusi pasaran-pasaran tersebut. Walau bagaimanapun, kita tidak berputus asa dan sememangnya di bawah rancangan induk perindustrian yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan pada awal tahun depan, kita memang hendak meningkatkan taraf teknologi kita supaya dapat bukan sahaja kita memproses seberapa banyak yang boleh bahan mentah yang dikeluarkan untuk kita, bahkan akan cuba meningkatkan mutu serta juga produktiviti pengeluaran barang-barang ini supaya dapat bersaing di pasaran-pasaran yang sudah pun dikawal dan dikuasai oleh multinational seperti yang saya sebutkan tadi. Kajian-kajian akan terus dilakukan supaya banyak lagi barang-barang yang belum lagi diperkenalkan daiam dunia yang akan mengguna bahan mentah kita supaya ia akan dapat mengambil tempat yang wajar pula untuk bertanding dalam pasaran-pasaran hasil pembuatan daripada bahan-bahan mentah kita.

PERTANIAN BAGI PEKEBUN KECIL

11. Tuan Abdul Ghani Othman minta Perdana Menteri menyatakan bahawa pembangunan pertanian secara bersepadu dan *in-situ* membuka harapan dan ruang baru kepada pekebun kecil. Tetapi, siapa yang sebenarnya diberi tanggungjawab dan berkeupayaan melaksanakannya. Adakah RISDA, RRI, LPP, Jabatan Pertanian atau FELCRA dan

Kementerian mana pula yang wajar memainkan peranan utama dalam bidang ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dilaksanakan untuk mendapatkan penglibatan serentak agensi dan Jabatan Kerajaan yang terlibat supaya kemudahan-kemudahan yang melibatkan aspek pembangunan pertanian seperti infrastruktur, khidmat penyelidikan, pembangunan, pemasaran, kemudahan kredit dan lain-lain dapat disalurkan dengan lebih tersusun dan berkesan. Dengan konsep ini kemudahan yang disalurkan oleh agensi-agensr berkenaan itu dapat diawasi dan diselaraskan oleh pihak pengurusan projek (integrated Agricultural Development Project) itu dengan lebih cekap dan teratur.

Kementerian yang memainkan peranan utama di dalam pelaksanaan projek ini ialah Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Di bawah konsep pembangunan pertanian secara bersepadu atau *in-situ* ini, Agensi/Jabatan penting di bawah kedua-dua Kementerian tersebut memainkan peranan utama di dalam menjayakan projek. Agensi-agensi berkenaan ialah Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, MARDI, FAMA, Bank Pertanian, RISDA, FELCRA dan lain-lain. Selain daripada agensi-agensi yang disebutkan itu, ada juga agensi-agensi yang lain yang memainkan peranan dan memberi sumbangan terhadap kejayaan projek itu seperti Lembaga Elektrik Negara dan Jabatan Kerja Raya.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat

Menteri kalau saya ambil contoh katakan mungkin di satu kawasan Maran misalnya, manakah satu Kementerian ataupun manakah satu agensi Kerajaan yang meneraju projek pembangunan bersepadu itu, Kalau Maran tidak ada contoh, saya minta Yang Berhormat Menteri beri satu contoh manakah satu Kementerian yang sebenarnya mengambil inisiatif untuk memajukan dan seterusnya jabatan-jabatan lain bersama-sama bekerjasama menerajukan projek pembangunan bersepadu dan *in-situ*.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ini berjalan secara kolektif, mana-mana projek yang dilancarkan sama ada di peringkat daerah melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah ataupun negeri melalui Jawatankuasa Tindakan Negeri, mahupun peringkat Kerajaan pusat sekiranya diputuskan ianya sebagai projek bersepadu maka jentera-jentera yang saya sebutkan tadi dengan sendirinya digerakkan.

SISTEM SEMESTER DI SEKOLAH

12. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan supaya sistem semester dijalankan di sekolah-sekolah, jika ada maka bilakah pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada mempunyai rancangan untuk melaksanakan sistem semester di sekolah-sekolah.

PINGAT SERI PAHLAWAN GAGAH PERKASA—ELAUN

13. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk

memberi elaun kepada pejuang-pejuang Malaysia yang telah dikurniakan Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.). Jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memberikan elaun secara "token" kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.) atau kepada warisnya jika penerima bintang tersebut telah meninggal dunia.

ROKOK KRETEK— PENYELUDUPAN

14. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan negara kita sedang menghadapi masalah penyeludupan rokok kretak daripada negara jiran yang mana akan menjejaskan perusahaan tembakau negara. Bolehkah pihak Kementerian yang berkenaan memberitahu perangkaan rokok-rokok yang tersebut yang telah dirampas dalam tahun 1983, 1984 dan dari Januari-September 1985; jika demikian apakah strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah nilai rokok kretak yang telah diseludup adalah seperti berikut:

Untuk tahun 1983 nilainya	\$20,245.38
Untuk tahun 1984 nilainya	\$79,361.14
Untuk tahun 1985 (bulan Januari hingga bulan Mac)	\$ 7,133.78

Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja untuk mengatasi masalah ini ialah seperti berikut:

- (a) Mengadakan rondaan di darat dan di laut.
- (b) Mengadakan sekatan jalan raya.

- (c) Menjalankan serang hendap atas maklumat yang diterima.
- (d) Membuat serbuan di tempat-tempat tertentu; dan
- (e) Menjalankan operasi bersama dengan unit pencegah penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh untuk pertanyaan-pertanyaan bagi soal jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 32 adalah diberi di bawah ini)

AMBULAN DI PUSAT KESIHATAN

15. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada langkah-langkah telah diambil untuk menentukan bilangan ambulan yang mencukupi sentiasa ada untuk mengangkut pesakit-pesakit yang tenat dari Kampong-kampong ke hospital-hospital terutama apabila terdapat beberapa kes kecemasan dalam satu masa.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan memang sudah ada rancangan untuk menempatkan sebuah ambulan di setiap Pusat Kesihatan berdasarkan kepada keperluan di tempat-tempat tersebut bagi melayani keperluan penduduk-penduduk kawasan luar bandar. Dalam keadaan biasa, bilangan kenderaan yang ada di Pusat Kesihatan adalah mencukupi. Sekiranya berlaku beberapa kes kecemasan secara serentak maka bilangan ambulan yang diperlukan pada masa itu bolehlah di tambah dengan menggunakan ambulan dari Pusat Kesihatan atau Hospital yang berhampiran. Jika keadaan masih mendesak, kenderaan-kenderaan lain

yang ada di Pusat Kesihatan berkenaan boleh digunakan untuk mengangkut kes-kes kecemasan itu. Di samping itu, kenderaan dari jabatan-jabatan Kerajaan yang lain boleh juga digunakan apabila perlu.

KEEVACHEE—SIASATAN ATAS TEMBAKAN

16. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada siasatan sedang dibuat berhubung dengan suatu kejadian tembak di Ipoh yang melibatkan seorang yang bernama Keevachee; jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan mengeluarkan arahan-arahan kepada polis bahawa mereka tidak seharusnya menembak orang-orang awam hanya semata-mata kerana mereka tidak berhenti di halangan jalan untuk pemeriksaan; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk menentukan bahawa apabila sekatan jalan dibuat di waktu malam, ia mestilah diterangi dengan secukupnya supaya pemandu kenderaan dapat melihat sekatan jalan itu dari jarak jauh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):

- (a) (i) Siasatan yang meliputi semua aspek berhubung dengan satu kejadian tembak di Ipoh yang melibatkan seorang yang bernama Keevachee sedang dijalankan oleh pihak polis.
- (ii) Sememangnya ada arahan Kerajaan sebagaimana yang termaktub dalam

Hukuman Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) bahawa setiap anggota polis tidak dibenarkan melepaskan sebarang tembakan semasa membuat tugas rasmi kecuali dalam keadaan tertentu iaitu untuk mempertahankan diri dari sesuatu serangan terhadap dirinya yang mana akan menyebabkan kecederaan parah dan kematian; ataupun semasa menyuraikan rusuhan untuk menyelamatkan harta-benda termasuk bangunan-bangunan yang dijaga; menyelamatkan perempuan dari dirogol atau orang-orang yang dicolek atau seseorang yang kena pukul yang boleh menyebabkan kematian atau cedera parah.

- (b) (i) Mengenai perintah bahawa sekatan jalan raya di waktu malam mestilah diterangi dengan secukupnya mengikut peraturan yang digarispandukan di dalam Hukuman Tetap Ketua Polis Negara Bahagian A127, peralatan-peralatan yang disediakan:

(a) Satu "luminous white collapsible steel sign board" ukuran 3' 6" bertulis dengan "luminous red" perkataan-perkataan. "BERHENTI PEMERIKSAAN POLIS" yang didirikan di atas "white metal

frame" ukuran 5' dengan 4' 3".

- (b) Dua lampu merah "hurricane" yang dipasang dan disangkutkan di kiri kanan "white metal frame" berkenaan.
- (c) Sekurang-kurangnya satu Lampu Visi (blinder) yang diletakkan di tengah-tengah bahagian atas "white metal frame" berkenaan.
- (d) Satu "marshalling light" digunakan untuk memberi amaran kepada kenderaan yang datang.
- (e) Anggota-anggota polis yang bertugas dikehendaki memakai "luminous white jacket and reflectorised gloves" dan membawa lampu picit.

- (ii) Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan kadangkala terdapat sekatan jalan raya di adakan dengan secara serta-merta/mengejut di atas sebab-sebab yang tertentu. Di dalam keadaan sedemikian kemungkinan peralatan-peralatan yang disebutkan di atas tidak dapat digunakan pada mula-mulanya demi untuk mengejar masa tetapi akan dibekalkan oleh pihak balai yang berkenaan kemudiannya, untuk mematuhi

- peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- (iii) Kesemua peralatan-alatan yang disebut di atas adalah barang-barang bekalan dan pembekalannya dibuat sehingga ke peringkat Balai Polis.
 - (iv) Penyemakan juga telah dibuat sehingga 3 tahun kebelakangan ini, didapati tiada pula "incident" kejadian kemalangan melanggar papan tanda sekatan jalan raya ada terjadi.
 - (v) Peralatan-peralatan dan peraturan-peraturan yang sedia ada didapati mencukupi dan pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menambah atau memindanya. Walau bagaimanapun pihak polis sentiasa membuat kajian dari masa ke semasa untuk memastikan agar peralatan-peralatan yang digunakan untuk sekatan jalan raya sesuai untuk kegunaan semasa.

KEMUDAHAN ASAS DI KAMPUNG-KAMPUNG— SUNGUTAN

17. Tuan Haji Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih ada sungutan-sungutan rakyat di kampung-kampung yang menyatakan mereka masih tidak mendapat kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan api elektrik dan bekalan air. Jika sedar bolehkah Menteri yang berkenaan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah mengenalpasti banyak mana-mana kampung-kampung yang

tidak mendapat kemudahan asas dan banyak manakah yang telah mendapatnya diseluruh negara; dan

- (b) dalam kajian Kerajaan berapa tahun lagi masalah kemudahan asas ini dapat diselesaikan dan apakah Kerajaan bercadang menetapkan tempoh tamat pembangunan luar bandar seperti tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Kementerian saya memang sedar bahawa banyak lagi kampung-kampung di luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air. Seperti yang pernah saya nyatakan di Dewan Yang Mulia ini segala usaha telah dan sedang dibuat agar kemudahan-kemudahan asas ini dapat diadakan dan dinikmati di kampung-kampung yang masih belum menikmati kemudahan-kemudahan asas tersebut. Sebagai contoh walaupun dalam keadaan kewangan negara yang tidak menggalakkan, Kerajaan Persekutuan terus mengadakan peruntukan kewangan untuk melaksanakan kemudahan-kemudahan asas ini di luar bandar.

Kementerian saya telah pun mengenalpasti sebahagian besar daripada kampung-kampung di luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan-kemudahan asas ini dan telah pun merancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) nanti.

Bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar, Kementerian saya menganggarkan lebih kurang 70% daripada kampung-kampung di luar bandar akan menikmati bekalan elektrik apabila Projek-projek Rancangan Malaysia Keempat siap nanti. Ini bermakna

lebih kurang 30% daripada kampung-kampung di kawasan luar bandar masih belum mendapat bekalan elektrik. Bagaimanapun adalah sukar untuk menentukan sama ada elektrik dapat dibekalkan kesemua kampung yang masih belum menikmatinya sebelum tahun 1990. Mengikut kajian Kementerian saya bagi membekalkan kepada baki 30% isi rumah di luar bandar ia memerlukan peruntukan yang agak besar dan dengan demikian akan bergantung kepada keadaan kewangan negara.

Manakala bagi bekalan air luar bandar pula adalah dianggarkan lebih kurang 60% daripada bilangan rumah di kawasan luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih apabila kesemua projek-projek bekalan air luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keempat siap nanti. Ini bermakna lebih kurang 40% lagi bilangan rumah di kawasan luar bandar masih belum menikmati bekalan air bersih. Sama seperti bekalan elektrik tadi, adalah sukar untuk menentukan bekalan keseluruhan kawasan luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih kerana ini juga bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Berhubung dengan jalan kampung pula, ingin dimaklumkan bahawa jalan-jalan kampung yang telah dikenalpasti ialah sepanjang 15,959.9 km (9,974.94 batu). Program menaikkan taraf jalan kampung di mana jalan-jalan tanah merah dinaikkan tarafnya ke jalan tar, telah dilancarkan pada tahun 1981. Adalah dianggarkan dari tarikh tersebut sehingga akhir tahun 1985 sepanjang 5,313,072 km akan ditarkan iaitu 33% daripada keseluruhan jumlah jalan kampung yang telah dikenalpasti. Dari segi jumlah kampung yang telah dapat dinikmati kemudahan ini adalah tidak dapat ditentukan dengan tepat. Ini adalah kerana sesuatu batang jalan itu yang telah dilaksanakan akan

memberi kemudahan perhubungan untuk dua atau tiga buah kampung sekali gus. Prestasi pencapaian pelaksanaan jalan kampung adalah dilihat dari segi panjang jalan yang telah dibina. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa hampir 40% kampung telah pun menikmati kemudahan jalan tar secara langsung atau tidak langsung (peratus ini tidak termasuk jalan tanah merah).

Kementerian saya tidak dapat menentukan dengan tepat bilakah kesemua kampung-kampung yang ada di negara ini dapat menikmati kemudahan asas sepenuhnya. Walau bagaimanapun kemudahan-kemudahan asas bagi sebilangan besar kampung-kampung di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Namun begitu bilangan projek-projek yang akan dapat dilaksanakan adalah bergantung kepada keadaan kewangan negara dari masa ke semasa.

PERINDUSTRIAN NEGARA— PENYERTAAN BUMIPUTERA

18. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menukarkan Dasar Ekonomi Negara dari Negara Pertanian kepada Negara Perindustrian secara total. Jika benar demikian apakah langkah-langkah yang telah disediakan untuk mencapai matlamat tersebut terutama sekali penyertaan Bumiputera dalam bidang perindustrian negara yang menggunakan teknologi moden.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Dasar Kerajaan sekarang adalah tidak bertujuan untuk menukarkan kedudukan negara ini dari sebuah negara pertanian kepada sebuah negara yang bergantung sepenuhnya kepada sektor perindustrian. Pembangunan sektor perindustrian

sebenarnya adalah berkaitrapat dengan pembangunan sektor pertanian hasil dari penekanan ke atas perindustrian berasaskan sumber. Kebanyakan industri yang telah dirancang adalah bergantung kepada hasil pertanian sebagai input, begitu juga sebaliknya. Pembangunan perindustrian adalah banyak bergantung kepada pengeluaran sektor pertanian untuk bahan-bahan inputnya manakala sektor pertanian pula akan bergantung kepada sektor perindustrian untuk mendapatkan baja, mesin dan lain-lain lagi. Peranan kedua-dua sektor adalah saling melengkapi walaupun sektor perindustrian akan menjadi bertambah penting disebabkan harga barangan yang semakin menurun

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

19. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang Negara setakat ini dibandingkan dengan beberapa tahun yang lepas. Berapa pula jumlah wang simpanan (reserves) yang ada dan disimpan dalam bentuk apa; bagaimana pula bandingannya dengan tahun-tahun yang lampau.

Dato Dr Tan Tiong Hong:

- (i) Kedudukan jumlah bagi hutang Kerajaan Persekutuan seperti pada 30hb November, 1985 yang terdiri dari hutang dalam dan luar negeri adalah berjumlah sebanyak \$60.9 ribu juta dan perbandingannya dengan tahun-tahun yang lepas adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah (\$ Billion)</i>
1981 ..	30.6
1982 ..	41.1
1983 ..	50.8
1984 ..	57.8

- (ii) Jumlah baki hutang luar negeri negara Malaysia - pula yang terdiri daripada hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan, jaminan Kerajaan dan sektor swasta dianggarkan berjumlah \$40.4 ribu juta dalam tahun 1985 berbanding dengan \$15.4 ribu juta bagi tahun 1981, \$24.3 ribu juta bagi tahun 1982, \$31.8 ribu juta bagi tahun 1983, dan \$37.4 ribu juta bagi tahun 1984.

- (iii) Jumlah cadangan luar negeri (reserves) pula seperti pada 30hb November, 1985 adalah sebanyak \$11.8 ribu juta. Cadangan luar negeri (reserves) ini adalah dalam bentuk emas dan pertukaran wang asing, Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights) dan cadangan di Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF). Jumlah cadangan luar negeri bersih dari tahun 1981 hingga 30hb November, 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah (\$ Juta)</i>
1981 ..	9,794.1
1982..	9,332.0
1983 ..	9,443.1
1984..	9,629.8
November 1985	11,775.9

DADAH—HUKUMAN GANTUNG ATAS KESALAHAN

20. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah bilangan rakyat asing yang telah ditangkap serta kena penjara dan dihukum gantung bersabit dengan kesalahan dadah di negara kita ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Sejak tahun 1975 hingga 30hb November, 1985, seramai 744 orang rakyat asing telah ditangkap di atas kesalahan-kesalahan yang bersabit dengan dadah. Dari jumlah ini seramai 148 orang telah di tuduh di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Seramai 23 orang dari jumlah yang dituduh di bawah Seksyen 39B itu telah dikenakan hukuman gantung dan 6 orang daripada mereka telah pun dilaksanakan hukuman; manakala 17 orang lagi menunggu keputusan rayuan dan melaksanakan hukuman. 6 orang yang telah pun dilaksanakan hukuman gantung adalah warganegara Singapura.

17 orang yang menunggu keputusan rayuan dan pelaksanaan hukuman gantung adalah seperti berikut:

Hongkong	8
Thailand	4
Filipina.. .. .	2
Australia	2
Indonesia	1
JUMLAH ..	17

20 orang rakyat asing yang dituduh telah dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Mereka adalah seperti berikut:

Thailand	11
Singapura	2
Filipina..	1
Australia	2
Hongkong ..	2
Amerjka	1
Peranchis	1
	20

Bagi mereka yang ditangkap dan didenda di atas kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen-seksyen yang lain dan dijatuhkan hukuman denda dan penjara berjumlah 596 orang.

PENCEN KEPADA KAKITANGAN AWAM

21. **Tuan Kee Yong Wee** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada keputusan telah dibuat untuk mengurangkan pencen yang diberikan kepada kakitangan awam yang bersara dan sejauh manakah ini akan mengakibatkan kakitangan awam yang kini sudah lebih cenderung bekerja di sektor swasta.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan tidak pernah membuat apa-apa keputusan untuk mengurangkan pencen yang telah diberikan kepada kakitangan awam yang telah bersara atau kepada kakitangan awam yang sedang berkhidmat dan memegang jawatan tetap dan berpencen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hak-hak pencen mereka adalah dilindungi oleh Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian kesannya itu tidak timbul.

UNIVERSITI TEMPATAN BAGI PELAJAR-PELAJAR

22. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sebarang rancangan untuk mengatasi masalah kekurangan tempat belajar di Universiti-universiti tempatan supaya lebih ramai murid dapat diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk menambah

peluang tempat belajar di universiti-universiti tempatan. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) Menubuhkan cawangan universiti-universiti tempatan seperti cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia di Sabah cawangan Universiti Pertanian di Sarawak, cawangan Universiti Sains Malaysia di Perak dan lain-lain.
- (ii) Menambah pengambilan pelajar di universiti-universiti tempatan yang sedia ada dengan menubuhkan fakulti-fakulti dan kursus-kursus baru.

Namun begitu, pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti tempatan masih mempunyai peluang untuk memohon masuk ke pusat-pusat latihan perguruan, Institut Teknologi Mara, Kolej Tunku Abdul Rahman dan lain-lain institusi bagi melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang teknik dan ikhtlas.

PUSAKABUMI—MENAMBAH TENAGA KERJA

23. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa fungsi-fungsi Unit Penyertaan Bumiputera di beberapa agensi Kerajaan masih wujud dan berkembang sedangkan tugas yang sepatutnya dikendalikan oleh PUSAKABUMI masih di tahap yang lama; dan
- (b) tindakan Kerajaan bercadang menambahkan lagi tenaga kerja PUSAKABUMI seperti mana yang telah dicadangkan pada pertengahan 1983 supaya tambahan 100 orang tenaga

kerja dibuat untuk mempercepat tugas pendaftaran dan pengkelasannya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

Saya sedar bahawa fungsi-fungsi Unit Penyertaan Bumiputera di beberapa agensi Kerajaan masih wujud oleh kerana PUSAKABUMI mengambil alih hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran kontraktor kerja dan pemberian taraf Bumiputera sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai bulan April, 1984, Kerajaan telah meneliti semula objektif dan peranan PUSAKABUMI dan telah membuat sedikit pindaan dengan menetapkan bahawa:

- (i) PUSAKABUMI dijadikan pusat tunggal di mana kontraktor-kontraktor boleh berdaftar sekiranya mereka ingin mengambil bahagian dalam urusan tawaran Kerajaan;
- (ii) menimbang dan memberi taraf Bumiputera kepada kontraktor-kontraktor kerja yang berkecualan;
- (iii) menjadi pusat rujukan ke atas perihal kontraktor-kontraktor kerja; dan
- (iv) bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bantuan kepada kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kontrak kerja di Jabatan/ Agensi-agensi yang tidak mempunyai Unit Bumiputeranya sendiri.

Berikutan dengan keputusan yang tersebut di atas, Kerajaan telah bersetuju meluluskan 140 jawatan tambahan bagi semua kumpulan A, B, C dan D kepada PUSAKABUMI. Pengisian jawatan tambahan tersebut dibuat secara berperingkat-peringkat dan sehingga kini terdapat 73 jawatan yang belum lagi diisi. Walau

bagaimanapun bagi menampung kekosongan yang ada, pekerja-pekerja sambilan diambil dahulu sementara menunggu perlantikan tetap dibuat supaya urusan kerja di PUSAKABUMI tidak terhinder.

PINJAMAN BIASISWA— SYARAT-SYARAT

24. Tuan Jaafar bin Harun minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengetatkan lagi syarat-syarat Pinjaman Biasiswa kepada peminjam-peminjam supaya mereka tidak melarikan diri; berapakah angka-angka biasiswa yang telah diberi pinjam sama ada yang telah menjelaskan dan yang masih berhutang.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Untuk makluman Ahli Berhormat yang bertanya sukalah saya menyatakan bahawa kecuali biasiswa dan pinjaman pelajar MARA, Kerajaan Pusat tidak ada memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka. Saya percaya maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai biasiswa/pinjaman pelajaran MARA. Syarat-syarat pemberian biasiswa/pinjaman pelajaran MARA yang sedia ada adalah memadai dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun, syarat tambahan dikenakan iaitu pemegang-pemegang biasiswa/pinjaman dikehendaki menandatangani borang potongan gaji sewaktu tawaran dikeluarkan. Potongan gaji dibuat setelah pelajar-pelajar berkenaan mendapat pekerjaan apabila menamatkan pengajian mereka. Tempoh bayaran balik biasiswa/pinjaman dimulakan enam bulan dari tarikh jadual bayaran balik yang telah ditetapkan selepas mereka melapor diri dengan MARA setelah menamatkan pelajaran mereka.

Bayaran balik biasanya sebanyak \$100 sebulan tetapi tidak melebihi \$400 sebulan.

Jumlah angka pemberian biasiswa/pinjaman serta bayaran balik sehingga bulan Disember 1984 adalah seperti berikut:

Jumlah Pemberian	26,449
Jumlah Tamat	19,372
Jumlah yang telah menjelaskan bayaran balik		6,797
Jumlah yang sedang membuat bayaran	—	12,575

HARGA KELAPA SAWIT

25. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan harga kelapa sawit sekarang dan tindakan Kerajaan akan ambil untuk memperbaiki keadaan tersebut,

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar yang masing-masingnya dijadualkan untuk dijawab pada 12 dan 20 Disember 1985. Ini adalah memandangkan kesemua soalan ini adalah segi perkara yang ditanyakan.

Kementerian Perusahaan Utama sememangnya sedar atas kejatuhan ketara harga minyak kelapa sawit yang dialami semenjak bulan Ogos lalu bilamana paras harga bahan ini mulai jatuh keparas kurang dari \$1,000 se tan metrik. Sejak dari itu, harga bahan ini terus merosot hingga keparas terendah di sekitar \$630 se tan metrik dalam minggu kedua bulan Oktober lalu, sebelum beransur-ansur pulih melebihi \$700 se tan metrik mulai 21 November yang lalu. Pada masa ini harga bahan tersebut berada di paras

\$730-\$740 se tan metrik. Pemulihan ini adatah disebabkan menjelangnya musim hujan dan kemungkinan banjir serta kedatangan musim pengeluaran yang berkurangan mulai bulan Disember tahun ini hingga bulan April tahun hadapan.

Suka saya jelaskan bahawa turunkan harga minyak kelapa sawit adalah lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor asing di luar kawalan negara memandangkan bahan ini hanya merupakan satu daripada 16 jenis minyak dan lemak utama yang bersaing sengit di antara satu sama lain di dalam kompleks pasaran minyak dan lemak dunia. Walaupun begitu, beberapa langkah dalam iingkungan kemampuan kerajaan dan perusahaan kelapa sawit sedang diambil untuk menghadapi kesan-kesan masalah harga dan pasaran yang menurun ini, seperti berikut:

- (i) menahan stok minyak kelapa sawit daripada dilepaskan berleluasa di pasaran yang berlebihan pada masa ini untuk disimpan dan dilepaskan secara beransur-ansur apabila keadaan pasaran bertambah baik. Di dalam hubungan ini keadaan pasaran minyak kelapa sawit diramal akan mengalami sedikit pemulihan menjelang musim pengurangan pengeluaran yang lazimnya berlaku di antara bulan Disember hingga April.
- (ii) meningkatkan lagi kemampuan menyimpan negara untuk membolehkan perusahaan kelapa sawit bertahan lebih lama di dalam keadaan kemelesetan permintaan dan harga.
- (iii) meningkat lagi daya persaingan minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran eksport menerusi langkah-langkah mengurangkan kos

pengeluaran, meningkatkan lagi produktiviti, menjamin kemandapan bekalan dan mutu serta melancarkan kegiatan-kegiatan pemasaran yang lebih agresif, kreatif, strategik dan berkesan. Penghantaran misi galakan pasaran minyak kelapa sawit Malaysia ke Republik Korea dan Jepun yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Utama baru-baru ini merupakan usaha terbaharu Kementerian di dalam bidang ini.

- (iv) memperbaiki kemasukan minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran-pasaran antarabangsa (access to International markets) menerusi rundingan-rundingan mengurangkan dan menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif ke atas bahan tersebut. Di antara hasil terbaharu yang dicapai ialah persetujuan Republik Korea mengurangkan duti import ke atas minyak kelapa sawit daripada 12% kepada 10% dan duti import ke atas minyak isirong kelapa sawit dari 30% kepada 25% mulai tahun hadapan. Dalam masa yang sama juga, pihak Jepun telah bersetuju untuk menghapuskan sama sekali duti import ke atas minyak kelapa sawit mulai tahun hadapan.
- (v) menambah, meluas dan mempelbagaikan kegunaan minyak kelapa sawit baik di bidang pemakanan mahupun di bidang perusahaan seperti pembuatan Vitamin E, diesel kelapa sawit dan eleo-kimia.
- (vi) melancarkan semula pasaran hadapan minyak kelapa sawit

di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE). Pelancaran semula ini telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb Oktober 1985, yang lalu.

- (vii) meninjau peluang-peluang mengadakan lebih banyak lagi perdagangan kaunter yang melibatkan penjualan minyak kelapa sawit.

PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA/INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

26. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan di dalam KBSR, pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di SRJK (T) dan (Cina) bagi tahun 2 diperuntukkan masa selama 150 minit Bahasa Malaysia dan 90 minit untuk Bahasa Inggeris dalam seminggu. Dengan jumlah masa seperti itu tidak mencukupi bagi mengendalikan dan melicinkan pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Adakah Kerajaan bercadang menambahkan lagi masa tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Masa yang diperuntukkan bagi pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah mencukupi, berdasarkan kepada sukatan pelajaran dan jumlah kemahiran yang perlu diajar. Oleh itu Kementerian Pelajaran tidak bercadang menambah lagi masa bagi pengajaran kedua-dua mata pelajaran tersebut. Perlu dijelaskan di sini bahawa program Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) diteruskan sehingga Kelas Peralihan.

LESEN TEKSI BAGI BUMIPUTERA

27. **Tuan Haji Mohamed bin Yahaya** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan sejak tahun 1980-1985 bagi Bumiputera.

9-72-85

2. **Tuan Haji Mohamed bin Yahaya** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah lesen-lesen teksi untuk Bumiputera yang ditarik balik sejak 1980-1985.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Ratldah Aziz): Dalam menjawab soalan ini, saya mohon izin untuk menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yahaya juga yang dijadualkan pada 9-12-1985 atas perkara yang serupa.

Daripada tahun 1980 hingga bulan Oktober 1985, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) telah mengeluarkan sejumlah 6,511 lesen teksi kepada Bumiputera. Ini merupakan 59.1% daripada jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan bagi tempoh tersebut.

Bagi tempoh yang sama, bilangan lesen teksi untuk Bumiputera yang ditarik balek ialah 987.

BIL BAYARAN TELEFON

28. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa sejak akhir-akhir ini bil bayaran telefon melompat tinggi kadar jumlahnya dari sebulan ke sebulan iaitu bagi pengguna rumah persendirian; sama ada ini disebabkan oleh pengswastaan;
- (b) adakah Menteri sedar, bahawa ada kejadian menggunakan

talian orang lain untuk kegunaan mereka secara haram. Apakah kesilapan sewaktu pendawaian talian boleh menyebabkan kejadian jumlah bayaran yang banyak bagi pengguna persendirian ini. Apakah selama ini Menteri ada menerima aduan seperti ini dari semasa ke semasa. Jika ada, mengapakah kejadian ini berlaku juga lagi, apakah tindakan yang diambil oleh Menteri mengatasi rungutan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa tuntutan bayaran penggunaan telefon tidaklah boleh dibandingkan dengan tuntutan bayaran perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti air dan elektrik, di mana pada biasa jumlahnya boleh dikatakan agak statik iaitu tidak banyak berubah dari sebulan ke sebulan yang lain. Tuntutan bayaran penggunaan telefon sebaliknya tidak mungkin sama pada setiap bulan. Ianya mungkin turun naik bergantung kepada penggunaan seseorang pelanggan. Dengan, demikian, soal kenaikan jumlah tuntutan bayaran penggunaan telefon tidaklah kena mengena dengan pengswastaan.

Sungguhpun Kerajaan telah menaikkan bayaran panggilan telefon dalam negeri daripada 10 sen kepada 13 sen se unit mulai dari 16hb Julai, 1985, kesannya kepada pengguna-pengguna rumah persendirian, khususnya mereka yang mempunyai penggunaan rendah, tidaklah begitu buruk. Ini adalah kerana Kerajaan masih mengekalkan pemberian 100 unit panggilan percuma sebulan kepada semua pelanggan.

Suka juga saya menyatakan di sini bahawa kenaikan bayaran panggilan telefon dalam negeri yang telah dilaksanakan itu adalah amat perlu

untuk menampung perbelanjaan dalam penyediaan rangkaian telekomunikasi di negara ini yang kian berkembang dengan pesatnya. Tambahan pula, kadar bayaran 10 sen seunit itu telah diperkenalkan sejak 20 tahun dahulu (pada tahun 1965) dan jika dikira berdasarkan faktor inflasi, bayaran yang sepatutnya dikenakan ialah 23sen.

Kementerian saya memang sedar terhadap adanya perasaan tidak puas hati terhadap bayaran-bayaran panggilan bermeter yang dikenakan ke atas pelanggan telefon pada setiap bulan. Keadaan begini menjadi lebih buruk lagi dengan adanya aduan-aduan demikian diperkatakan melalui akhbar-akhbar tempatan serta mengaitkan punca-punca kenaikan bayaran panggilan bermeter kepada perbuatan-perbuatan seperti "rigging" ataupun penggunaan talian telefon orang lain secara haram. Walau bagaimanapun sehingga kini Kementerian saya sedar bahawa masih tidak ada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa perbuatan sedemikian dilakukan.

Kesilapan pendawai talian telefon sewaktu kerja-kerja pemasangan atau pemulihan perkhidmatan telefon pada kes-kes yang tertentu boleh menyebabkan kenaikan bayaran panggilan bermeter seseorang pengguna. Kesilapan ini adalah disebabkan oleh kecualli pekerja semasa menjalankan kerja. Walau bagaimanapun, kesilapan seumpama ini adalah amat jarang sekali berlaku dan pada setiap ke situ ianya dapat dikesan dan perbetulkan dalam masa yang singkat sekali. Dalam keadaan ini, bayaran-bayaran panggilan bermeter bagi pengguna yang terlibat akan dikurangkan tanpa permintaan dibuat oleh pengguna-pengguna yang berkenaan.

Jabatan Telekom akan sentiasa mengawasi dengan rapinya mutu kerja yang dijalankan oleh semua anggotanya

agar kesilapan seumpama ini dan juga kesilapan-kesilapan lain yang mungkin menjejaskan mutu perkhidmatan telekomunikasi seiuruhnya.

RACUN PARASAIID

29. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar baja racun jenis parasaid digunakan berluluasan dan nyatakan tindakan yang beliau akan ambil untuk mengharamkan penjualan racun jenis tersebut.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kementerian Pertanian belum pernah mendengar tentang wujudnya baja atau racun bernama "Parasaid" dan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak tidak pernah mendaftar bahan sedemikian.

JAWAPAN KEPADA SOALAN BERTULIS

30. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sesuatu jangkamasa yang ditetapkan untuk sesuatu Kementerian menjawab soalan-soalan bertulis memandangkan ada beberapa soalan bertulis masih tidak berjawab hingga mesyuarat kedua atau selanjutnya.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tidak ada jangkamasa yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat untuk sesuatu Kementerian menjawab soalan-soalan bertulis di Dewan Negara. Peraturan Mesyuarat Dewan Negara Bilangan 23 (6) hanya menyatakan seperti berikut:

"23 (6) Jika tidak berkehendakkan jawab mulut atau jika jawab bertulis sudah diperintah dikeluarkan menurut perenggan (3) dalam Peraturan Mesyuarat 21, maka Menteri yang diarahkan kepadanya pertanyaan itu hendaklah

menghantar salinan jawapan itu kepada Ahli yang bertanya dan kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menguruskan supaya jawapan itu dimasukkan dalam Penyata Rasmi Mesyuarat."

Walau bagaimanapun Kementerian-kementerian dikehendaki menghantar jawapan-jawapan berkenaan dengan seberapa segeranya dan selewat-lewatnya sebelum menjelang mesyuarat yang berikutnya.

LAWATAN MENTERI LUAR KE CHINA

31. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kesan-kesan yang telah diperolehi daripada lawatan rasmi beliau ke Negeri China.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Mohd. Yusof bin Kassim pada 4/12/1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat.

LAWATAN MENTERI LUAR KE CHINA

32. Puan Lim Sean Lean minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kemajuan dan hasil yang konkrit telah dicapai dalam lawatannya ke China baru-baru ini, khususnya dalam bidang perdagangan, perniagaan ekonomi dan sosio-politik, sama ada pihak China masih memegang teguh atas pendiriannya P-P dan G-G yang terbabit isu MCP.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat ' Mulia

Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Mohd. Yusof bin Kassim pada 4/12/1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat.

ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DI BEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.05 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat ini Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua; Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah, Bahawa walaupun apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat ini, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat ini Dewan ini tidak akan

RANG UNDANG UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Disember, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman menyambung ucapannya.

4.08ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi dapat peluang untuk menyambung perbahasan saya mengenai Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari kelmarin saya memberi beberapa sebab mengapa pindaan ini sewajarnya disokong, terutama selain apabila kita melihat FELCRA akan menggunakan Akta 66 dan pindaan di sampingnya untuk memberi tumpuan terhadap masalah tanah terbiar.

Kelmarin saya mengatakan bahawa soal tanah terbiar ini sebegitu rupa, ianya akan merijadi lebih serius lagi kalau kita tidak mengatasi daripada masa sekarang kerana perubahan

struktur ekonomi akan berterusan ke arah yang mungkin lebih banyak lagi tanah akan tidak diusahakan ataupun dengan adanya amalan-amalan mewarisi pesaka yang akan cenderung ke arah bidang tanah yang tidak ekonomik untuk diusahakan. Seterusnya saya juga mengucapkan tahniah kepada FELCRA berdasarkan kepada pendekatan yang telah digunakan untuk memajukan tanah-tanah terbiar.

Pada hari ini saya ingin meletakkan peranan FELCRA menurut pandangan saya apa yang sewajarnya boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian dan FELCRA sendiri. Pandangan saya ini adalah berdasarkan beberapa asas. Yang pertamanya apa juga yang hendak diusahakan oleh FELCRA sewajarnya dapat memenuhi dua matlamat yang penting. Yang pertamanya ialah untuk membantu masyarakat luar bandar yang mengerjakan tanah terutama sekali mereka di dalam kumpulan yang tidak bertanah ataupun mereka yang mempunyai bidang tanah yang tidak mencukupi untuk diusahakan dan seterusnya mendapat pendapatan yang melebihi daripada tahap kemiskinan.

Saya tidak mengatakan bahawa FELCRA sehingga kini mengusahakan tanah-tanah terbiar untuk mereka yang sudah menjadi mewah di sektor luar bandar, tetapi serba sedikit saya percaya tanah-tanah terbiar itu dimiliki oleh mereka yang mempunyai tahap pendapatan yang telah pun melebihi daripada tahap kemiskinan, sama ada mereka itu membiarkan tanahnya kerana mereka mempunyai sumber-sumber pendapatan yang lebih lumayan sama ada di luar bandar ataupun di bandar. Oleh yang demikian, kalau kita merangkumi kesemuanya maka kita punya tumpuan adalah tidak tepat kepada golongan yang sewajarnya kita memberi perhatian sedalam-dalamnya

iaitu mereka yang miskin yang tidak ada peluang untuk memiliki dan mengusahakan tanah dan mereka yang mempunyai tanah tetapi bidang tanahnya tidak mencukupi.

Yang keduanya, apabila kita memperkatakan tentang soal membangunkan tanah terbiar untuk golongan seperti yang saya maksudkan maka kita punya pemikiran mestilah melampaui daripada jenis tanaman-tanaman yang kita sedia maklum. Saya agak terkeliru sedikit kerana dalam amatan saya mengenai peranan FELCRA ianya tidak akan mengusahakan tanah-tanah yang ditanam untuk pengeluaran padi dan tanah-tanah untuk pengeluaran getah. Ini memberi implikasi bahawa FELCRA akan mengusahakan tanah sama ada dalam bentuk dusun ataupun untuk mengusahakan dalam bentuk menanam kelapa sawit. Tetapi yang penting di sini ialah dalam keadaan yang kita hadapi sekarang ini di sektor pertanian maka kegiatan dalam bentuk apa yang dipanggil multi-enterprise adalah tidak dapat diringankan. Multi-enterprise adalah satu cara yang saya percaya dapat membantu keluarga petani meningkatkan daya pengeluaran dan tahap pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa FELCRA dan saya percaya FELCRA juga sedang mempunyai rancangan dan mungkin telah mengusahakan kegiatan yang berbagai untuk kawasan yang telah terbiar. Jadi, timbul masalah yang telah kita bincangkan di dalam bahagian soalan-jawab tadi di mana saya menanya pembangunan yang berbentuk multi-enterprise ataupun yang berbentuk kegiatan berbagai di peringkat tempatan siapakah yang mempunyai kepakaran dan keupayaan untuk melaksanakannya.

Saya mempunyai pengalaman yang agak begitu singkat di peringkat Mukim dan di peringkat Bahagian

dalam soal ini. Tetapi daripada pengalaman saya, saya dapati apabila kita hendak membawa pembangunan pertanian sama ada ianya kelapa sawit, getah disampingkan dengan ternakan sama ada ikan, lembu, kerbau, ayam, itik dan sebagainya, ataupun mempelbagaikan lagi tanaman dalam bentuk cendawan, perlabahan dan sebagainya, yang musykil sekarang ini ialah siapa yang mempunyai kepakaran di kalangan agensi-agensi Kerajaan. Siapakah yang mempunyai teknologinya dan keupayaan dari segi tunjuk ajar dan pegawai-pegawai untuk melaksanakannya.

Saya berpendapat bahawa apabila kita melihat perkara ini di peringkat tempatan, *in-situ* di mana tidak ada satu Lembaga Pembangunan Wilayah yang khusus untuk diberikan tanggungjawab, masing-masing agensi seperti yang telah diterangkan tadi mempunyai peranan masing-masing, seolah-olah mereka menjalankan peranan itu secara terasing dan tidak ada. Apabila kita melihat perkara itu secara seperti yang sedia ada sekarang ini usahanya agak tidak nampak dan saya mencari-cari manakah satu model, manakah satu contoh yang boleh kita lihat di negara kita ini di mana pembangunan secara belbagai dan *in-situ* itu dapat dilaksanakan dengan jayanya, walhal kita tahu bahawa sesuatu keluarga tidak boleh mengharapkan getah semata-mata atau tidak boleh mengharapkan kelapa sawit semata-mata untuk meningkatkan tahap pendapatan keluarga tersebut. Saya percaya dan yakin bahawa pembangunan yang multi-enterprise ini adalah satu ruang ataupun satu harapan di mana pekebun kecil, khususnya meletakkan harapan mereka untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dan seterusnya membela nasib mereka pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melihat perkara ini di

peringkat macro iaitu di peringkat keluarga petani yang dikendalikan oleh FELCRA, kegiatan secara berbagai ini adalah penting untuk di peringkat makro juga. Jadi, kalau kita boleh mempelbagaikan kegiatan di peringkat pertanian itu maka serba sedikit kita punya usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan pertanian selain daripada bahan utama akan dapat dipertingkatkan dan dengan itu dapat mengurangkan lagi beban terhadap imbalan bayaran kita dengan cara mengurangkan import kita terhadap bahan-bahan makanan seperti yang saya sebutkan tadi. Itu adalah asas yang pertama pandangan saya dan akan diikuti nanti satu cadangan yang mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian.

Asas yang kedua, ialah saya melihat peranan FELCRA ini dalam konteks dasar Kerajaan secara menyeluruh ke belakngan ini di mana enterprise di peringkat swasta, di peringkat syarikat hendak digalakkan sebanyak-banyaknya ke arah yang optima. Oleh yang demikian, saya melihat peranan FELCRA ini juga dalam konteks penswastaan; bukan dalam penswastaan, maksud saya dalam konteks untuk meningkatkan daya usaha seorang petani, inisiatifnya untuk bekerja secara bersendirian. Mereka berupaya melihat manakah Sumber-sumber pendapatan yang lumayan untuk mereka melibatkan din. Kalau sekiranya ada tanda-tanda di pasaran bahawa di situlah rezeki yang lebih baik untuknya maka saya percaya petani akan menuju ke arah itu dan akan melibatkan diri di dalam kegiatan tersebut.

Jadi, maksud saya di sini, saya tidak menjangka supaya FELCRA mengusahakan kesemuanya 500,000 hektar tanah terbiar, bahkan saya lebih cenderung kalau sekiranya pihak FELCRA membuat dasar ataupun

pendirian dan seterusnya langkah-langkah supaya daya usaha petani itu yang hendak dipertingkatkan supaya mereka itu lebih berdikari untuk memajukan tanah-tanah terbiar itu, bukan melalui pendekatan-pendekatan seperti yang kita maklum sama ada secara koperatif perladangan bersama dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua, kita banyak pandangan mengatakan bahawa petani itu adalah satu manusia yang rasional, satu manusia ekonomi yang rasional perkiraannya. Kalau tanda-tanda pasaran ataupun istilah yang digunakan signal daripada pasaran menunjukkan di situ mereka sepatutnya menguruskan kegiatannya, saya percaya ia akan menuju ke arah itu. Itu adalah asas yang kedua.

Asas yang ketiga, ialah apabila kita memberi peruntukan kepada FELCRA supaya ianya mempunyai peluang membentuk perbadanan-perbadanan maka saya percaya banyak orang menimbulkan persoalan alangkah sudah cukup dalam bentuk perbadanan-perbadanan ini. Kita maklum bahawa dalam Kementerian yang sama pun banyak pengalaman di mana perbadanan-perbadanan yang ada di RISDA itu menimbulkan masalah kepada Kementerian, sebegitu rupa ia merungsingkan kita untuk selama lima, tujuh tahun kebelakangan ini. Kalau sekiranya perbadanan ini adalah dengan tujuan untuk memproses, memasarkan dan sebagainya, saya percaya pihak Kementerian sudah memikirkan sebegitu rupa supaya tidak timbul masalah pertindihan dari segi peranan kegiatan dan penguatkuasaari. Kita tidak mahu satu hari nanti bahawa pihak FELCRA terpaksa menanggung beban berdasarkan kepada tidak adanya prestasi yang diharapkan oleh perbadanan-perbadanan yang akan dibentuk nanti.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada tiga asas

yang saya sebutkan tadi, saya ingin mencadangkan satu bentuk ataupun satu arah yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian. Cadangan saya ini adalah dengan tujuan supaya ianya dapat merasionalkan sistem pasaran tanah, khususnya tanah di luar bandar, khususnya tanah yang terbiar. Kita sedia maklum bahawa sistem pasaran tanah di negara kita ini adalah satu sistem pasaran yang paling tidak sempurna keadaannya. Kalau kita hendak melihat ciri-ciri pasaran yang sempurna dan tidak sempurna dari segi sejauh mana informasi itu memberi gambaran yang sebenarnya, maka dalam pasaran tanah ini adalah satu masalah yang besar yang kita hadapi.

Informasi mengenai tanah adalah begitu terhad sekali dan kita tidak dapat merasionalkan, misalnya satu ekar tanah, katakan di salah satu kampung di Muar, harganya telah melambung begitu tinggi. Kita tidak dapat merasionalkan dari segi harga pasaran dengan daya pengeluaran tanah itu dari segi ekonominya. Jadi sebab itu saya menyatakan bahawa kedudukan pasaran tanah di luar bandar begitu irrasional sekali.

Jadi saya mencadangkan di sini, kalau sekiranya ada peruntukan untuk membuat satu perbadanan, maka cadangan saya ialah untuk FELCRA membentuk suatu Exchange, dengan izin, ataupun satu Bursa stok Tanah. Dahulu orang kata "bank tanah"¹ tetapi saya tidak hendak sebut perkataan "bank tanah" kerana ia memberi banyak implikasi yang menyulitkan pemikiran kita tentang perkara ini.

Satu Exchange ataupun bursa stok tanah di mana orang yang mempunyai tanah mendaftarkan maklumatnya kepada bursa tersebut. Orang yang mempunyai tanah dan tidak mengerjakan tanah melaporkan

di mana, berapa luas, apakah yang ada di situ, apakah tujuannya dalam jangka masa setahun dua ataupun lima sepuluh tahun akan datang untuk tanah tersebut. Sesiapa yang hendak menggunakan tanah, hendak mengerjakan tanah mereka juga mendaftarkan kepada perbadanan tersebut, terutama sekali mereka yang tidak ada tanah ataupun mereka yang paling dekat dengan rumahnya, misalnya, ia mendaftar dengan bursa tersebut.

Jadi dengan cara begini, berdasarkan kepada asas yang pertama yang saya sebutkan tadi, adanya sistem free enterprise untuk menggalakkan petani padi mencari tanah dengan cara baru itu sendiri, maka bursa ini akan dapat menemukan antara mereka yang berkehendakkan tanah dengan mereka yang hendak menjual ataupun menyewa tanah, tetapi saya menghadkan perbincangan saya di sini dalam konteks sewa-menyewa tanah.

Jadi kalau misalnya di kampung kita ada yang mengerjakan tanah tetapi tidak cukup untuk menampung keluarganya, dia mencari-cari di manakah di antara pemilik tanah di mukimnya yang sanggup menyewakan tanah. Maka bursa itu akan menemukan dua individu tadi yang mempunyai kemahuan yang memenuhi antara satu dengan yang lain. Saya melihat peranan ini dalam bentuk perbadanan yang mungkin boleh dibuat oleh FELCRA, juga dari konteks Akta Sewa Menyewa Tanah yang telah diluluskan pada tahun 1965, tetapi saya maklum bahawa Akta 1965 itu adalah dihadkan kepada sewa menyewa tanah untuk mengusaha padi sahaja dan saya juga maklum bahawa Kementerian yang diberi tanggungjawab ini ialah Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tetapi kalau kita lihat Akta

itu secara menyeluruh, ia adalah satu Akta yang agak lengkap dan cantik bentuknya.

Di situ kita dapat kepastian bahawa orang yang hendak menyewa tanah akan terjamin kedudukannya dan begitu juga orang yang menyewakan tanahnya. Adanya guarantee dari segi mengusahakan dan adanya guarantee untuk mereka yang sanggup menyerahkan tanah itu. Ada peruntukan dari segi sewa yang hendak dikenakan berdasarkan kepada kesesuaian tanah, kesuburan tanah, ada peruntukan mengenai apa akan berlaku jika sekiranya tanaman itu akan rosak, siapa yang menguatkuasakan dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Akta Sewa Menyewa, 1965 ini adalah ada disisi kita untuk kita buka balik dan meletakkan konsep sewa-menyewa tanah ini untuk kepentingan mereka yang saya sebutkan tadi supaya dapat dilaksanakan. Tetapi yang kita sedia maklum Akta ini walaupun telah diluluskan oleh Parlimen dan dibentuk semula secara menyeluruh pada tahun 1967, tidak dilaksanakan. Satu cara untuk melihat cadangan ini dan mungkin dapat menguatkan hujahnya ialah kita menolong petani dengan harapan mereka yang miskin tadi dapat dibantu tetapi kita membuat bantuan kita itu dalam bentuk, misalnya, baja yang murah. Petani dibekalkan dengan baja yang murah, petani juga diberi subsidi dengan cara meningkatkan harga padi. Harga padi yang sewajarnya ditentukan oleh pasaran, besar kemungkinan pada harga yang lebih murah tetapi diletakkan pada harga yang sekarang kerana didokong oleh subsidi yang diberi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memberi bantuan kepada petani dalam bentuk baja yang murah dan harga padi yang mahal, misalnya, ianya tidak mengira sama ada petani

itu adalah petani yang kaya ataupun petani yang miskin. Kalau sekiranya petani itu banyak tanah, maka banyak tumbuhannya, maka banyak ia menggunakan baja yang murah yang dibekalkan. Maka orang seperti itulah yang merasakan subsidi yang disalurkan oleh Kerajaan.

Begitulah juga kalau kita melihat subsidi kepada petani padi. Kalau luas tanahnya begitu rupa, dia banyak mengeuarkan padi, dia jual padi tersebut, maka lebih banyaklah subsidi yang diterima oleh petani itu. Jadi ia tidak mendiskriminasi di antara petani, yang kaya boleh mendapat subsidi daripada Kerajaan bahkan lebih bertambah lagi pendapatan mereka dan yang miskin mendapat sebahagian daripada subsidi tersebut tetapi pada peratus yang sedikit kerana guna baja adalah tidak begitu banyak dan jualan padi pun tidak seberapa.

Sistem subsidi seperti begitu adalah tidak rasional untuk tujuan yang kita harap-harapkan. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya kita dapat mempraktikkan cadangan saya ini adalah lebih rasional kalau sekiranya kita hendak memberi subsidi kepada petani kita beri subsidi dalam bentuk subsidi menyewa tanah. Saya tidak mengatakan bahawa kita mesti meletakkan beban sewa menyewa ini kepada pemilik tanah dengan cara memastikan bahawa kadar sewa itu adalah pada kadar yang paling rendah, mungkin. Kita mestilah adil kepada orang yang hendak menyewa dan kepada orang yang memberi sewa. Oleh yang demikian untuk memudahkan petani-petani yang sepatutnya kita bantu supaya mereka dapat tanah yang lebih luas lagi, mungkin subsidi yang disalurkan seperti yang sedia ada ini disalurkan kepada petani-petani dalam bentuk pembiayaan sewa tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya satu Exchange atau bursa

stock tanah ini dapat dilaksanakan, saya percaya sebahagian besar daripada tanggungjawab FELCRA untuk membangunkan tanah terbiar ini dapat dikurangkan dengan cara memberi galakan, memudahkan atau dalam istilah Inggerisnya "to facilitate" sewa menyewa di kalangan petani-petani sama ada mereka hendak menyewa atau pun yang hendak menyewakan tanah. Itu adalah cadangan saya dan saya percaya cadangan saya itu boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian yakni serba sedikit rasa saya agak rasional kerana ia adalah berlandaskan kepada asas-asas yang telah saya sebutkan tadi.

Saya percaya pihak FELCRA dan pihak Kementerian mempunyai hasrat yang murni untuk membantu petani-petani ini dan kalau sekiranya cadangan ini hendak dipertimbangkan dengan lebih lanjut lagi, maka saya sanggup mengajak beberapa kawan-kawan saya yang telah membincangkan perkara ini supaya dapat memberi pandangan pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan pada hari semalam dan pada petang ini, saya dengan sukacitanya menyokong pindaan Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Husein bin Ahmad.

4.34 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian di dalam menyokong Akta untuk meminda Akta memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 ini. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri

Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta dengan agensi FELCRANYA kerana pindaan ini benar-benar menunjukkan bahawa pihak Kerajaan dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sanggup menanggung beban kepada diri sendiri asalkan matlamat untuk membela rakyat tercapai dengan erti kata yang sebenar. Saya kira pindaan ini ialah merupakan satu pelepasan belunggu oleh Kerajaan kepada agensi FELCRA untuk menolong rakyat di negeri ini terutama kepada pekebun-pekebun kecil.

Kita sedar dan akui memang Kementerian Kemajuan Tanah telah banyak menubuhkan agensi-agensi seperti FELDA, RISDA dan juga FELCRA ini yang telah terbukti berhasil, menolong rakyat terutama rakyat-rakyat yang tidak bertanah sehingga dapat meletakkan keadaan rakyat di tahap ekonomi seperti mana yang ada sekarang ini. Walau mungkin seluruh dunia dilanda oleh kemelesetan ekonomi namun tidak begitu terasa sangat kepada rakyat-rakyat di negeri kita ini, terutama kepada mereka yang telah terlibat dengan agensi-agensi pembangunan tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga seolah-olah mentafsirkan bahawa Kerajaan bukan sahaja untuk berhadapan dengan orang-orang tengah yang telah sekian lama menjadi penyakit kapitalis kepada masyarakat rakyat sejak kita mencapai kemerdekaan, tetapi hari ini pula untuk menyelesaikan agar agensi Kerajaan sendiri terutama kepada masyarakat yang terlibat dengan agensi Kerajaan ini tidak akan berhadapan dengan orang-orang tengah.

Dengan pindaan ini akan memberi bidang kuasa kepada agensi ini untuk mewujudkan jika diinginkan pada satu ketika, perbadanan yang

mbolehkan mereka melaksanakan aktiviti yang lebih luas daripada peranan-peranan yang telah ditentukan oleh Kerajaan setakat hari ini. Kita percaya barangkali inspirasi daripada hasil kejayaan yang telah dicapai oleh pihak FELCRA terutama di dalam projek awalnya sebagai "pilot project", dengan izin, in-situ di teratak batu yang telah melahirkan hasil tetapi ternyata setelah kejayaan untuk melahirkan hasil ini, datanglah pula kesedaran masalah yang dihadapinya, kerana agensi ini hanyalah mampu melahirkan hasil tetapi tidak dapat pula menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat biasa umumnya iaitu masalah orang tengah.

Di samping itu kita juga sedar walaupun sekarang FELCRA juga telah mengadakan kilang-kilang sendiri satu dua kilang, namun bagaimana dengan keadaan yang ada sekarang ini, mereka terhad terutama terpaksa mempertandingkan cara untuk memajukan kilang-kilang mereka yang mempunyai tahap-tahap yang lebih sempit jika dibandingkan dengan kilang-kilang lain yang mempunyai ruang yang lebih luas dari segi kuasa-kuasa yang diberi, kerana mereka terpaksa bertindak berlandaskan kepada garis-garis yang telah ditentukan oleh peraturan-peraturan oleh Kerajaan kepada mereka, manakala yang lain berjalan sebagai golongan peniaga yang mempunyai bidang yang lebih luas bagi memajukan ini.

Dengan sebab itu pula, barangkali akan menjadi satu sebab tidak akan menggalakkan orang lain untuk ikut serta di dalam usaha-usaha yang akan dibuatkan oleh agensi FELCRA sebagaimana yang ada sekarang ini. Siapa hendak jual bahan kepada kilang FELCRA kalau kilang FELCRA terpaksa membeli bahan-bahan itu berlandaskan kepada peraturan-peraturan yang telah

ditentukan oleh pihak Kerajaan. Jual kepada FELCRA seminggu baru dapat duit, juta kepada orang lain terus dapat duit. Jual kepada FELCRA dapat di atas tahap yang telah ditentukan walaupun ketika bahan itu telah naik harganya. Sebab itu saya kira dengan pindaan ini sekali lagi saya ulangi, seolah-olah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah melepas belunggu yang terikat kepada agensi FELCRA selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan ini pula saya percaya ini juga menghala kepada satu matlamat untuk diseimbangkan dengan dasar dan matlamat Kerajaan sekarang ini, terutama kepada penswastaan yang sedang dan rancak diatur oleh pihak Kerajaan sekarang ini. Mungkin dengan terlaksananya pindaan ini akan memberi peluang kepada pihak agensi FELCRA ini bukan sahaja untuk memulih tanah-tanah terbiar ataupun dusun-dusun tua, ladang-ladang tua, kebun-kebun tua yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil, tambahan pula kita tahu rata-rata di dalam negara kita ini apakala disebut masyarakat pekebun kecil, mereka mempunyai tanah-tanah yang sempit sehingga sudah tidak ekonomi lagi kedudukan tanah mereka dengan keadaan yang ada pada hari ini. Umpamanya seorang pekebun hanya mempunyai 3 ekar tanah, 4 ekar tanah, tanah mereka ini sudah tidak memberi manfaat yang sejajarnya kepada tuan yang empunya. Walau pun mungkin FELCRA akan berhasil memulihkan kebun-kebun ini tetapi FELCRA masih belum mampu meletakkan kecapaian yang dikehendaki oleh masyarakat sebagaimana yang dikehendaki oleh kita sekarang ini. Maka dengan sebab itu, saya percaya dengan pindaan ini akan memberi bidangkuasa kepada pihak FELCRA akan menunjukkan kepada satu perbadanan yang boleh pula mengambil kesempatan.

Biasanya untuk menolong pekebun-pekebun kecil ini dengan secara mengadakan perbadanan ini barangkali bagi pihak FELCRA boleh pula mendapat kerjasama yang erat dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana biasanya Kerajaan-kerajaan Negeri ada mempunyai perancangan-perancangan yang tertentu seperti rancangan tanah pinggir ataupun perancangan tanah Kerajaan Negeri sendiri ataupun setidak-tidaknya bagi pihak FELCRA boleh berunding dengan pihak Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah-tanah kepunyaan Kerajaan Negeri yang menjadi tanah-tanah poket yang selama ini tidak dipergunakan oleh Kerajaan Negeri sendiri dan oleh orang kampung. Maka dengan secara mempergunakan tanah-tanah tertinggal ini, tanah-tanah poket ini; tanah-tanah sempit yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil ini maka boleh diperluaskan dengan kiraan sahamnya. Maka dengan cara itu tanah yang tidak ekonomik yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil ini akan menjadi lebih ekonomik setelah Akta ini diberi kuasa kepada pihak badan FELCRA ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan matlamat Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini melalui agensi FELCRA ini, saya suka menarik perhatian agak lebih ke depan sedikit dan saya suka memberi pandangan kepada pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, khususnya kepada agensi FELCRA. Dengan pindaan ini akan memberi bidangkuasa kepada pihak FELCRA untuk mewujudkan perbadanan yang akan mengusahakan bagi mempelbagaikan usaha-usaha di dalam agensi ini, sama ada di bidang pertanian ataupun di bidang perusahaan. Maka dengan cara ini saya kira ialah satu garis jalan yang akan menuju pula bagi menemukan tahap yang dikehendaki oleh dasar

Kerajaan sekarang ini, iaitu dasar penswastaan. Apakala FELCRA telah mewujudkan perbadanan, mewujudkan satu kawasan, barangkali akan diberi nama dengan satu estet, mewujudkan kilang, barangkali kilang yang boleh diletakkan di bawah perbadanan ini.

Saya suka menarik perhatian kepada pihak Kementerian dan agensi ini untuk jangka masa, dengan adanya Akta ini supaya pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan agensi FELCRA ini bersedia mulai daripada sekarang lagi, jangan menunggu Akta ini setelah memberi kuasa, kemudian satu ketika pula menunggu satu perancangan untuk diatur bagi mencapai matlamat dan semangat kuasa yang diberi kepada Akta ini. Saya minta daripada sekarang lagi kalau sudah nampak bidangkuasa ini untuk memperluaskan aktiviti yang ada dalam FELCRA sekarang iri supaya bersedia. FELCRA akan melahirkan, kalau melahirkan estet yang akan dipunyai oleh peneroka itu. Kalau FELCRA akan melahirkan sebuah kilang, kilang yang akan dipunyai oleh keluarga peneroka yang dibangunkan oleh FELCRA itu melalui perbadanannya dan apakala sampai tahap penswastaannya boleh diserahkan kepada keluarga ini.

Dengan cara daripada sekarang lagi, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ataupun khususnya kepada FELCRA sendiri menyediakan anak-anak peneroka ini mulai daripada sekarang diberi peluang melanjutkan pelajaran di semua bidang yang sedang diduduki. Kalau hendak diwujudkan sebuah estet, anak-anak peneroka daripada sekarang diberi jalan belajar agar tamat pelajaran nanti dia mempunyai kelayakan dan mampu untuk bertugas di dalam estet ini sebagai estet yang dipunyai oleh keluarga mereka. Kalau

hendak ditubuh kilang, daripada sekarang lagi dipilih daripada anak-anak peneroka ini diberi peluang melanjutkan pelajaran mereka agar selesai pelajaran nanti mereka mempunyai kemampuan dan kesanggupan bagi mengeridalkan kilang yang ditubuhkan oleh perbadanan FELCRA ini yang akan diswastakan kepada keluarga-keluarga peneroka ini nanti. Saya rasa dengan cara ini matlamat untuk penswastaan ini benar-benar terlaksana dengan erti kata yang sebenarnya. Kalau saya gunakan peribahasa Melayu supaya matlamat Kerajaan ini benar-benar akan terjadi "kuah tumpah ke nasi".

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan pindaan Akta ini juga akan memberi hak kepada pihak FELCRA untuk melaksanakan agar peneroka-peneroka yang telah dibela dan diusahakan oleh pihak FELCRA ini tidak dipermain-mainkan pula oleh orang-orang tengah, terutama di bidang hasil yang dikeluarkan oleh mereka.

Saya sekali lagi mengambil peluang menyokong Akta ini dan diharap benar-benar dengan terlaksananya pindaan Akta ini masa yang sudah tidak lama lagi bahawa perancangan yang diusahakan oleh pihak FELCRA sejajar dengan dasar Kerajaan, penswastaan, banyaklah estet-estet yang dipunyai oleh masyarakat dan rakyat yang berasal daripada pekebun-pekebun kecil.

Puan Nen Abidah binti Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun.....

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, Yang Berhormat. Di sini yang berdiri dahulu, saya beri peluang kepada beliau. Sila duduk!

4.50 ptg.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang

Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara tahun 1966, dengan ini saya memohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang tersebut dengan seberapa ringkas yang boleh.

Sebelum itu, dengan perasaan penuh ikhlas dan sukacita saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana mengemukakan cadangan Rang Undang-undang tersebut dengan tujuan untuk mengemaskinikan serta meluaskan lagi bidang kuasa FELCRA dalam usahanya memperkenalkan kegiatan yang lebih efficient.

Meneliti pada Rang Undang-undang ini, jelas pada saya bahawa ianya dibuat dan diadun begitu rupa adalah semata-mata untuk membawa suatu perubahan dalam kehidupan rakyat, khususnya rakyat luar bandar yang mempunyai kebun dan dusun tetapi kebun dan dusun itu hanya tinggal terbiar tanpa sebarang hasil.

Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini nanti, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadikan FELCRA sebuah lagi agensi yang bergiat membangun serta memajukan tanah untuk kepentingan rakyat jelata. Kalau sebelum ini FELCRA hanya dikenali sebagai agensi yang berupaya menjadi juara melahirkan beribu-ribu orang petani moden dari angkatan belia melalui pembukaan Rancangan-rancangan Tanah Belia di seluruh negara dengan meneroka ladang-ladang kelapa sawit dan getah kepada masyarakat remaja, tetapi pada masa akan datang FELCRA akan menambah kegiatannya dengan meneroka tanah-tanah rakyat yang selama ini terbiar untuk memberi pulangan hasil yang sebaik-baiknya kepada para pemilik tanah tersebut.

Dari seluas 900,000 hektar ataupun lebih 2 juta ekar tanah terbiar di seluruh negara, kira-kira 560,000 hektar darinya telah pun dikenalpasti oleh FELCRA untuk dimajukan sehingga 1995 kelak. Kalaupun tanah seluas itu dimajukan dan mampu mengeluarkan hasil, kita pasti akan melihat suatu perubahan akan berlaku dalam kehidupan masyarakat luar bandar pada masa akan datang. Kita juga akan melihat limpahan hasil pertanian yang mungkin dapat memenuhi keperluan rakyat negara ini melalui penghasilan tanaman dari tanah seluas itu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk sampai ke tahap ini, FELCRA seharusnya berusaha mempelbagaikan pertanian melalui tanah terbiar seluas itu. FELCRA tidak seharusnya menumpukan perhatian pada tanaman jangka panjang sahaja seperti kelapa sawit, getah walaupun ketika ini kedudukan harga kelapa sawit agak stabil. FELCRA seharusnya mengusahakan lain-lain tanaman seperti koko, kopi, lada hitam atau lain-lain tanaman yang berpotensi. Kita juga harus sedar bahawa sebab utama meluasnya tanah terbiar di negara ini adalah berpunca dari beberapa sebab.

Pertama, minat masyarakat belia untuk terlibat secara langsung dalam sektor pertanian adalah semakin kurang.

Kedua, bilangan penghijrahan masyarakat belia bertambah besar dari sehari ke sehari untuk pekerjaan di bandar-bandar sama ada pekerjaan sebagai buruh-buruh di kilang ataupun sebagainya.

Ketiga, tenaga masyarakat tua yang masih tinggal di kampung-kampung terutama di kampung-kampung tradisional di negara ini telah tidak mampu mengerjakan tanah yang telah mereka terokai di zaman remajanya

dahulu, akhirnya tinggalah tanah-tanah itu ditumbuhi oleh belukar yang semakin tebal, akhirnya tinggalah sawah dan bendang yang dahulunya menghasilkan nasi yang disuap pagi dah petang, bertukar menjadi lautan lalang yang hijau tanpa sebarang hasilnya.

Saya berharap melalui pelaksanaan rancangan tanah terbiar yang tentunya direncanakan dengan begitu teliti mengikut kepentingan ekonomi dan sosial akan menjadi serampang dua mata iaitu, yang pertama, untuk memberi pulangan hasil yang baik kepada tuan-tuan punya tanah terbiar, manakala keduanya, akan dapat membendung sedikit sebanyak pengaliran tenaga masyarakat belia di desa-desa ke kota-kota untuk mencari pekerjaan.

Saya percaya apabila mereka mempunyai ataupun mereka nampak pekerjaan wujud di hadapan tangga mereka sendiri, sudah tentu mereka semua tidaklah akan berhijrah keluar dari kampung mereka walaupun sebahagian daripadanya mungkin tidak berminat dalam sektor pertanian ini, tetapi sudah pasti sebahagian yang lain akan turut sama menyertai kerana melalui rancangan-rancangan ini mereka sentiasa berhampiran dengan kaum keluarga masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Rancangan Tanah Belia yang sebelum ini menjadi sasaran utama FELCRA, saya berharap walaupun FELCRA diberi tugas baru membangunkan tanah-tanah terbiar yang begitu luas, tetapi tidak pula mengurangkan kegiatan dalam program pembukaan tanah-tanah baru untuk rancangan tanah belia ini, kerana ianya ternyata telah memberi kesan yang amat baik serta sambutan yang amat memuaskan di kalangan masyarakat belia khususnya dari masyarakat belia luar bandar.

Rancangan Tanah Pemuda yang diperkenalkan oleh FELCRA sedikit sebanyak dapat menarik perhatian masyarakat belia luar bandar untuk melibatkan diri secara langsung dalam sektor pertanian. Hasilnya pada hari ini kita dapati beribu-ribu orang belia di bawah umur 25 tahun telah berpeluang memiliki ladang-ladang kelapa sawit atau getah masing-masing seluas antara 8 atau 10 ekar yang dilengkapi dengan kawasan perkampungan yang sempurna di mana rumah-rumah kediaman mereka dibina oleh tangan-tangan pemuda itu sendiri. Jadi, kalaulah golongan masyarakat dewasa yang telah mempunyai anak isteri diberi peluang memiliki tanah melalui FELDA tetapi dengan adanya FELCRA golongan masyarakat belia yang belum berumahtangga juga mendapat peluang yang sama, walaupun sistem pengendalian antara kedua-dua rancangan tanah itu mempunyai sedikit sebanyak perbezaan.

Dalam hubungan ini pada pendapat saya peserta-peserta Rancangan Tanah Belia adalah lebih bernasib baik kerana hutang pembangunan yang mesti dibayar balik tidaklah sebanyak yang ditanggung oleh peserta-peserta rancangan tanah FELDA. Dengan itu, peserta-peserta Rancangan Tanah Belia ini lebih cepat untuk menerima hakmilik ladang mereka dibandingkan dengan FELDA. Dengan itu, bolehlah ianya dianggap sebagai satu usaha yang baik yang perlu diteruskan, malah dipertingkatkan lagi kegiatannya.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebahagian dari peserta-peserta dari Rancangan-rancangan Tanah Belia ini bertindak keluar dari rancangan-rancangan yang telah mereka sertai ketika ladang yang mereka tanam itu masih belum mengeluarkan hasil. Punca utama mereka keluar dari Rancangan-rancangan Tanah Belia di peringkat

awalan ini kerana mungkin tidak tahan lasak atau kerana tidak sanggup berpisah dengan keluarga dalam jarak waktu yang begitu lama ataupun kerana mereka merasa hidup terkongkong, yang tidak sebebaskan seperti mereka hidup ketika di kampung dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah ini boleh dikurangkan, walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya melalui usaha-usaha yang harus difikirkan oleh FELCRA. Kerajaan seharusnya sedar bahawa kebanyakan peserta-peserta yang menjadi peneroka di Rancangan-rancangan Tanah Belia ini adalah terdiri dari golongan remaja yang berumur antara 20 hingga 25 tahun. Golongan ini masih terdedah kepada berbagai-bagai keadaan antara cita-cita mereka untuk menjadi petani muda yang berjaya dengan kehendak naluri mereka kepada hiburan, kemewahan dan sebagainya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di samping itu, mereka juga tidak begitu tahan lasak untuk berhujan dan berpanas, tidak tahan untuk bekerja kuat, menyebabkan timbul perasaan tidak puas hati dan akhirnya bertindak keluar dari rancangan-rancangan tanah yang telah pun mereka duduki dalam beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki masalah ini, saya mengesyorkan supaya FELCRA menubuhkan Pusat-pusat Latihan Belia. Pusat-pusat Latihan Belia Tani yang terkhusus untuk memberi latihan intensif walaupun khusus untuk pertanian secara teori dan praktikal di samping menyediakan kepada mereka latihan kawat al-tentera dengan memberi pendidikan semangat bagi melahirkan angkatan belia tahan lasak yang bersemangat

teguh dan tinggi serta berdisiplin dan berminat dalam sektor pertanian.

Apabila kita mempunyai belia-belia yang lasak, belia-belia yang bersemangat dan belia-belia yang berminat seperti itu, akan lebih mudah untuk FELCRA memilih peserta-peserta dari pusat ini menyertai rancangan-rancangan tanah belia pada masa akan datang. Dan pemilihan belia-belia untuk menyertai pusat-pusat ini haruslah juga meliputi belia-belia dari kota dan bandar kerana bukanlah semua belia-belia di bandar-bandar dan di kota-kota tidak mempunyai minat dalam sektor pertanian sekiranya mereka mempunyai peluang dan minat yang dapat ditekankan kepada mereka. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, angkatan belia ini diharapkan akan terus mencipta kejayaan sebagai barisan petani muda yang terbaik di negara kita ini.

Selain daripada itu para pengurus dan pegawai-pegawai penjaga di rancangan-rancangan tanah belia ini juga mestilah diberi latihan! dan pengalaman yang cukup untuk mendidik para peserta yang terdiri dari golongan remaja ini. Dengan mereka seharusnya bertindak secara psikologi terhadap belia-belia, terutama sekali ketika mereka sedang bekerja dengan gigih di ladang-ladang, mereka seharusnya diberi layanan yang sebaik-baiknya dan mereka seharusnya diberi tunjuk ajar secara lembut untuk memimpin mereka supaya tidak merasa tawar hati ataupun tidak merasa bosan terhadap projek ataupun rancangan yang sedang disertai itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai bidang kuasa yang akan diberi kepada FELCRA bagi menubuhkan perbadanan-perbadanan melalui Akta yang akan diluluskan ini nanti, sukalah saya mengingatkan di sini supaya FELCRA lebih bersikap

cermat dan berhati-hati sebelum menubuhkan sebarang perbadanan atau anak-anak syarikat kerana pada masa ini Kerajaan telah mempunyai kira-kira 900 buah agensi dan anak-anak syarikatnya di mana sebahagian dari anak-anak syarikat dan agensi-agensi itu telah tidak dapat membuktikan prestasi seperti yang diharapkan. Saya berharap FELCRA akan menubuhkan perbadanan atau anak-anak syarikat yang difikirkan benar-benar mustahak dan mendesak sahaja. Sesungguhnya kita tidak sanggup lagi berdepan dengan lebih banyak agensi atau anak-anak syarikat Kerajaan yang lumpuh dan sentiasa mengalami kerugian demi kerugian, terutama sekali dalam suasana negara mengalami krisis kewangan seperti sekarang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada keseluruhan pindaan Akta ini akan memberikan tanggungjawab yang lebih berat kepada FELCRA untuk memajukan sektor pertanian negara ini bersama-sama agensi-agensi yang lain seperti FELCRA, FELDA dan RISDA, mudah-mudahan melalui berbagai usaha ini suatu ketika nanti bumi negara ini akan dipenuhi dengan pertanian sama ada untuk dieksport mahupun untuk memenuhi keperluan dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang kaya dengan tanah-tanah yang subur, malah di mana sahaja dicampakkan benih ia akan tumbuh membesar dan berbuah, tetapi oleh kerana mungkin kita kekurangan usaha menyebabkan kesuburan tanah-tanah kita itu hanya ditumbuhi oleh bulakar dan lalang dan bukannya pokok-pokok tanaman yang di usahakan oleh tangan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga

Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966. Sekian, terima kasih.

5.06ptg.

Puan Nen Abidah binti Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong cadangan pindaan Akta FELCRA iaitu Akta 22 Tahun 1966 melalui satu Rang Undang-undang (Pindaan) yang dibentang dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Datuk Seri semalam. Kita hidup dalam muka bumi ini iaitu bumi Allah maka hendaklah kita menjaga warisan atau waris dari Allah s.w.t. kepada kita. Makna waris, Tuan Yang di-Pertua, bukannya tertakluk kepada harta pesaka sahaja tetapi adalah bumi Allah yang tidak dijaga ataupun yang tidak dipelihara tidak dipenuhi dengan tanaman-tanaman dan sebagainya termasuk juga kepada golongan bumi. Mereka yang tidak menerima amanah dari Allah tidaklah termasuk dalam golongan orang-orang yang soleh. Sebab Allah berfirman "Anna al-ardha ya-rithuha i' badi yasolihun", bahawasanya bumi ini Aku waris kepada hamba-hamba Ku yang soleh.

Cadangan pindaan atas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini bukan sahaja sesuai malah amat perlu sekali memandangkan kepada hakikat bahawa dengan peredaran masa dan perkembangan yang berlaku maka agensi yang berkenaan iaitu FELCRA perlu dilengkapi dengan peruntukan-peruntukan baru dalam Aktanya yang lama supaya ia boleh dan mampu bergerak sebagaimana sepatutnya ia bergerak dan menurut perancangan.

Sayugia disebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, Akta asal FELCRA iaitu Akta Nombor 22 Tahun 66 telah diluluskan untuk pemakaiannya kira-kira 20 tahun yang lalu. Masa 20 tahun sudah tentu lama dan tidak sesuai lagi bagi FELCRA daripada masa ini. Dan

meskipun Akta tersebut telah melalui proses pindaan sebanyak 2 kali sebelum ini, kalau tidak silap saya, iaitu namun pindaan-pindaan itu bukanlah merupakan pindaan utama. Setelah meneliti Rang Undang-undang Pindaan 1985 yang dibentangkan ini saya yakin dan percaya Akta yang dipinda itu kelak boleh mewujudkan provisions yang konkrit, dengan izin, dan jelas untuk FELCRA melaksanakan fungsi yang dipertanggungjawab kepadanya oleh Kerajaan dengan lebih jelas dan berkesan.

Dalam Akta 22 Tahun 1966 yakni Akta asal Seksyen 4 telah memperuntukkan bahawa fungsi FELCRA adalah pertama bagi memulih dan memajukan tanah seperti sama ada atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan-permintaan Kerajaan Negeri.

Kedua, ia boleh memulih dan memajukan tanah atas permintaan tuan punya tanah, fungsi yang diperuntukkan dalam Akta FELCRA yang lama adalah baik sekali. Dan usaha-usaha daripada FELCRA sendiri adalah disanjung tinggi bagi memajukan iaitu tanah-tanah yang terbiar, tetapi lain-lain peruntukan yang perlu, misalnya untuk membolehkan melaksanakan operasinya di negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak tidak diperuntukkan sedangkan pada hakikatnya ia telah menjalankan operasinya di Sarawak sepertimana yang diarahkan kepadanya oleh Kerajaan.

Di dalam pelaksanaan rancangan pembangunan tanah di Sabah pula, saya kira tentunya ada bidang-bidang yang sesuai yang boleh diteroka di Sabah, bila mana peruntukan tambahan ini diwujudkan kelak. Oleh kerana kita percaya Sabah dan Sarawak mempunyai tanah-tanah yang terbiar ataupun tanah begitu banyak.

Jika sekiranya tidak dimajukan sudah tentu tidak dapat menghasilkan bahan bagi negara kita yang mana dahagakan hasil-hasilnya pada masa ini,

Selain dari itu dalam Akta yang lama juga saya perhatikan tidak terdapat provision untuk membolehkan FELCRA menjalankan aktiviti sampingan, relevan atau yang berkaitan dengan usaha peningkatan daya pengeluaran peserta-peserta dan rancangannya atau jika saya dapat sebutkan dalam bahasa Inggeris iaitu "related downstream activities", dengan izin, yang saya percaya dan yakin adalah mustahak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pernah mendengar seruan dan saranan yang selalu dibuat supaya kita mempelbagaikan tanaman kita dalam konteks FELCRA supaya tidak bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja dan syukurlah saya mengatakan di sini bahawa dalam masa harga getah jatuh begitu hebat sekali pada masa ini, maka di samping getah, saya diberi faham ia ada melaksanakan rancangan-rancangan kelapa sawit, koko dan padi melalui program-program pemulihan tanah. Kita dapat bayangkan himpitan ekonomi yang akan dirasai oleh peserta-pesertanya jika agensi-agensi tersebut seperti FELCRA ini hanya bergantung kepada satu punca pendapatan-misalnya dari hasil mahsul tanaman getah yang ditanam daJam rancangan-rancangan pemulihan - berpuluh ribu pesertanya akan terikat ekonomi mereka. Syukurlah walaupun barangan utama yang lain juga tidak begitu baik harganya, namun pendapatan peserta dapat di "offs t" atau dapat juga ditimbal batas melalui usaha-usaha lain atau melalui hasil mahsul lain yang harganya tidak begitu teruk. Maka di sini dapatlah langkah atau hasrat Kerajaan bagi meminda Akta FELCRA bagi membolehkan melaksanakan aktiviti sampingan yang saya sebutkan melalui

usaha mempelbagaikan sumber pendapatan yang bukan sahaja boleh membawa faedah kepada peserta-peserta, malahan kepada Kerajaan dan Negara kita, adalah dialu-alukan.

Saya mengalu-alukan cadangan pindaan ini kerana antara lain-lain dapat meluaskan skop bagi membolehkan FELCRA dan peserta-pesertanya meningkatkan daya pengeluaran, peningkatan prestasi, mempelbagaikan punca pendapatan, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan rakyat yang dahagakannya, di samping menentukan supaya pendapatan peserta tidak akan menurun sehingga ke peringkat yang runcing melalui di saat-saat seperti sekarang bila mana harga komoditi getah adalah begitu rendah sekali.

Walau bagaimanapun saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan dan juga FELCRA dapat mewujudkan program yang baik dan kemas bagi menentukan bahawa usaha-usaha sampingan atau "downstream activities" yang berkaitan itu akan berjalan lancar dan benar-benar dapat memberi manfaat kepada peserta-peserta dan negara. Ini amat perlu kerana kita sedar bahawa punca tanah dalam negara ini tidak akan bertambah lagi. Dengan keadaan demikian, di samping memulih dan memajukan tanah atau melaksanakan rancangan pemulihan yang baru, maka rancangan-rancangan yang sedia ada atau yang sedang dilaksanakan itu hendaklah dipertingkatkan lagi melalui aktiviti tambahan yang berkaitan. Apa yang saya maksudkan ialah janganlah hendaknya kita menganggap bahawa rancangan yang dilaksanakan itu sebagai satu-satunya punca penghasilan, malahan rancangan itu sepatutnya dijadikan "catalist" untuk melahirkan aktiviti yang lain yang boleh meningkatkan lagi kedudukan ekonomi kumpulan sasarannya. Jika

ini dapat kita atur dengan baik, saya yakin melalui pengalaman agensi itu dalam mentadbirkan rancangan-rancangan yang ada sekarang, maka dengan kecairan ataupun "liquidity" projek yang ada peserta-peserta akan mampu memiliki enterprise yang lain atau rancangan-rancangan swasta yang lain yang kurang maju, supaya dapat mereka memiliki dan memajukannya.

Mungkin di negara kita perkara ini agak baru, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, terdapat di negara-negara lain di mana golongan taninya, misalnya di Korea Selatan, adalah setanding tahap ekonomi mereka dengan sektor lain yang mampu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita ingin melihat rakyat dalam sektor pertanian kita terlepas dari belunggu kemiskinan, maka melalui langkah-langkah yang saya sarankan itu, kita akan dapat dan mampu menuju ke arah yang dicita-citakan.

Oleh yang demikian, di samping menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Akta FELCRA ini, saya berharaplah bahawa Kementerian yang berkenaan dan FELCRA meneliti atas saranan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab.

5.15 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bagi membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat dan cita-cita Kerajaan dalam usaha untuk meminda beberapa langkah-langkah yang tegas dan rasional setelah hampir 10 tahun Akta ini dikanunkan. Maka perkembangan kegiatan FELCRA umumnya telah meningkat semakin maju daripada pemulihan penyatuan tanah-tanah terbiar, tanah-tanah bekas anggota keselamatan umpamanya daripada keadaan mati telah dihidupkan dengan tanam-tanaman yang mendatangkan hasil yang lumayan kepada rakyat dan negara,

Saya berpendapat memang telah tepat dan sampai masanya kini untuk meminda Akta ini bagi membolehkan pihak FELCRA membentuk ataupun memperbadankan beberapa kegiatannya yang berbentuk komersial seperti di mana hasil-hasil buah kelapa sawit telah beribu-ribu tan diproses setahun, kini telah muncul kilang-kilang memproses minyak sawit kepunyaan FELCRA sendiri. Dan mungkin kegiatan komersial ini amat terhad sekiranya FELCRA masih bergantung dan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Akta 1966 yang lama ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu FELCRA ini sebuah badan yang telah menjalankan kemajuan penyatuan pemulihan tanah, tetapi apabila sampai ke peringkat yang dia mampu melahirkan taraf komersial tetapi kegiatannya terpaksa terhad dengan seksyen-seksyen yang menyekat perkembangannya secara lancar. Sebagaimana tindakan keadaan sektor-sektor komersial yang lain di negara ini. Dengan itu sebagaimana tengahari ini kita pernah dengar sungutan yang dihadapi oleh rakyat penanam-penanam padi terhadap LPN, apabila setengah-setengah pihak dalam LPN menutup kegiatannya mengikut waktu pejabat. Jadi dengan

langkah-langkah yang begitu, tindakan komersial ini tidaklah dapat diselaraskan mengikut waktu pejabat, buka jam 8.00 pagi, tutup pukul 4.15 petang. Maka ini saya kira FELCRA ini telah ke hadapan di dalam segi ini kerana kegiatan komersial ini berkehendakkan masa yang terluang dengan keadaan fleksibiliti pekerja untuk menjalankan kegiatan komersial seluruhnya.

Tuan Yang di-pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini semasa kita memperbahaskan Rang Undang-undang Akta ini tidak dapat kita nafikan apa yang berlaku hari ini masih memerlukan perhatian daripada pihak Kerajaan khususnya Kementerian yang berkenaan, yang bertanggungjawab penuh kepada ladang-ladang FELCRA ini. Umpamanya banyak kita dapati sungutan-sungutan peserta-peserta FELCRA di dalam akhbar beberapa tahun yang lalu di mana telah menuduh pihak FELCRA ini suatu sistem dengan izin, chetty modern.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Rancangan FELCRA di Redang Punggor umpamanya di dalam daerah Hilir Perak yang tidak jauh daripada daerah Batang Padang, mereka ini telah mengeluarkan hasil dan peserta-peserta ini boleh dikatakan hampir 95% adalah terdiri daripada bekas-bekas anggota keselamatan ataupun yang kita namakan S.C. (Special Constable), dengan izin. Jadi, mereka ini semuanya adalah peserta-peserta yang telah berjasa kepada Kerajaan pada satu masa di dalam menentang komunis. Maka mereka telah dikurniakan sebidang tanah, kalau tidak silap saya 4 ekar tiap-tiap seorang, dengan dua ekar untuk kampung dan dusun.

Pada hari ini bahagian yang empat ekar, itu semuanya telah ditanam dengan kelapa sawit. Kebanyakan

peserta-peserta ini telah lanjut usianya, kebanyakan telah melebihi 60 tahun, hasil yang mereka dapati pada hari ini diberikan dalam anggaran \$15 bersih bagi satu ekar. Jadi banyaklah rayuan-rayuan yang kita dengar daripada mereka ini di dalam keadaan kelapa sawit ini harganya pun adalah lumayan dan sebagainya. Walaupun pihak FELCRA mengeluarkan bonos kepada mereka kalau tidak silap saya setiap tahun, tetapi apa yang mereka kehendaki kalau dapat pertimbangan ehsan daripada pihak Kerajaan dan FELCRA supaya pendapatan hasil itu ditingkatkan sedikit daripada \$15 seekar umpamanya, diberikan mereka bersih \$30 seekar untuk menampung keperluan hidup mereka setiap bulan. Jadi dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, kita mendapati keadaan hidup yang mahal pada hari ini tambahan pula peserta-peserta ini adalah terdiri daripada golongan-golongan yang sudah hampir lebih 60 tahun, tenaga-tenaga mereka untuk bekerja di ladang itu boleh dikatakan sangat terhad. Kemudian hendak diharapkan kepada anggota keluarga kebanyakan daripada anak-anak mereka ini pun telah ada mempunyai pekerjaan-pekerjaan di tempat yang lain. Dengan sebab itu mereka tidak dapat menjadi peserta bersama serentak menjadi pekerja, dengan sebab itu apa yang digalakkan oleh FELCRA ini mereka mendapat pendapatan bersih setiap bulan di samping itu peserta ini boleh menjadi pekerja dengan rancangan itu. Tetapi sebaliknya kalaulah peserta-peserta ini terdiri daripada mereka yang di bawah umur 50 tahun mungkin boleh dipertimbangkan ataupun boleh mengikut rentak yang dikehendaki oleh pihak FELCRA itu.

Bagi mereka yang telah berkhidmat dengan Kerajaan semasa darurat, mereka mengharapkan berpuluh-puluh tahun hendak menghidupkan ladang dalam keadaan yang daif tidak dapat, maka dengan adanya FELCRA

telah pun dimajukan dan setelah maju itu berilah mereka sedikit nikmat yang lebih sedikit walaupun tidak banyak semasa mereka ini menikmati umur baki-baki sebelum pergi ke tempat yang kekal menemui ajalnya di dalam kubur. Sedih, Tuan Yang di-Pertua, kaiau kita teliti rayuan demi rayuan yang telah disampaikan kepada pihak Menteri. Kes mereka ini adalah kes yang sungguh berlainan, yang mengharapkan ihsan dan pertimbangan Kerajaan agar dapat menutup mata buat kali yang terakhir dengan senyuman dan keputusan tidak dengan derita dan tidak kepuasan dan kekecewaan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pindaan-pindaan ini juga langkah-langkah mempertingkatkan commercial kita memang sanjung tinggi, di samping itu kita berharap kepada pihak FELCRA kerana perkembangan ladang-ladang yang begini luas dan mungkin akan meningkat luas lagi pada masa akan datang supaya pihak FELCRA sendiri mempunyai suatu badan, dengan izin, Research Unit terutama sekali di dalam bentuk biji-biji benih umpamanya bijih benih kelapa sawit, agar FELCRA tidak selama-lamanya bergantung kepada bahan-bahan biji benih umpamanya daripada ladang-ladang yang telah dengan izin, established seperti, Guthrie, Harrisons dan Crosfield, United Plantations sebagainya. Mungkin swasta-swasta yang established ini mereka memang mempunyai quality standard di dalam mencari baka-baka benih yang baik, tetapi di dalam pada itu pun kita mesti ada mempunyai sifat kepunyaan sendiri mana tahu seperti langkah-langkah yang dibuat oleh PORIM sendiri umpamanya mereka lebih advanced daripada saintis-saintis yang lain di dalam menciptakan pemindahan minyak sawit kepada minyak diesel dan satu masa nanti pihak FELCRA yang telah dapat mengadakan research sendiri di dalam

makmal-makmal yang tersendiri akan dapat suatu baka cantuman benih kelapa sawit yang bermutu tinggi, yang lebih tinggi setanding daripada ladang-ladang yang ada di negara ini. Mungkin ini akan menjadi suatu kebanggaan, akan menjadi suatu potensi yang sangat berharga kepada negara kita di bidang perladangan sawit.

Saya amat yakin bahawa FELCRA dengan perubahan-perubahan ini, perubahan-perubahan yang tegas, dengan kerjasama pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyerahkan tanah-tanah terbiar, untuk memujuk tuan-tuan tanah yang tidak memajukan tanah sejak berpuluh-puluh tahun kita ada berpuluh-puluh ribu ekar tanah-tanah yang terbiar ini, yang semuanya boleh dikatakan dapat ditanam dengan kelapa sawit serta dengan tanaman-tanaman sampingan, bolehlah menambahkan bahawa FELCRA akan menjadi suatu tenaga yang sangat penting di samping FELDA dan ladang-ladang yang lain, koperasi-koperasi yang lain untuk memajukan tanah-tanah di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap juga kepada FELCRA supaya mereka memperbaiki keadaan hubungan-hubungan dengan peserta-peserta ini supaya tidak kelihatan di mana FELCRA di satu pihak laksana tuan besar dan peserta-peserta tuan-tuan tanah ini pula menjadikan pekerjaannya pak turut sahaja kepada kehendak FELCRA. Maka kita berharap mereka akan dapat menjalin hubungan tolak-ansur, hubungan mesra, hubungan yang ada pertukaran pendapat setiap orang, hubungan bertukar-tukar fikiran dalam tempoh 2-3 kahi dalam setahun, bertukar pendapat antara peserta-peserta, masalah-masalah peserta yang banyak dan juga pihak FELCRA menambahkan mutu infrastruktur di dalam ladang-ladang umpamanya

sentiasa memperbaiki jalan-jalan, penarikan buah di dalam ladang-ladang, menaikkan mutu hubungan sosial serta kemudahan-kemudahan yang lain kepada peserta-peserta ini. Kerana penjalinan serta hubungan yang baik dalam FELCRA, pegawai FELCRA, pekerja-pekerja dengan peserta-peserta, tuan-tuan tanah akan menampakkan dan akan melahirkan bahawa kita bekerja untuk satu tujuan dan untuk suatu cita-cita yang baik.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang satu masalah kecil lagi di dalam rancangan FELCRA Radang Ponggoh di mana terdapat suatu bidang tanah yang terbiar dengan di tengah-tengah di samping kawasan yang sedang dimajukan ini. Saya difahamkan bahawa kawasan ini tidak sampai pun 100 ekar tetapi oleh kerana kedudukannya menjadi tempat musuh kepada kawasan yang dimajukan kononnya pihak FELCRA akan memajukan kawasan ini tetapi apa yang disungutkan, yang menjadi perasaan dukacita kepada peserta-peserta yang ada sekarang ialah pihak FELCRA akan mengambil peserta-peserta yang ada, sedangkan belanja projek untuk memajukan, tanah yang baki yang kosong ini ialah daripada perbelanjaan keuntungan pendapatan daripada ladang yang ada sekarang.

Sekiranya pihak FELCRA akan memajukan tanah baki ini, saya berharap supaya dapat peserta-peserta yang ada sekarang yang berada di kawasan ini dipertimbangkan untuk menjadi pesertanya, janganlah kita import orang lain, sedangkan kos perbelanjaan untuk memajukan tanah ini diperolehi daripada keuntungan pendapatan yang ada daripada ladang yang ada sekarang.

Inilah di antara beberapa bahasan saya di dalam Rang Undang-undang Pindaan Akta (Memperbadankan)

Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, Saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

5.33 *ptg.*

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong dan membahaskan Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

Tuan Yang di-pertua, Yang Berhormat Menteri di dalam membentangkan Akta untuk meminda (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ini telah menerangkan beberapa tujuan utama dan tujuan pentingnya untuk membolehkan selain daripada penukaran nama itu adalah perkara yang sudah sepatutnya kita terima dengan sebaiknya, selain daripada itu dalam Fasal-fasal yang lain yang memberikan kepada FELCRA ini nanti kuasa-kuasa baru untuk membolehkan FELCRA ini melaksanakan kegiatan-kegiatan membantu dan menolong petani-petani masyarakat di luar bandar di dalam membangunkan tanah-tanah pusaka yang sekarang ini dikatakan sebahagian besarnya termasuk di dalam golongan tanah terbiar.

Tanah-tanah terbiar yang ditinggal oleh mereka kerana mencari penghidupan ke tempat-tempat baru, ke bandar-bandar atau di mana sahaja ada kawasan-kawasan projek pembangunan untuk memudahkan lagi mereka mendapatkan sumber rezeki untuk penghidupan keluarganya. Dengan ini saya percaya insya Allah dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang sebelum menjelang tahun 2000 usaha

FELCRA ini akan dapat membuahkan, akan dapat menghasilkan satu natijah yang memberi kesan kepada generasi muda angkatan baru sekarang ini yang selama ini yang beberapa tahun kebelakangan ini terutama sekali tidak yakin kepada usaha mencari rezeki dengan menunggu tanah pesaka yang terbiar.

Sekarang ini kalau kita berjalan ke seluruh negara kita akan melihat kebun-kebun getah yang ditinggal tanpa ditoreh. Dan kita lihat sekarang ini bagaimana kegelisahan petani-petani kecil di kampung-kampung kerana kejatuhan harga getah, kerana kejatuhan harga kelapa sawit juga kejatuhan harga-harga yang lain dan dibandingkan dengan meningkatnya belanja penghidupan sehari-hari.

Apabila penghijrah-penghijrah daripada kawasan-kawasan kampung, kawasan-kawasan desa pergi ke bandar-bandar mereka berada di bandar-bandar, mereka berada di tepi-tepi bandar, duduk di rumah-rumah setinggan, masalah yang mereka hadapi kononnya berada di bandar di bawah sinaran cahaya yang terang itu juga masih belum menyelesaikan masalah.

Jadi saya nampak usaha yang kita buat supaya FELCRA ini diberikan satu kuasa yang lebih seperti di dalam Fasal 5 untuk memperluaskan fungsi FELCRA ini membolehkan ianya melaksana, menggalak, menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan program dan pemulihan dan penyatuan tanah seperti pembangunan pertanian, perumahan, pengangkutan, kewangan, perdagangan, perindustrian dan sosial, ini akan memberi peluang pekerjaan untuk menjamin kepada keluarga tani supaya dapat mereka kembali semula daripada mereka berhijrah ke bandar, meninggalkan kampung halaman, kembali semula ke kampung halaman

dengan adanya penyatuan disatukan, tanah-tanah yang luasnya, bidangnya amat kecil terutama tanah-tanah pesaka. Penyatuan kemudian dipiuhkan dalam bidang pertanian dengan tanam-tanaman sumber hasil yang baik, saya percaya ini akan menarik minat tetapi satu daya usaha memberi gambaran kepada mereka ini perlu dibuat.

Satu gambaran atau satu tarikan atau satu penjelasan, satu penerangan perlu diberi disampaikan kepada rakyat, kepada orang ramai yang terlibat dalam hal tanah terbiar, hal mencari penghidupan di bandar yang belum terjamin ini perlu dibuat, tidak memadai dengan buku-buku Laporan Tahunan sebab buku Laporan Tahunan tidak sampai ke peringkat bawah. Kalau selama ini perbadanan-perbadanan yang ada di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini setiap tahun mempunyai buku Laporan Tahunannya, tetapi tidak berapa orang di kampung yang dapat membaca buku ini kerana hendak mencetak buku ini mahal, menggunakan belanja yang banyak. Jadi perlu melalui kerjasama akhbar-akhbar. Akhbar-akhbar hendaklah memberi kerjasamanya selain daripada media massa Kerajaan, radio dan TV.

Radio, saya selalu ikuti di dalam beberapa siarannya mengenai dengan pertanian ini, ada memberi kesan yang baik sepatutnya ruangan ini dilebih-lebihkan lagi, diperluaskan lagi dengan diselangselikan dengan panduan-panduan dan pedoman-pedoman yang baik. Sama ada melalui cerita-cerita, melalui sandiwara atau melalui deklamasi sajak misalnya atau melalui nyanyian-nyanyian yang merupakan satu tarikan kepada rakyat supaya mengenal bidang pertanian ini.

Media massa ini dan suratkhbar memainkan peranan sekali surat khabar ini kurang juga pembacaannya

tetapi keadaan hari ini berubah dengan 10, 15 tahun yang lalu bahawa sekarang ini di kampung-kampung juga suratkhbar telah sampai.

Jadi, perlu suratkhbar-suratkhbar memberikan satu ruangan secara sukarela untuk memaparkan matlamat ini - tujuan FELCRA ini untuk hendak membangunkan tanah terbiar yang dijangka berapa ribu hektar setiap tahun sehingga boleh diselamatkan tanah terbiar yang berjumlah sekian puluh ribu hektar itu.

Kita tidak mahu ungkapan mengatakan bahawa orang Melayu terutama kalau tanah terbiar tni di kampung-kampung Melayu tentulah dipunyai oleh orang Melayu pesaka daripada datuk neneknya. Kita tidak mahu lagi sekarang ini ungkapan mengatakan orang Melayu malas. Tidak ada yang sebenarnya sekarang ini istilah orang Melayu malas. Apa yang saya lihat yang ada di kampung-kampung sekarang ini jaminan daripada tanah pesaka seluas satu ekar atau tanah empat ekar yang diwarisi oleh adik beradik lima enam orang tidak menjamin penghidupan keluarga, jadi tanah itu ditinggalkan menjadi terbiar. Keluasan tanah yang tidak sesuai, kemudian kalau ada pula yang mempunyai tanah kemampuan dari segi modal, kemampuan daripada segi mencernakan tanamannya yang sesuai dengan keadaan itu tidak ada kemampuan sekalipun Jabatan Pertanian mengadakan beberapa program memberi latihan-latihan kepada petani-petani supaya jangan membazirkan tanah tetapi kemampuan untuk menerima dengan tenaga seorang ketua keluarga untuk membajak dengan bajak yang ringan tidak mempunyai kemampuan.

Jadi, dengan adanya usaha Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah ini menyatukan disatukan satu-satu projek tadi

merupakan satu ladang berkelompok, saya percaya usaha ini akan menghasilkan satu natijah yang baik. Namun demikian kita jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, setiap adanya pengumpulan dikelompokkan tadi tentulah ada pengurusan. Pengurusan ini kita berharap supaya benar-benar menjalankan pengurusnya dengan bersungguh-sungguh, dengan kejujuran yang sejujur-jujurnya, tidak ada sedikit pun niat untuk berusaha, bekerja untuk melepaskan batuk di tangga. Sebab selama ini di dalam Dewan yang mulia juga di dalam pertanyaan soal jawab di dalam kita membahaskan beberapa undang-undang di masa-masa yang telah lalu Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa ada projek-projek FELCRA yang sehingga sekarang ini belum menghasilkan hasil yang memuaskan. Ini tentu kerana ada kesiiapan, kesiapan daripada beberapa pihak.

Kalau sudah ditanam kelapa sawit, kelapa sawit jatuh harga, tentulah hasilnya merusut. Kalau pegawai-pegawai ataupun pengurus di situ didikasi tetapi masih semak samun tentu tidak ada kerjasama daripada peserta atau peneroka. Kalau ada pula kegiatan yang sama daripada peneroka tetapi kerana ada satu sebab timbul masalah di situ, tentu ada masalah dan setiap masalah ini tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan jika sekiranya ada musyawarah. Jika sekiranya ada perundingan, jika sekiranya ada dailog.

Saya bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab tadi supaya di dalam masa kita melaksanakan program membantu rakyat ini sifat ketuanan kita hapuskan sama sekali. Kita mesti menanamkan sifat kekitaan, bahawa rancangan FELCRA ini adalah untuk kita, untuk negara kita, untuk rakyat kita, untuk saudara-mara kita, untuk jenerasi keturunan kita, kesemuanya untuk

kita. Sekalipun kita tidak akan mendapat faedah walau satu sen pun tetapi kalau semua rancangan FELCRA berjaya maka rancangan FELCRA dalam negara kita berjaya, dengan sendirinya kita dapat memberi penghidupan yang baik kepada beribu-ribu keluarga, kepada beratus-beratus ribu mulut yang akan menerima hasil daripada kejayaan FELCRA ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat dan ini saya minta kepada pihak FELCRA khususnya supaya berhati-hati. Kalau rancangan ini dimulakan apabila kita hendak menyatukan pemuliharaan ini kemudian di dalam pembangunan pertaniannya, dalam pengangkutannya, di dalam perladangannya memerlukan tenaga buruh. Kalau sekarang ini beberapa rancangan FELDA sahaja telah dilanda oleh kebanjiran buruh-buruh yang datang sama ada yang datang secara terang-terang, atau yang datang secara sembunyi-sembunyi. Kalau FELCRA mengikut Rancangan Penyatuan dan Pemulihan yang baharu ini akan membuka rancangan tanah katalah 150 projek lagi, berapa banyak tenaga buruh yang akan digunakan. Telatah FELCRA atau apakah FELCRA telah menyediakan rangka buruh untuk menerjunkan diri di dalam projek ini.

Saya kkuatir nanti apabila rancangan ini dilancarkan kekurangan tenaga buruh menjadi punca masalah, sebab kekurangan kewangan mungkin tidak akan timbul sebab kita bersetuju dengan penubuhan satu tabung reserve, sebab apabila hendak melancarkan beberapa projek ianya memerlukan kepada satu tabung khusus. Jadi, kita takut nanti tenaga buruh menjadi masalah, kerana bekerja di ladang ini tentulah merupakan buruh yang dibayar di peringkat yang paling rendah. Jadi, nanti kita tidak mahu dengar alasan mengatakan tidak ada buruh untuk

menebang-tebas. Dan kita tidak mahu dengar lagi ada rungutan, ada sungutan mengatakan bahawa benih yang dibekalkan oleh pembekal FELCRA itu sendiri adalah benih yang dikutip disemai sewenang-wenangnya maka apabila sampai masanya pokok itu yang sepatutnya mengeluarkan buah dia tidak mengeluarkan buah. Kalau ditanam getah menjelang 7 tahun, masih belum boleh ditoreh. Ini telah berlaku. Dan kita tidak menyalahkan sesiapa kerana ini masalah manusia tetapi masalah ini masih boleh diselesaikan, dengan adanya perasaan kejujuran, dengan adanya semangat kekitaan. Kalau kita menanamkah semangat ini kepada semua pihak, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, FELCRA telah memperlihatkan kejayaan selama ini. Ini saya akui. Sejak tahun 1966, saya dengar nama FELCRA dan kebetulan pula kampung tempat saya menyemenda di Negeri Sembilan adalah salah satu kampung yang dimasukkan dalam projek FELCRA ini menghasilkan, merupakan dan melahirkan satu kampung yang baik. Jika sekiranya ada semangat kerjasama, kejujuran dan kekitaan. Tetapi kalau tidak ada semangat itu maka rancangan FELCRA itu nanti akan menjadi satu kampung buangan. Apa sahaja projek daripada agensi-agensinya Kerajaan yang lain yang akan disampaikan ke situ wahima tandas curah pun nanti akan ditentang oleh mereka. Wahima hendak dibuat projek beternak pawah secara berkelompok pun ditentang oleh mereka. Sehingga untuk dibekalkan dengan anak ayam pun nariti akan ditentang oleh mereka. Tetapi kalau dapat diprojekkan satu-satu kawasan FELCRA tadi dengan cara yang benar-benar dapat menawan hati, dengan cara yang benar-benar dapat memberi kesedaran dan keinsafan, saya percaya masalah ini tidak akan timbul. Kalau ada masalah timbul ialah setelah di tempat itu berjaya, timbul atau datangnya nanti

apabila ada manusia-manusia yang tamak, timbul masalah yang kemudian tetapi rancangan FELCRA yang pertama tadi itu untuk melahirkan satu kawasan pertanian berkelompok yang disatukan, yang dipulihkan dengan bimbingan, bantuan Kerajaan untuk rakyat telah berjaya. Masalah yang kedua yang timbul itu adalah masalah setempat yang akan diselesaikan oleh mereka yang tinggal di situ, bukan lagi tanggungjawab Kerajaan, bukan lagi tanggungjawab pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang ada di kalangan orang-orang kita, petani-petani yang akan terlibat dengan tanah-tanah yang akan disatukan dan dipulihkan ini atau di tanah-tanah yang terbiar sekarang ini ialah masalah tingkatan pelajaran atau pendidikan mengenai dengan sumber pertanian negara. Rakyat di kampung tidak tahu berapa juta kita kena beli jagung, berapa juta kita beli kacang, berapa juta kita beli barang-barang makanan daripada luar negeri dan sekarang ini rakyat pun tidak tahu kenapa harga kelapa jatuh - kerana kelapa kering daripada luar negeri masuk, kenapa harga ayam baru-baru ini jatuh - kerana ayam masuk daripada luar negeri sama-ada secara haram atau secara halal. Rakyat tidak tahu, rakyat hanya menghadapi ini dengan rasa gelisah.

Hari ini kalau kita pergi ke sebelah pantai barat Johor, Batu Pahat, terutamanya Benut dan Pontian, orang tidak usahakan lagi kelapa, kelapa terbiar begitu sahaja. Perai-peraih kelapa diminta untuk membeli kelapa - minta maaf, kalau awak hendak pakai duit sekarang, saya boleh beri pinjam duit, untuk membeli kelapa, minta maaf. Jadi apabila kita bertanya mengapa keadaan ini berlaku, dikatakan kerana lebih murah beli kelapa kering daripada luar. Sama ada Kerajaan sedar atau tidak hal ini, kemasukan

kelapa kering daripada sebuah negara jiran atau beberapa negara jiran ini menyakitkan penghidupan rakyat kita sendiri.

Kita ada FAMA tetapi tidak tahu setakat mana FAMA memainkan peranannya di dalam menyelamatkan masalah ini. Di Kuala Langat begitu luas kebun kelapa, apabila masalah harga kelapa meruncing, dibuatkan sebuah rumah untuk menyalai kelapa, di Kuala Langat yang begitu banyak kebun kelapa, jadi orang tertawa. Kalau rakyat diberi penjelasan, kalau orang ramai diberi penjelasan pentingnya pertanian, pentingnya hasil pertanian, kita tidak usah cerita dahulu masalah kelapa sawit, masalah getah, masalah lada hitam; ini ada hubung kaitnya dengan luar negeri tetapi masalah makanan, ternakan yang diperlukan oleh rakyat kita.

Dahulu saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini bagaimana penternak-penternak itik telur di Tanjung Karang menghadapi masalah telur itiknya tidak laku kerana telur itik yang dibawa masuk daripada sebuah negara jiran jauh lebih murah dan saya kluatir nanti kalau berlaku pula dan selamat ditandatangani perjanjian usahasama nelayan kita menangkap ikan di kawasan ZEE, ikan daripada luar akan masuk ke mari mencurah-curah atas tiket usahasama, mukalah ikan yang ditangkap oleh nelayan kita nanti tidak laku. Ini masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai.

Negeri kita ini bukan sahaja tanah yang boleh ditanam dengan kacang panjang malahan tanah yang ditanam dengan tomato, dengan kobis, dengan sayur-sayuran yang lain pun ada. Ertinya ada kawasan tanah kita ini yang boleh memberikan sumber sayur kepada rakyatnya, tetapi berapa ratus juta kita membeli sayur daripada luar negeri. Adakah FELCRA akan meluaskan kegiatannya dalam bidang

ini sehingga boleh menampung keperluan sayur di dalam tanah yang hendak disatukan, kemudian dipulihkan. Ini nama baru, "disatukan, kemudian dipulihkan", dahulu "dipulihkan, baru disatukan", sekarang ini disatukan dahulu, baru dipulihkan. Jadi apabila telah disatukan tanah itu untuk dipulihkan, hendak dipulihkan dengan apa? Kalau dipulihkan dengan tanaman kelapa sawit dengan tanaman getah, saya setuju tetapi risiko yang akan diterima oleh rakyat apabila harga kelapa sawit, harga getah jatuh, Kerajaan yang akan kena maki, Kerajaan tidak mengawal harga pasaran. Sekarang ini yang bunyi di luar Dewan, di kampung-kampung sedangkan rakyat di luar bandar, rakyat di kampung-kampung baru mengenal kelapa sawit 20 tahun lebih kurang, sebelum ini orang kampung kita tidak kenal kelapa sawit hingga orang kampung kita kata "Tamar Malaya".

Sekarang orang kenal kelapa sawit sehingga mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini mengapa pekebun-pekebun kecil lebih gemar menanam kelapa sawit kerana hasil pulangan daripada kebun kelapa sawit itu lebih baik daripada tanaman getah. Betul, kalau kita bandingkan 2 ekar kelapa sawit dengan 2 ekar kebun getah, pendapatannya lebih banyak kelapa sawit, kerjanya lebih ringan bagi kebun kelapa sawit, sebab itu orang mula tanam kelapa sawit.

Jadi 20 tahun kemudian, maknanya tahun 1985, apabila banyak orang sudah menukar corak tanamannya kepada kelapa sawit, harga kelapa sawit jatuh kepada paras yang tidak boleh tahan lagi. Sekarang ini kalau kita pergi ke kampung-kampung, orang yang bertanam kelapa sawit tidak boleh tahan, upah memetik sahaja pun sudah tidak boleh tahan. Jadi orang kampung tidak tahu mengapa perkara ini berlaku kerana

penjelasan kepada rakyat tidak diberi bahawa ladang-ladang kelapa sawit dari negara jiran sudah mula mengeluarkan hasil. Dahulu negara jiran kita juga tidak bertanam kelapa sawit, sekarang Indonesia sudah mula mengeluarkan minyak kelapa sawitnya, Thai sudah mengeluarkan minyak kelapa sawitnya, maka persaingan itu ada. Tetapi rakyat tidak tahu, rakyat tahu bercakap kerana Kerajaan tidak control harga. Jadi ini kena diberi penjelasan kepada rakyat melalui media massa yang seluas-luasnya, jangan main selang-seli. Penjelasan yang seperti ini tidak boleh selang-seli, pihak akhbar bertanggungjawab memainkan peranan ini.

Saya minta, saya rayu pihak akhbar supaya memberikan ruangan khas di dalam bidang ini, jangan tulis secara akademik, tulis secara orang kampung, tulis secara yang paling rendah yang orang senang baca, kenapa kelapa sawit jatuh harga tulis dan keluarkan gambar-gambarnya sekali. Jadi kalau orang membaca sekali, dia kata Iakah? Kali yang kedua dia akan baca lagi, kali yang ketiga akan terpacak di dalam fikirannya: Oh! ini rupanya peredaran ekonomi dunia. Ini rupanya sekitar keliling "kita yang berlaku. Jadi kegelisahan rakyat tidak berterusan, kegelisahan rakyat tidak akan berpanjangan dan kemarahan rakyat kepada pemimpin, kepada Kerajaan tidak berpanjangan.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Dewan hari ini, kalau kita pergi ke kampung, kita membuat ceramah, soalan yang pertama ialah kenapa harga kelapa sawit jatuh, kenapa harga getah jatuh, kenapa kelapa tidak laku, apa peranan FAMA. Ini yang akan menjadi pertanyaan dan kita tidak boleh jawab, sebab kita tidak tahu angka-angka, kita tidak tahu masalah yang

sebenar. Jadi penjelasan yang sebenarnya mesti diberi kepada rakyat.

Di radio ada keluar harga sayur, harga ikan, tetapi harga yang sudah seminggu dahulu. Di Ipoh ikan kembung satu kilo \$1.80; di Kuala Lumpur \$1.60; di Melaka \$1.40, tetapi harga sudah seminggu dahulu. Takkan orang hendak balik belakang beli ikan seminggu dahulu. Patut harga besok, lusa apa macam? Harga ikan kembung lusa di Kuala Lumpur \$1.60; di Melaka \$1.40, saya pun kejar naik bas pergi Melaka kerana ikan kembung di Melaka murah. Begitu juga dengan harga minyak, harga kelapa sawit, harga kelapa ini jangan harga bulan dahulu satu metrik tan \$700. Harga bulan dahulu hendak buat apa? Harga bulan depan berapa harga satu metrik tan. Kalau harga bulan depan satu metrik tan naik \$770, orang akan simpan kelapa yang terbiar, dikumpulkan, kerana harga naik. Kalaulah boleh dibuat begitu. Kalau tidak boleh apa hendak buat, saya pun tidak tahu. Patutnya pasaran boleh dibuat begitu sebab kalau orang boleh meramalkan pasaran saham ini jatuh, turun naik, turun naik, tutup buka, ini juga patutnya boleh dibuat begitu. Sekurang-kurangnya Kerajaan boleh mengadakan satu kuota harga tidak akan jatuh ke paras ini. Kalau harga tidak akan jatuh ke paras ini, rakyat akan kata itu harga gomen, harga Kerajaan. Jadi kalau ada harga Kerajaan separas ini, kita jual dengan agensi Kerajaan yang membeli hasil mahsul ini.

Kampung Indah, Kuala Langat itu satu kampung contoh terbaik. Semalam baru disampaikan hadiah, kampung terbaik, pengeluar sayur yang terbanyak, beberapa tahun dahulu, tetapi hari ini hendak cari sebakul kacang pun tidak ada. Sebab orang sudah kecewa, tanam kacang begitu banyak setiap petang lori datang harga tetap 38 sen. Tetapi

apabila sampai ke pasar, harga kacang panjang sekarang berapa yang didapati oleh petani? Kacang panjang daripada Kampung Indah sampai ke Singapura. Adakah projek FELCRA di dalam menyelaraskan aktiviti-aktivitinya termasuk masalah tanah yang hendak disatukan kemudian dipulihkan tadi khusus dalam bidang pertanian.

Saya syorkan kepada FELCRA supaya menengok ke Selangor, kerana di Selangor ada beberapa rancangan tanah yang dinamakan tanah revolusi hijau yang diberikan kepada rakyat dua ekar setiap orang. Sudah beribu ekar diberikan. Rakyat memek, dua ekar tidak ekonomik, kami mahu empat ekar. Kata pemimpin, empat ekar tidak cukup. Kalau boleh hendak beri satu ekar seorang. Jadi bagi dua ekar, tetapi tanah ini sekarang ini yang telah dikeluarkan tujuh, lapan, sepuluh tahun dahulu pun masih juga semak, masih juga belukar, masih juga menjadi tanah terbiar.

Satu projek rancangan pemberian tanah Kerajaan di Kampung Kancung Tengah sudah lebih 25 tahun sehingga hari ini pokok merbaunya masih tegak. Saya usaha, saya bawakan Pengurus Bank Pertanian, apabila dibawa Pengurus Bank Pertanian, dia pun keluar borang. Syaratnya ini, ini, ini. Orang situ kata, tidak apalah, kami ambillah borang ini dahulu, kami baca, minggu depan kami datang lagi, borang itu sudah menjadi abu. Belum menerima lagi konsep meminjaman daripada Bank Pertanian untuk memajukan tanah. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini biasa dengan daerah Kuala Langat dan tahu sangat masalah ini.

Lagi satu aktiviti pertanian, kita sekarang hendak menggalakkan kepada orang Melayu ini bertanaman dengan tanaman kerana yang terlibat dengan tanah terbiar nanti banyak

orang Melayu dengan tanaman-tanaman tahunan, tanaman kekal, kelapa, getah dan tanaman kontan. Ada atau tidak projek yang akan dibuat melalui Penyatuan dan Pemulihan Tanah ini bertanam halia, kerana halia pasarannya cukup tinggi. Tetapi jarang sangat di kalangan petani bumiputera yang bertanam halia, diajar untuk bertanam halia dan digalakkan bertanam halia. Saya tidak tahu di mana silapnya. Adakah petani Melayu menganggap menanam halia ini susah, sedangkan petani-petani kaum Tionghua yang ada di tempat saya yang bertanam halia itu, yang bekerja di ladangnya ialah orang Melayu, yang mengambil upah mencangkul, membuat batas, memerun dan sebagainya. Boleh, tetapi oleh kerana orang Melayu kurang kemampuan tadi, balik kepada modal, terbiar tanahnya, dia bekerja di tanah orang lain untuk mencari upah.

Saya percaya inilah usaha-usaha yang FELCRA cuba hendak menyelesaikan. Saya menyokong pindaan ini dan saya berdoa semoga usaha yang hendak dibuat oleh FELCRA ini akan dapat kejayaan dan akan menghasilkan hasil yang benar-benar memberi kesan. Cuma apa yang saya harapkan supaya ada perasaan kakitaan, kejujuran. Jangan sekali-kali ada timbul perasaan setakat melaksanakan apa yang diarahkan. Jadi tidak jadi terserah kepada tuan yang punya tanah. Kalau ini kembalilah kita jadi macam cerita bangau kurus:

Tanah oh! tanah, kenapa engkau semak;
 macam mana aku tak semak, orang tak tebas;
 parang oh! parang, kenapa engkau tak tebas;
 macam mana aku nak tebas, aku tumpul;
 tumpul oh! tumpul, kenapa engkau di sini;

macam mana aku tak di sini;
memang aku dibiarkan;

Inilah jadinya, cerita bangaulah.

Bank oh! bank, kenapa engkau
tidak beri pinjam;
macam mana aku hendak beri
pinjam, beri pinjam dia tidak bayar
FAMA oh! FAMA, kenapa engkau
tidak beli;
macam mana aku hendak beli, aku
diberi setakat ini;
FELCRA oh! FELCRA kenapa
engkau tidak buat;
macam mana aku hendak buat, aku
tidak ada tabung rizab;

Sekarang kita beri tabung rizab.

FELCRA oh! FELCRA, kenapa
engkau tidak luaskan;
macam mana aku hendak luaskan,
aku tidak ada akta;

Sekarang kita luluskan Akta. Cerita ini akan berpanjangan. Insya Allah, kita semua sudah jadi manusia cerdas pandai. Generasi yang baru sehinggakan petani-petani di kampungnya itu pun banyak yang sudah lulus SPM. Maknanya cerdas pandai dan dia akan menerima konsep perubahan dan pembanguna kalau disampaikan dengan cara yang sebaik-baiknya, disampaikan dengan secara psikologi, disampaikan dengan cara yang amat munasabah. Maknanya dengan pujukan yang memberi kesan sebab negara kita masih merupakan negara pertanian.

Jadi kalau kita tidak dapat menjamin hidup kaum taninya ertinya negara kita gagal untuk mewujudkan satu kelompok rakyat kita sebagai kaum.tani.

Juga tanah terbiar ini sebahagiannya di lereng-lereng bukit. Kalau kita pergi ke negeri-negeri yang berbukit-bukit, kita akan dapati tanah-tanah terbiar ini di lereng-lereng bukit, Lada hitam juga merupakan sumber penghasilan negara yang besar.

Adakah FELCRA di dalam rancangannya nanti akan menumpukan di mana-mana satu kawasan atau beberapa kawasan tanah yang hendak disatukan, dipulihkan ini dengan tanaman lada hitam? Kerana selama ini tanaman lada hitam dimonopoli oleh satu golongan rakyat kita daripada keturunan kaum Tionghua. Adakah FELCRA bercadang untuk melahirkan pula satu kelompok kaum tani bumiputera Melayu bertanam lada hitam. Halia satu, lada hitam satu, selain daripada kelapa sawit dan getah.

Jadi kalau semua orang tak mahu beli kelapa sawit dan getah, FELCRA akan menjadi sasaran. Jadi tanaman-tanaman yang seperti itu, yakni merupakan berbagai rupa tanaman sama ada yang boleh dimakan atau yang boleh dieksport atau yang boleh disimpan lama untuk keperluan rakyat dan negara, saya percaya FELCRA telah menyusun strateginya dengan baik, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan amat sukacitanya menyokong Akta untuk meminda Akta. (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Harun.

6.11 ptg.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya Juga bangun mohon izin mengambil masa yang singkat bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama satu Akta yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985 yang ditukarkan kepada nama Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan, sebagaimana telah dibentangkan oleh Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ini telah ditubuhkan ataupun dibentuk pada 1-4-1966 dahulu yang mana tujuannya ialah untuk menaikkan taraf ekonomi penduduk-penduduk luar bandar, dengan itu juga boleh mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di kalangan rakyat kita, kerana dengan wujudnya Lembaga ini dapatlah memainkan peranan yang cergas secara langsung mengendalikan, menguruskan projek tersebut. Dengan pengendalian khusus oleh Lembaga ini, maka rakyat kita di luar bandar akan dapat pula beberapa peluang-peluang pekerjaan, sebagaimana yang telah dijalankan oleh pihak Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ini. Dengan itu, rakyat kita di luar bandar terutama sekali, mereka yang mempunyai tanah-tanah ini secara langsung akan dapat meninggalkan daya pengeluaran hasil pertanian mereka setelah tanah-tanah mereka diusahakan oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga ini, khususnya kepada Menteri yang berkenaan bukan sahaja telah menjalankan dan sedang serta akan menjalankan lagi projek-projek yang telah dirancangkan, tetapi juga terima kasih kepada Menteri berkenaan kerana telah membuat pindaan-pindaan undang-undang tersebut dan dibentangkan dalam Dewan ini pada hari semalam, kerana undang-undang yang dahulu barangkali tajuknya tidak berapa tepat diterjemah dan dialihbahasakan kepada Bahasa Malaysia. Dengan adanya pindaan tajuk ini, maka saya fikir lebih menjadikan bersesuaian dan menepati kepada pengertian yang sebenarnya dalam Bahasa Malaysia. Apa lagi jika tanah-tanah terbiar yang didapati beberapa keping yang berselerak itu, maka terpaksa

dikumpulkan, disatukan dahulu, kemudian barulah boleh dimajukan. Oleh yang demikian, dengan pindaan ini juga maka pihak Lembaga akan meneruskan lagi prestasinya memajukan tanah dan tidak menimbulkan banyak masalah, terutama sekali daripada segi kewangan. Oleh itu, perkara No. 3 dalam Rang Undang-undang ini, penggantian tajuk panjang, pindaan Akta Ibu ini memang telah menepati dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak ditubuhkan Lembaga ini pada tahun 1966 dahulu Lembaga telah menjalankan usaha-usaha yang begitu berkesan untuk memulihkan tanah-tanah yang khususnya tanah-tanah yang terbiar. Di Negeri Sembilan sahaja Lembaga ini telah mengusahakan projek tersebut tidak kurang daripada 45 rancangan seluas lebih kurang 11,000 hektar lebih yang mengandungi 2 jenis tanaman yang penting, iaitu kelapa sawit dan getah. Saya berharap Lembaga ini akan menambah lagi bilangan dan keluasannya untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini pada tahun-tahun yang akan datang. Saya berharap kepada Menteri berkenaan akan memberi angka-angkanya dan keluasannya serta di mana tempatnya untuk dimajukan tanah-tanah terbiar ini dalam Negeri Sembilan khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Lembaga ini memajukan atau mengusahakan tanah-tanah terbiar ini didapati beberapa kerumitan yang timbul di mana sekeping tanah nama asal dalam milik tuanpunya tanah telah meninggal dunia dan masih belum ditukarkan kepada pemilik yang ada sekarang yang sah, yang sebenarnya. Jadi manakala hendak dimajukan tanah itu menimbulkan kesulitan, kerumitan untuk mendapatkan penyerahan tanah oleh sebab namanya belum ditukarkan kerana dimiliki oleh beberapa orang

yang susah untuk mendapatkan persetujuan.

Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya kerja-kerja memajukan tanah ini tidak tergendala, maka Kerajaan hendaklah memberi kuasa sementara kepada FELCRA untuk memajukan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung tradisional dengan tidak payah mendapatkan kebenaran tuan tanah atau penyerahan tanah daripada mereka, kerana tujuan Lembaga bukannya hendak mengambil atau merampas tanah-tanah mereka, melainkan semata-mata untuk memajukan tanah mereka mengeluarkan hasil.

Misalnya sekeping tanah sebagai pemisah kepada rancangan yang sedang dimajukan oleh Lembaga FELCRA yang tidak dapat dikesan tuan punya tanah, jadi jika Kerajaan telah memberi kuasa kepada FELCRA sebagai kuasa sementara yang saya nyatakan tadi, masalah ini tidak timbul kerana Lembaga ini akan dapat meneruskan kerja-kerja memajukan tanah tersebut dengan tidak ada halangan, kerana tanah yang sekeping itu jadi bukan sahaja menjadi penghalang atau pengendalian kepada rancangan FELCRA, tetapi juga tempat berlindungnya musuh tanam-tanaman seperti babi, tikus dan sebagainya yang sudah tentu akan merosakkan tanam-tanaman yang sedang dimajukan oleh pihak Lembaga. Tambahan pula, dengan sekeping tanah yang terbiar itu tadi bertambah merumitkan lagi pihak Lembaga untuk merancang, membina jalan pertanian, parit-parit dan pagar di keliling kawasan tanah rancangan, yang sedang diusahakan.

Ada satu perkara lagi yang pentingnya diberikan kuasa kepada FELCRA ini ialah sudah selalu terjadi, iaitu beberapa orang yang

telah memberi persetujuan untuk memajukan tanahnya semula kepada Lembaga, tetapi pada akhirnya mereka telah mungkir janji dan tidak membenarkan sedangkan kerja-kerja memajukan tanah mereka sedang berjalan oleh pihak Lembaga kita. Tambah merumitkan lagi, jika ada pada awalnya di antara mereka yang tidak berkehendakkan tanahnya dimajukan, manakala di peringkat akhir atau di saat-saat terakhir barulah mereka hendak menyertai semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berhubung dengan kuasa untuk menubuhkan perbadanan dalam 11 (a), cerai (i) dan (ii), (iii) dan (iv). Pindaan ini adalah sebagai tambahan yang baik kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan kerana di masa-masa yang sudah ini FELCRA tidak ada satu badan yang mempunyai khidmat pertanian untuk mengkajilidik untuk kesesuaian tanah dan tanaman hanya diminta kepada Jabatan Pertanian bagi menjalankan kerja-kerja itu. Oleh itu, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan ini membentuk perbadanan khidmat pertanian sendiri, kerana dengan adanya perbadanan dan khidmat pertanian yang dikelolakan sendiri oleh Lembaga, maka pekerjaan memajukan tanah dapat dijalankan dengan segera setelah dikenalpasti penyesuaian tanah dengan tanaman yang akan diusahakan, tidak seperti sekarang di mana kesesuaian tanah dengan tanaman diperolehi dari Jabatan Pertanian dan kadang-kadang ini memakan masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan pentingnya FELCRA menubuhkan Perbadanan Khidmat Pertanian sendiri iaitu bersabit dengan penganalisan daun bagi tujuan pembajaan untuk mendapatkan kesuburan tanah kerana dengan itu

nanti akan mendapat hasil yang baik, pulangan modal yang baik dan pendapatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga saya suka mengesyorkan lagi supaya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan ini menubuhkan perbadanan perkilangannya sendiri kerana ini juga satu perbadanan yang penting dalam FELCRA untuk inenjalankan aktiviti kilang dengan bebas dan lancar kerana dengan wujudnya perbadanannya sendiri supaya dapat menguruskan perjalanan kilang dengan segera dan lancar dan dengan ini Lembaga dapat mewujudkan satu suasana kilang yang cekap dan kemas kerana perjalanan proses teknik perkilangan berkehendakan kepada keputusan yang segera.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh penyusunan semula kampung-kampung tradisional kerana ini satu daripada strategi FELCRA yang sedang dilaksanakan sekarang. Pada pengetahuan saya program penyusunan semula kampung-kampung tradisional ini yang telah dapat dijayakan oleh FELCRA dalam negara kita Malaysia ini hanya di dua buah kampung sahaja, barangkali satu di Kelantan iaitu di Teratak Batu dan satu lagi di Kampung Kok Langkawi. Jadi, patutlah program ini dilaksanakan dengan lebih banyak lagi. Saya fikir sekurang-kurangnya satu kampung tradisional pada setiap buah negeri diwujudkan sebagai contoh kalau di negeri Sembilan misalnya belum ada, saya dengan ini memohon supaya diwujudkan sebuah kampung penyusunan semula kampung tradisional, mungkin barangkali sebuah kampung tradisional yang lama wujud iaitu sebagai Kampung Esoh, misalnya, di Jelebu, Negeri Sembilan. Saya berharap Kerajaan akan

mengenalpasti Kampung Esoh ini sebagai kampung tradisional yang patut dibuat penyusunan semula kerana kampung ini bukan sahaja sebuah kampung yang terpencil, tetapi juga patut diambil kira daripada segi keselamatan yang sepatutnya Kerajaan kita mesti mengambil kira untuk penyusunan semula.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.23 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam membentangkan Rang Undang-undang Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985 yang telah dibentangkan.

Seperti yang kita maklum bahawa tujuan-tujuan kita membawa pindaan-pindaan ini ialah untuk memperbaiki lagi perkhidmatan agensi yang kita fikir penting dari segi pembangunan tanah terutamanya untuk membantu pembangunan dalam kawasan luar bandar dan kampung-kampung tradisional di mana pendekatan FELCRA ialah secara pembangunan *in-situ*.

Saya akan cuba menjawab sebanyak mungkin pandangan-pandangan, soalan-soalan, teguran-teguran yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa mendapat perhatian saya, Kementerian dan juga agensi yang berkenaan.

Saya ingin menyentuh, pertamanya pandangan daripada Yang Berhormat

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman yang telah menyentuh banyak dari segi teori-teori pembangunan dan sebagainya yang menarik minat Kementerian dan juga minat saya untuk dapat ditinjau dengan lebih dalam lagi.

Misalnya, Yang Berhormat telah memberi perhatian terhadap nisbah tanah dengan buruh, masalah pandangan macro dan micro dan sebagainya dan Kementerian saya sedar bahawa masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat desa di negara ini adalah nisbah manusia dan tanah yang tinggi,

Berdasarkan banci pertanian tahun 1977, 76.6% adalah merupakan petani-petani yang memiliki tanah yang kurang dari 5 hektar. Walaupun faktor-faktor ekonomi yang lain seperti modal, usahawan, teknologi dan sumber tenaga (capital technology and labour), dengan izin sentiasa diusahakan oleh Kerajaan untuk meningkatkannya saya bersetuju bahawa daya pengeluaran atau produktiviti akan meningkat ke satu tahap yang optima dan kemudiannya akan berkurangan disebabkan oleh faktor ekonomi yang utama iaitu tanah masih di tahap yang sama. Menyedari hakikat bahawa tanah merupakan sumber pengeluaran, maka pindaan kepada Akta FELCRA dicadangkan bagi membolehkan Lembaga ini melibatkan diri secara langsung dengan usaha-usaha penyatuan tanah.

Penyatuan tanah merupakan salah satu dari strategi FELCRA selain dari pemuliharaan tanah dan kegiatan ini telah pun dimulakan oleh agensi ini sejak tahun 1970. Walaupun tidak secara fizikal dengan bantuan Kerajaan-kerajaan Negeri tanah-tanah tambahan telah dimajukan di sekitar kampung-kampung dan penempatan yang ada untuk dijadikan saham tambahan kepada petani-petani yang menjadi peserta-peserta FELCRA.

Dengan ini pegangan tanah yang ekonomik dapat diwujudkan dengan cara disatukan tanah-tanah Kerajaan yang berhampiran dengan tanah-tanah milik petani yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Lima Tahun akan datang FELCRA akan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penyatuan tanah sesuai dengan Dasar Pertanian Negara di mana usahasama dengan agensi-agensi pembangunan tanah yang lain di bawah Kementerian saya akan dilaksanakan. Penelitian sedang dilaksanakan oleh Kementerian saya dalam soal penyelarasan bagi melaksanakan program ke arah ini di mana pembangunan tanah baru dapat diselaras dengan pemuliharaan tanah milik di kalangan agensi-agensi di bawah Kementerian saya dengan FELCRA sebagai agensi pemuliharaan tanah milik akan memainkan peranan penting dalam aspek ini. Berhubung dengan soal ini, Kementerian saya telah mengarahkan FELCRA bagi menubuhkan Tabung Penyatuan Tanah dengan peruntukan sebanyak \$1 juta yang dijangka dimulakan pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, FELCRA juga telah merangka satu program jangka panjang untuk membolehkan tanah-tanah terbiar yang terdapat di negara kita. Sehingga 1hb November, 1985 sahaja, kawasan seluas 34,086 hektar telah dipulihkan menjadikan jumlah keseluruhan projek-projek pemuliharaan tanah yang telah dilaksanakan berjumlah 66,989 hektar atau kira-kira 166,000 ekar.

Dalam melaksanakan projek-projek pemuliharaan tanah terbiar ini benar seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat iaitu FELCRA banyak menghadapi masalah-masalah. Walau bagaimanapun, alhamdulillah, masalah-masalah tersebut dapat diselesaikan setakat ini. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh

Lembaga ini ialah masalah pemilik tanah yang ramai bagi sebidang tanah yang kecil disebabkan oleh pembahagian pesaka. Walau bagaimanapun, ini tidaklah merupakan masalah utama kepada FELCRA kerana hukum faraid tidak menjadi penghalang dalam mengatasi soal ini kerana ini boleh diaturcarakan dengan kaedah yang sebaik-baiknya yang tidak dikira bercanggah dengan hukum faraid ataupun dengan hukum adat jika tanah yang berkenaan adalah tanah adat, bahkan Majlis Patwa telah pun membuat fatwanya terutama sekali Majlis Patwa Kebangsaan, di mana harta yang difaraidkan itu boleh juga diambil kira selain daripada tanah iaitu dari segi dijadikan atau ditukarkan (convert) dalam nilai mata wang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, benar seperti apa juga yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Ghani bahawa struktur masyarakat desa kita telah dan sedang mengalami perubahan dari sektor pertanian yang bersifat intensif manusia kepada sektor mpden dan pembuatan yang lebih intensif kepada modal dan teknologi.

Dengan perpindahan tenaga kerja dari desa dan bandar maka masalah buruh atau tenaga kerja akan dihadapi. Setakat ini masalah tenaga kerja tidak merupakan masalah utama kepada FELCRA memandangkan kebanyakan pembangunan FELCRA dilaksanakan secara *in situ* atau di tempat yang sama di mana tenaga-tenaga kerja tempatan dan kampung-kampung sekitar dengan diperolehi dan juga oleh kerana rancangan ini mengikut penyertaan peserta atau orang-orang kampung yang sedia ada.

FELCRA juga biasanya membuka peluang-peluang kerja kepada pemilik-pemilik tanah yang akan dibayar upah dan bagi mereka yang berminat dan berkebolehan, pemilik-pemilik tanah dan bakal-bakal peserta

juga digalakkan untuk melaksanakan kontrak-kontrak pertanian yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri FELCRA juga telah melaksanakan projek penyusunan semula masyarakat desa di mana kampung-kampung tradisional yang terdapat di negara ini dikumpulkan dalam satu pusat pertumbuhan atau bandar kecil. Melalui projek ini bukan sahaja kemudahan asas akan disediakan malah industri-industri kecil juga akan diwujudkan FELCRA dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain akan berpadu tenaga di bawah penyelarasan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek tersebut dan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan. Tanah-tanah milik penduduk kampung akan dicantumkan supaya menjadi sebuah estet yang menguntungkan dengan tanaman-tanaman utama seperti kelapa sawit, koko dan getah dan apa juga tanaman yang akan difikirkan kemudiannya. Rumah-rumah mereka akan disusun dan dibina semula di pusat pertumbuhan dan bandar kecil yang disediakan lengkap dengan segala kemudahan asas, dan kemudahan sosial. Salah satu dari projek-projek penyusunan semula ini telah pun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Projek Sri Mendapat, Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat dan strategi FELCRA adalah dihalakan untuk mencapai cita-cita Kerajaan bagi membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar. Melalui usaha-usaha pemulihan dan penyatuan tanah, FELCRA telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta-pesertanya di atas garis kemiskinan melalui pemindahan teknologi-teknologi moden pertanian dan dengan ini meningkatkan daya pengeluaran petani-petani tersebut

bagi membolehkan mereka mendapat pendapatan yang lebih tinggi untuk kesejahteraan hidup keluarga mereka dari segi petajarah dan kebajikan.

Kementerian saya sedar mengenai masalah generasi kedua yang dihadapi di projek-projek pembangunan tanah. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang merangka satu strategi untuk membendung masalah ini. FELCRA sebagai salah satu dari agensi-agensi di bawah Kementerian saya juga kini sedang mengkaji masalah ini agar satu program khas dapat disediakan untuk menyediakan program generasi kedua ini untuk menghadapi pertumbuhan ekonomi di rancangan-rancangan.

Dalam tahun 1986 peruntukan sebanyak \$8 juta telah disediakan bagi FELCRA melaksanakan program-program latihan dan pembangunan institusi bagi generasi keduanya.

Dari segi makro FELCRA dapat memberi sumbangan secara tidak langsung kepada ekonomi negara melalui pengeluaran bahan-bahan eksport utama negara seperti kelapa sawit, koko dan getah yang telah membantu sedikit-sebanyak untuk mendapatkan tukaran wang asing.

Projek-projek FELCRA juga telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada peserta-peserta dan keluarga-keluarga mereka, di samping itu peluang-peluang pekerjaan ini juga terbuka kepada penduduk-penduduk kampung di sekitarnya.

Kontraktor-kontraktor bumiputera juga telah mendapat faedah dari projek-projek FELCRA sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat di negara ini. Insya Allah dengan adanya pindaan kepada Akta FELCRA yang membolehkan FELCRA menubuhkan per-

badanannya sambungan secara langsung dari segi makro akan dapat dibuat oleh FELCRA kepada ekonomi negara dan Keluaran Negara Kasar (Gross Domestic Product).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman juga telah menimbulkan masalah fragmentasi tanah-tanah yang diakibatkan oleh pewarisan ataupun harta pesaka. Selain daripada kita mengusahakan pencantuman tanah menerusi FELCRA kita juga ada beberapa peruntukan undang-undang-seperti Group Settlement Act ataupun memperkenalkan sistem saham supaya sistem saham ini dapat mengatasi masalah fragmentasi dan kita juga harap dapat ubah sikap masyarakat luar bandar terutamanya orang Melayu terhadap tanah bukan sahaja sebagai hak milik, harta tetapi juga sebagai punca hidup dan juga memberikan nilai (economic value) kepada tanah.

Pembangunan FELCRA secara *in situ* iaitu yang bertentangan dengan rancangan FELDA iaitu pembukaan tanah baru dengan cara memindahkan masyarakat kampung ke kawasan yang baru tidak akan menyebabkan pertukaran ataupun pembangunan *in situ* akan dapat memperkuatkan lagi pertalian kekeluargaan peserta-peserta FELCRA di mana penyatuan tanah akan dibuat di tempat-tempat atau di kampung-kampung berkenaan kecuali kalau tanah-tanah Kerajaan tidak ada lagi di situ maka usaha-usaha untuk mencantumkan tanah-tanah yang sedia ada mungkin akan diselenggarakan menerusi peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara seperti Seksyen 129 yang mana kita boleh, menggunakan compulsion kepada peserta-peserta yang telah membiarkan tanahnya tidak diusahakan, untuk diusahakan oleh FELCRA secara penyatuan. Oleh kerana FELCRA juga mengusahakan tanaman-tanaman selain daripada

tanaman kekal iaitu kelapa sawit, getah dan lain-lain seperti misalnya FELCRA di Seberang Perak juga mengusahakan tanah-tanah sawah di Seberang Perak maka masalah menyatukan tanah-tanah dengan usaha-usaha yang lebih ekonomik dengan menggunakan kejenteraan dan sebagainya sedang ditinjau dengan lebih rapat lagi, dengan lebih dekat dan saya yakin bahawa pengalaman-pengalaman FELCRA dalam mengusahakan perladangan ataupun pembangunan tanah secara ladang akan dapat membantu FELCRA mengusahakan tanah-tanah sawah yang ada di Seberang Perak.

Yang Berhormat juga menonjolkan masalah multi-enterprise ataupun bagi saya, pertanian bersepadu di mana bukan sahaja petani-petani mengusahakan tanaman utamanya tetapi dengan pendekatan-pendekatan baru yang dibuat dalam usaha pembangunan seperti misalnya pendekatan bersepadu di mana agensi-agensi di bawah Kementerian saya mahupun RISDA sendiri yang khusus untuk mengusahakan tanaman semula telah juga meninjau pendekatan bersepadu ini kerana kita sedar bahawa pendekatan yang sectoral ataupun tertumpu kepada pengkhususan fungsi agensi itu sendiri, kadang-kadang tidak juga dapat memberikan hasil sepenuhnya ataupun menepati Dasar Pertanian Negara untuk memaksimumkan pendapatan petani. Maka pendekatan yang secara bersepadu atau integrated juga dapat memberikan pengertian multi-enterprise yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani Othman bahawa pendekatan secara integrated ini, secara bersepadu ini memerlukan agensi-agensi yang berkenaan, misalnya masalah dalam FELCRA memerlukan juga usaha-usaha penyelarasan dengan agensi-agensi yang lain selain daripada FELCRA. kerana hendakkan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Misalnya dalam pendekatan secara integrated, FELCRA juga mengusahakan pemeliharaan biri-biri dan juga perusahaan lebah madu dan sebagainya dalam mempelbagaikan kegiatan petani. Soal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah bagaimana untuk mendapatkan kepakaran dan nasihat-nasihat yang tepat ataupun sekurang-kurangnya penyelarasan terhadap multi-enterprise ini di mana kegiatannya memerlukan pengkhususan perlu dibawa masuk kepada petani-petani di kampung-kampung.

Kita sedar bahawa ini masalah utama tetapi sistem yang ada sekarang dan juga forum-forum ataupun jawatankuasa-jawatankuasa yang ada sekarang seperti misalnya di peringkat Persekutuan di mana Jemaah Menteri bersidang setiap hari Rabu atau Majlis Tindakan Negara bersidang pada masa-masa yang tertentu untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan tiap-tiap agensi ataupun Jabatan Penyelarasan seperti ICU dan sebagainya dan di peringkat Negeri juga ada Jawatankuasa Tindakan Negeri untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan agensi yang terlibat supaya usaha penyelarasan ini dapat dijalankan dengan lebih licin lagi apabila adanya satu-satu agensi itu mendekati pembangunan secara integrated ataupun secara bersepadu, bahkan di peringkat Daerah pula di mana Jawatankuasa Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-pegawai Daerah dapat menyelaraskan usaha pelbagai jabatan bersama-sama dengan wakil-wakil rakyat untuk memikirkan masalah penyelarasan di peringkat daerah ini sendiri.

Bahkan di peringkat mukin sekalipun Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung yang melibatkan diri dari segi penyelarasan itu dan walaupun agaknya kita akui bahawa satu sistem yang lebih khusus cuba diusahakan oleh Kerajaan seperti

misalnya Lembaga Kemajuan Wilayah di mana Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membolehkan pendekatan secara bersepadu ini ataupun integrated dari segi pembangunan-pembangunan wilayah, namun demikian LKW ini lebih menekankan kepada pembangunan regional yang mungkin memerlukan juga input-input daripada agensi yang berkenaan. Tetapi di peringkat praktikalnya ataupun amalinya, Jawatankuasa-jawatankuasa yang saya sebutkan tadi iaitu Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung, Jawatankuasa Tindakan Negeri dengan input-input politiknya iaitu terdiri daripada ahli-ahli wakil rakyat yang juga dapat membantu masalah penyelarasan dan dapat mempercepatkan usaha-usaha pembangunan sama ada dia merupakan sectoral ataupun integrated approach.

Tuan Yang di-Pertua, masalah enterprise di peringkat syarikat ataupun pandangan Ahli Yang Berhormat ini iaitu bagaimana hendak menentukan petani sebagai manusia biasa dapat mempunyai inisiatif sehingga FELCRA tidak mestinya membangunkan semua rancangan-rancangan tanah terbiar ini, bahkan pandangan Ahli Yang Berhormat, apakah tidak mungkin petani-petani itu membangunkannya sendiri. Kita sedar bahawa usaha utama Kerajaan dan Kementerian ialah memberikan bimbingan kepada petani-petani iaitu dengan membawa agensi-agensi FELCRA, RISDA dan juga FELDA untuk menyatukan petani-petani dalam rancangan-rancangan tertentu terutama sekali untuk mengumpulkan mereka atas asas-asas yang lebih kukuh.

Asas yang terpenting sekali ialah kita perhatikan bahawa menerusi "economy of scale", dengan izin, ataupun menyatukan keluasan tanah

yang lebih besar, maka akan lebih mudah dan lebih murah untuk menyalurkan teknologi-teknologi baru, modal dan pengurusan dan sebagainya. Kita juga menekankan dari segi pembangunan manusia dalam usaha pembangunan tanah ini dan kita sedar juga saranan Ahli Yang Berhormat kepada petani-petani itu sendiri perlu membangunkan tanah-tanah mereka atau rancangan-rancangan tanah terbiar ini, maka kita mesti membangunkan manusianya dahulu dan selari dengan Dasar Pertanian Negara itu sendiri yang mempunyai empat startegi iaitu:

- (1) Membuka tanah baru seperti yang dibuat oleh FELDA.
- (2) In situ development yang diusahakan oleh FELCRA dan juga RISDA.
- (3) Khidmat-khidmat sokongan di mana dari segi penyelidikan sama ada basic ataupun in-research, dengan izin.
- (4) Pembangunan sosial dan institusi.

Kementerian mengambil berat terhadap strategi keempat ini iaitu "pembangunan manusia" itu sendiri di mana dengan adanya pembangunan manusia, kita harap akan dapat menyakinkan bahawa petani-petani juga dapat menentukan nasib mereka sendiri dan kita telah melihat beberapa program di beberapa negeri di mana agensi-agensi Kerajaan setelah membimbing masyarakat dan kemudian "withdraw" ataupun mengundur untuk memberikan penentuan nasib mereka ke tangan mereka sendiri bahkan inilah semangat satu bangsa yang merdeka yang mesti dapat mampu menentukan nasibnya sendiri atau "self determination".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil perhatian terhadap pandangan Ahli Yang Berhormat itu mengenai sistem pasaran tanah. Kita

akan mengkaji dengan lebih mendalam saranan Ahli Yang Berhormat mengenai Bursa Stok Tanah walaupun kita sedar bahawa sistem yang ada sekarang masih "viable" masih boleh sesuai selari dengan ekonomi bebas ataupun sistem bebas ini, bahkan kita sudah ada pula "real estate agents" selalu diiklankan, bahkan baru-baru ini Kerajaan telah menekankan keperluan pendaftaran terhadap real estate agents ini supaya dari segi maklumat mengenai "availability", dengan izin, ataupun adanya tanah yang boleh disewa ataupun boleh digunakan akan ada satu pooling ataupun satu pemusatan supaya mereka yang mahukan penggunaan tanah ini dapat berurus menerusi sistem yang tertentu sama ada sistem yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Bursa Stock Tanah ataupun sistem yang ada sekarang di mana rakyat biasa dapat dealings ataupun dapat membeli ataupun menyewa tanah di bawah peruntukan undang-undang yang ada pada hari ini.

Walau bagaimanapun kita harap cadangan seperti Bursa Stok Tanah yang tidak pula akan menimbulkan middlemen ataupun orang tengah yang khusus untuk mengendalikan jual beli tanah ataupun sewa menyewa tanah sehingga menimbulkan satu bentuk orang tengah yang baru pula.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga mengambil berat terhadap pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad mengenai masalah orang tengah, dan bagaimana FELCRA telah berjaya untuk mengikis atau menghakis pengaruh-pengaruh orang tengah, bahkan Kerajaan merasa bangga bahawa dengan tertubuhnya agensi-agensi FELDA, FELCRA dan RISDA, kita telah berjaya untuk mengikis sistem orang tengah di mana banyak tanah-tanah yang tradisional dengan pegangan-pegangan tradisional di

beberapa negeri bahawa sistem padi kunca ataupun tanah bon di tempat-tempat tertentu yang telah mengongkong dan membelenggu pekebun-pekebun kecil sehingga mereka telah tertindas dan sentiasa di bawah tahap kemiskinan kerana peranan orang-orang tengah ini.

Kementerian bukan sahaja melihat FELCRA sebagai satu agensi penyelamat dari segi orang tengah ini, tetapi Kementerian juga di luar bidang ataupun bahas kita pada hari ini sedang meninjau dari segi penyusunan semula Kanun Tanah Negara dan juga undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran tanah supaya dapat mengurangkan masalah orang tengah ini. Dan baru-baru ini Kerajaan juga telah meminda beberapa Akta termasuk Akta Kanun Tanah Negara sendiri dan juga National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act, di mana ada beberapa proviso atau peruntukan dalam undang-undang ini yang telah membolehkan orang-orang tengah ini berkukuh sehingga tidak dapat melepaskan tuan-tuan tanah daripada cengkaman orang tengah ini. Tetapi yang pentingnya agensi FELCRA datang dengan usaha untuk memberi pengertian ekonomik taraf tanah ini dengan lebih tegas lagi iaitu khususnya mereka yang mempunyai tanah-tanah yang tidak ekonomik dan kadang-kadang bukan sahaja tanah yang tidak ekonomik, tetapi tanah-tanah itu terbiar kerana, dengan izin, absentee land-lordism yang berlaku berleluasa kini kerana mungkin peningkatan masyarakat telah menyebabkan penghijrahan orang-orang muda keluar daripada kampung dan meninggalkan tanah-tanah terbiar ini. Dan FELCRA ialah bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah bukan sahaja orang tengah, tetapi juga masalah absentee landlordism, masalah pegangan tanah yang tidak ekonomik, masalah fragmentation ataupun pecah-bahagi tanah yang

telah menyebabkan begitu banyak tanah-tanah terbiar sehingga meningkat 600,000 atau 900,000 hektar lebih kurang yang telah dikenalpasti seluruh negara untuk dibangunkan oleh FELCRA.

Yang Berhormat Tuan Haji Hussein juga telah menyarankan bahawa pindaan-pindaan ini akan dapat diselaraskan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk penswastaaan.

Dari segi masalah penswastaaan ini kita sedar bahawa perwujudan perbadanan-perbadanan ialah walaupun tidak merupakan penswastaaan secara mutlak, tetapi dia merupakan tahap-tahap utama ataupun langkah-langkah pertama taraf penswastaaan kerana dengan adanya peruntukan-peruntukan seperti membolehkan FELCRA mewujudkan perbadanan, maka usaha-usaha downstream ataupun usaha-usaha hiliran dapat diusahakan untuk perbadanan-perbadanan ini dengan tidak terikat kepada undang-undang yang ada dalam birokrasi ataupun pentadbiran Kerajaan.

Misalnya, mengambil pegawai-pegawai teknikal ataupun secara pemerosesan, penjualan dan sebagainya kerana antara tanaman yang diusahakan oleh pembangunan dalam FELCRA ialah kelapa sawit. Kelapa sawit seperti kita tahu memerlukan pemerosesan yang sertamerta dan kalau buah-buah sawit atau B.T.B. (Buah Tandan Baru) telah dipetek tidak diproses dengan sertamerta akan menjadi busuk dan akan sia-sia. Maka itulah sebabnya dengan adanya perwujudan perbadanan ini, kita akan dapat mewujudkan perbadanan kilang seperti yang dibuat oleh FELDA di mana usaha-usaha secara commercial dapat dilaksanakan dan apabila usaha-usaha ini lebih maju dan tiba masanya untuk kita menyerahkan kepada, peserta-peserta seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa penswastaaan

akan lebih mudah dibuat menerusi penyerahan perbadanan-perbadanan ini kemudiannya kepada peserta-peserta.

Begitu juga dengan masalah tanah-tanah yang sempit, yang perlu dicantumkan telah saya sebut tadi, masalah menyediakan anak-anak peneroka yang boleh mengambilalih perbadanan sebagai petugas-petugas FELCRA sedang meninjau perkara ini dengan serius kerana kajian kita adalah FELDA bahawa masalah generasi kedua merupakan masalah besar dalam rancangan-rancangan tanah, kerana pada hari ini sistem rancangan pembangunan tanah kita hanya mengambilkira peserta-peserta yang ada sekarang ataupun first generation dengan tidak mengambilkira dengan secara sistematik, dengan cara mendalam dalam generasi kedua atau ketiga dan seterusnya.

Kita sedang mengkaji menerusi pembangunan sosial dan institusi dan juga bahagian-bahagian lain Kementerian dan juga agensi-agensinya, bagaimana kita dapat dalam merangkakan rancangan-rancangan FELCRA ataupun rancangan FELDA supaya pembangunan akan datang bagi generasi kedua ini dapat diambilkira dengan menyediakan peruntukan-peruntukan tanah. Misalnya, kalau Rancangan FELCRA ataupun rancangan FELDA itu merupakan 5,000 ekar, sekurang-kurangnya 500 ekar ataupun peratusan yang akan ditentukan di peruntukkan untuk kemajuan akan datang.

Pada masa kini Rancangan FELDA 10 ekar satu keluarga dan satu lot tanah rumah 1/4 ekar disediakan. Itu sahaja. Tetapi pada masa akan datang kita akan meninjau sama ada selain daripada 10 ekar rancangan pertanian dan 1/4 ekar untuk perumahan itu apakah tidak kita mesti menyediakan, memperuntukan atau reserve sekian

peratus tanah untuk dijadikan asas pembangunan akan datang bagi generasi kedua.

Misalnya untuk perumahan dan juga untuk economic support seperti kawasan-kawasan perindustrian kampung dan industri-industri kecil dalam rancangan-rancangan tersebut atau sekurang-kurangnya dalam gugusan sesuatu rancangan itu, seperti dalam Rancangan FELDA kebanyakannya merupakan bukan sahaja di peringkat rancangan, tetapi juga di peringkat gugusan di mana 3-4 rancangan dikelompokkan sekali dan ada pegawai-pegawai ataupun pengurus-pengurus wilayahnya untuk menentukan gugusan-gugusan yang mungkin meliputi 5, 6 rancangan dalam 15,000-20,000 ekar itu dapat kemudahan-kemudahan perkilangan dan pemerosesan dan juga dalam FELCRA kita akan meninjau masalah generasi kedua ini bukan sahaja dari segi perumahan, tempat tinggal apabila mereka sudah berkahwin dan mempunyai anak isteri, tetapi juga memikirkan masalah peluang-peklang mencari rezeki iaitu economic support mesti ada tanah dari segi pembukaan industri dan sebagainya.

Sekarang pun kita sudah mengalami seperti rancangan-rancangan yang sudah lama seperti di Menggong yang sudah 25 tahun, 26 tahun rancangan-rancangan yang awal di mana anak-anak peneroka sudah mula menuntut untuk berumah sendiri, tetapi tanah-tanah tidak ada, maka sama ada FELCRA atau FELDA terpaksa acquire atau mengambil tanah-tanah baru. Kalau di Melaka misalnya Menggong, oleh kerana rancangan ataupun tanah-tanah sekeliling sudah pun dimiliki, maka agak sukar untuk diacquire ataupun diambilalih dan di sinilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya minta maaf, Yang Berhormat boleh menyambung

ucapan selepas Dewan ini ditempok dan disambung semula.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan yang mulia ini selama 30 minit dari sekarang.

Persidangan ditempokkan pada pukul 7.00 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.34 malam.

(Tuan Yang di-Pertua mempergunakan Mesyuarat)

Perbahasan disambung semula.

7.34 mlm.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu meminta maaf, agak memakan masa panjang sedikit. Dalam masa 45 minit saya akan cuba ringkaskan, tetapi saya menunggu 4 hari untuk membawa Bil ini, baru dapat bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung balik kepada masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad mengenai penyertaan generasi-generasi seterusnya dan juga anak-anak peneroka bukan sahaja dari segi penglibatan mereka dalam mewarisi ladang-ladang tersebut, tetapi juga kita harap dapat menempatkan anak-anak peneroka ini dalam beberapa aspek pengurusan rancangan-rancangan tanah ini, bahkan di dalam FELCRA juga kita telah dapat mengambil anak-anak peneroka sebagai pengurus juga dalam FELDA ada anak-anak peneroka yang sudah jadi bukan sahaja Pengurus Rancangan, tetapi Pengurus Wilayah dan juga telah balik dengan ijazah kedoktoran di dalam menganggotai kegiatan-kegiatan penyelidikan seperti di Sungai Tekam

dan sebagainya. Jadi, memang menjadi hasrat Kementerian dan juga agensi-agensi untuk melatih anak-anak peneroka supaya bukan sahaja dapat mengambil bahagian dalam pentadbiran dan pengurusan, tetapi mereka yang kurang bernasib baik dapat pula mengambil rancangan-rancangan tanah dari orang tua mereka. Yang Berhormat Tuan Harun bin Hassan menyentuh masalah Rancangan-rancangan Tanah Belia.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan-rancangan Tanah Belia tidak lagi diusahakan oleh Kerajaan setelah diarahkan oleh Majlis Tindakan Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau tidak silap saya, dalam tahun 1982 yang tidak lagi menggalakkan rancangan-rancangan khusus untuk belia. Maka itulah sebabnya FELCRA sendiri bukan sahaja tidak ada membuka rancangan untuk tanah belia tetapi ada membuka rancangan-rancangan tanah baru kerana rancangan tanah baru ini dikhususkan oleh FELDA sendiri. Maka itulah sebabnya FELCRA menumpukan kepada pemulihan tanah dan juga penyatuan tanah, maka FELCRA banyak terlibat dengan tanah-tanah yang sudah bermilik.

Cadangan Yang Berhormat juga untuk mempelbagaikan tanaman. Ini memang menjadi asas kita untuk menyesuaikan keadaan dan juga mempelbagaikan dari segi kesesuaian tanah, cuaca dan sebagainya. Misalnya di utara memang kita tidak dapat mengusahakan dengan sawit kerana musim kemarau yang panjang maka tanaman-tanaman yang lain kita rancangkan.

Dari segi Pusat Latihan Belia, perkara ini memang dapat perhatian Kementerian walaupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meninjau masalah Rancangan-rancangan Belia khusus dengan cara lebih meluas, dengan Belia Tani, Belia

Peladang dan juga Belia Niagadan sebagainya. Agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELCRA, FELDA dan juga RISDA meninjau kemungkinan menggerakkan belia dalam satu program Brigade Belia Peladang di mana kita harap dengan adanya Brigade Belia Petadang ini dapat memenuhi bukan sahaja dari segi kehendak-kehendak pekerjaan oleh belia-belia sendiri, tetapi juga kekurangan tenaga buruh, tenaga kerja dalam sektor pertanian dan satu kertas dan juga penyelidikan yang mendalam telah pun dibuat oleh Kementerian dan Kementerian berharap dapat mengemukakan ke Jemaah Menteri untuk menjadikan sebagai satu asas menggerakkan belia dan dalam program inilah kita harap dapat kita latih belia ini secara yang disarankan oleh Yang Berhormat dengan cara kawat dan sebagainya supaya mereka dapat lebih berdisiplin dan lebih produktif.

Pandangan Yang Berhormat Puan Nen Abidah binti Abdullah, pertama sekali dari segi kegiatan-kegiatan yang berbentuk komersial dalam menubuhkan perbadanan-perbadanan ini. Kita sedar bahawa seperti saya katakan tadi oleh kerana lebih banyak usaha-usaha FELCRA dalam tanaman sawit, maka pemerosesan terpaksa dibuat secepat mungkin supaya Buah Tanam Baru (BTB) tidak rosak, maka itulah sebabnya tindakan atau rentak komersial Yang Berhormat kata tadi perlu kita gerakkan supaya aktiviti-aktiviti "downstream" ataupun hiliran dapat dipesatkan lagi seperti yang telah dibuat oleh FELDA bukan sahaja kita memproses CPO (crude palm oil), dengan izin, tetapi juga refinery ataupun tapisan yang menapis minyak sawit juga mengusahakan pengeluaran margerin dan olein dan juga bahan-bahan sampingan daripada minyak sawit itu dan hanya dengan cara komersial dapat kita menggerakkan usaha-usaha ini.

Pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab mengenai Redang Punggur, perkara ini sudah lama dalam perhatian Kementerian, bahkan saya sendiri telah pergi meninjau dengan lebih dekat dan yang penting di sini ialah sikap berdikari yang hendak kita bina di kalangan petani-petani kerana mengambil kira masalah kos pembangunan dan juga beban hutang yang hendak kita kurangkan yang perlu ditanggung oleh peneroka-peneroka sendiri. Kita boleh, seperti saranan Yang Berhormat untuk meningkatkan pendapatan petani-petani daripada \$15, lebih daripada itu pun boleh. Tetapi ini akan meningkatkan beban hutang peserta kerana semua ini akan dimasukkan kira sebagai kos dan tentu sekali kita tidak mahu petani-petani kita menanggung hutang yang begitu lama, bahkan kita hendak bebaskan mereka dengan secepat mungkin daripada hutang supaya mereka dapat mempelbagaikan kegiatan-kegiatan mereka seperti yang saya sebutkan lebih awal mengenai in-tegrated approach tadi iaitu usaha-usaha sampingan sama ada di atas ladang ataupun di luar ladang, dengan izin, on farm or off farm activities, yang kita harap dapat kita gerakkan dan ini matlamat yang lebih besar iaitu pembangunan manusia itu.

Masalah pendidikan supaya tidak bergantung sahaja kepada badan-badan seperti Guthrie untuk mendapatkan biji benih, ini sedang juga diperhatikan dan bukan sahaja kita bekerjasama dengan PORIM dan sebagainya tetapi juga kita bekerjasama dengan badan-badan swasta sekalipun supaya dapat menentukan peratusan tanaman yang baik dari segi benihnya kerana kita sedar bahawa teknologi dari segi "plant reading", dengan izin, telah begitu meningkat bahkan di Sungai Tekam sendiri di mana FELDA telah mulakan dengan "tissue culture" yang kita harap dapat kita kemukakan

setelah menjalani beberapa ujian. Dan dengan adanya teknologi atau teknik baru ini maka penyediaan benih-benih tanaman akan lebih mudah.

Dari segi pengambilan peserta-peserta dari luar, Yang Berhormat telah menimbulkan masalah pengambilan peserta dari luar rancangan Redang Punggur apabila hendak membuka tanah-tanah ataupun sambungan tanah baru tni. Ini akan saya ambil perhatian tetapi saya yakin bahawa pembukaan tanah-tanah seterusnya tidaklah datang daripada kumpulan wang, Daripada hasil keuntungan. Sebenarnya ialah apa juga tanah-tanah baru yang kita usahakan ialah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan sama ada menerusi secara grant, secara langsung ataupun pinjaman-pinjaman sama ada daripada Bank-bank Pembangunan yang lain seperti ada juga kita menerima peruntukan-peruntukan kewangan daripada Tabung Saudi Arabia atau Tabung Kuwait dan sebagainya dalam pembangunan-pembangunan tanah maka adalah tidak benar bahawa kita menggunakan keuntungan pendapatan projek Ladang Redang Punggur ini untuk membangunkan tanah seterusnya maka atas alasan itu maka kita mengambil peneroka-peneroka yang sedia ada.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom telah menekankan masalah penerangan kepada orang ramai mengenai usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan khususnya FELCRA. Ini memang kita mengambil berat bahkan tiap-tiap agensi mempuhayai Pegawai Pembangunan Masyarakatnya seperti misalnya FELCRA mempunyai pegawai 3P, 4P, 5P dan FELDA mempunyai SDO ataupun Pegawai Pembangunan Peneroka ataupun Pembantu Pegawai Pembangunan Peneroka Agama Wanita dan sebagainya. Lebih kurang 500 orang di

FELDA yang ditugaskan untuk pembangunan penerdka dan lebih kurang dalam 70 orang di FELCRA sama ada mereka mempunyai kelayakan ijazah, diploma ataupun SPM, terpulung kepada kumpulan-kumpulan yang ada untuk menggerakkan bukan sahaja penerangan-penerangan tetapi juga usaha-usaha pengembangan, estension work, dengan izin, supaya dapat dirapatkan perhubungan pegawai-pegawai pentadbiran dan peserta bahkan menerusi JKKP (Jawatankuasa Kemajuan Projek) kita harap dapat kita rapatkan hubungan dan menimbulkan yang ditekankan oleh Yang Berhormat iaitu semangat kekitaan itu dan bukan semangat ketuanan. Bahkan inilah yang menjadi amalan kita pada hari ini iaitu hubungan pegawai-pegawai dengan peneroka amat rapat menerusi jentera-jentera tertentu seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Projek bagi FELCRA, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan atau JKKR menerusi FELDA dan sebagainya.

Mengenai tenaga buruh dalam rancangan, ini tidak timbul oleh kerana rancangan-rancangan FELCRA ini bergantung kepada tanah milik sama ada tanah milik itu dicantumkan ataupun dengan bersendirinya dipikirkan (dibaikpulih) maka dia mesti berasaskan kepada tanah yang sudah mempunyai. Maka peserta-peserta memang sedia ada dan dia merupakan settlers project, dengan izin, dalam masalah buruh luar ini tidak timbul kecuali ada rancangan-rancangan yang agaknya di mana peserta sudah lama atau sudah tua dan rancangan sudah 20 tahun maka oleh kerana rancangan 6 atau 8 ekar bagi sawit yang mampu mengupah orang-orang lain sudah ada tetapi kita belum dengan secara rasmi membenarkan peserta-peserta mengambil pekerja-pekerja upahan untuk membantu mereka kecuali atas alasan-alasan

tertentu kalau dia sakit dan sebagainya atau sudah tua, tidak ada anak yang membantu maka kita benarkan tenaga buruh dari luar untuk membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, dari segi masalah peningkatan pelajaran ataupun pengetahuan seperti Yang Berhormat menyatakan walaupun agaknya di luar daripada rangkuman Kementerian seperti masalah tanaman sayur di Kampung Indah dan sebagainya tetapi kita menerusi usaha-usaha pengembangan tadi cuba menerapkan teknologi-teknologi baru dari segi usaha-usaha pertanian ataupun agronomic practice, dengan izin, supaya kita dapat menentukan dari segi produktiviti ataupun daya pengeluaran dan juga mutu pengeluaran kerana tidak kurang juga masalah perselisihan faham antara pengurusan dengan peneroka mengenai penggredan buah misal atau buah tandan baru. Kadang-kadang oleh kerana peneroka tidak cukup duit tengah-tengah bulan, buah hijau pun ditebang untuk dijual dan harap mendapat gred A manakala buah itu gred C, timbul bebcrapa masalah di rancangan-rancangan dan ini cuba kita usahakan dengan keterangan-keterangan dan juga memberikan latihan-latihan mengenai apa ertinya mutu pengeluaran, apa ertinya mutu hasil supaya dapat menjamin pendapatan yang lebih bukan sahaja dari segi misalnya sawit dari segi buah ataupun dari segi getah misalnya untuk mendapatkan tanaman-tanaman ataupun getah-getah mutu baik, kalau misalnya mengadakan getah RSS, kita harap dapat gred 1 dan bukan gred 3 atau gred 5 yang tidak ada premium.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan Yang Berhormat Senator Haji Jaafar Harun, mengenai masalah perbadanan khidmat pertanian untuk kajian kesesuaian tanah, dari segi

penganalisaan daun dan sebagainya, setakat ini kita buat dengan cara mendapatkan khidmat daripada Jabatan-jabatan lain dalam Kerajaan ataupun pihak swasta ataupun kadang-kadang dari agensi-agensi yang ada dalam Kementerian seperti badan penyelidikan kita sendiri di Sungai Tekam, FELDA di mana kemudahan-kemudahan ini ada disediakan dan kita menggunakan kemudahan-kemudahan ini.

Akhir sekali, dari segi penyusunan semula kampung yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ini memanglah usaha yang besar dari segi FELCRA. Sebenarnya sebahagian daripada pembangunan yang dilakukan oleh FELCRA—bukan sahaja pembangunan ladang tetapi juga pembangunan kampung-kampung peserta supaya menyediakan ciri-ciri urbanisasi, ciri-ciri hidup secara modern dengan kemudahan-kemudahan asas ataupun perkhidmatan-perkhidmatan asas dalam kampung itu supaya dapat juga mewujudkan entrepreneurship ataupun daya usahawan peserta-peserta dalam kampung-kampung baru itu. Ini sedang dibuat, bahkan kita juga telah mengenal pasti apakah services ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu disediakan dalam satu perkhidmatan yang basic ataupun yang lebih tersusun supaya tidak ada pengaliran keluar wang pendapatan mereka daripada rancangan-rancangan itu; dan dalam banyak hal di mana penyusunan semula kampung ini juga menekankan kepada kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Walaupun saya penat menunggu selama empat hari, tetapi saya berasa puas hati dengan pandangan-pandangan dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan

sahaja dari segi teguran tetapi juga dari segi pujian dan tahniah yang kami terima.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEDAH DAN PULAU PINANG (PENGUBAHAN SEMPADAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.54 mlm.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta pindaan kepada Sempadan antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah, 1985 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sempadan antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah boleh dikesan menerusi Treaty yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Raja Inggeris dengan Kerajaan Raja Siam bertarikh 6hb Mei, 1869. Kedua-dua sempadan ini di antara kedua-dua negeri berkenaan mengikut tafsiran Treaty ini adalah terletak di sepanjang tebing utara, tebing kanan Sungai Muda. Penantuan sempadan ini adalah satu perkara yang

luar biasa atau dengan izin, exceptional case, oleh kerana sempadan antara kedua-dua negeri ini tidak mengikut garisan tengah sungai seperti yang lazimnya dibuat.

Dalam tahun 1973, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan jasa baik Kerajaan Persekutuan memperolehi satu pinjaman dari Bank Pembangunan Asia bagi melaksanakan Projek "Penang Water Supply". Projek ini telah dilaksanakan dengan cara membina Ampangan Jajar Muda yang terletak 6 batu dari Kuala sungai tersebut. Ampangan ini telah dibina di bahagian lencongan Sungai Muda dengan tujuan untuk menjaga gangguan pasang surut air masin untuk menaikkan paras sungai dan mewujudkan punca air bersih yang mencukupi bagi projek ini. Pembinaan Ampangan Jajar Muda telah menyebabkan sebahagian Sungai Muda di sekeliling Ampangan Jajar Muda menjadi kering, dengan yang demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkehendakkan supaya sempadan yang diubah mengikut di tengah-tengah sungai asal yang telah kerihg itu.

Kerajaan Negeri Kedah pula berkehendakkan garis sempadannya mengikut di tengah-tengah aliran sungai baru yang telah dilencongan berikutan dengan pembinaan Ampangan Jajar Muda.

Semenjak tahun 1973, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan telah mengadakan beberapa rundingan dengan teliti dan berlanjutan yang bertujuan untuk menentukan sempadan baru antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah. Sungguhpun kedua-dua pihak telah mengadakan rundingan beberapa kali, tetapi telah, tidak dapat mencapai persetujuan yang khusus mengenai garis sempadan baru sama ada ianya terletak di tengah-tengah sungai asal atau sungai yang dilencongan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pertikaian bagi menentukan sempadan antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah, Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengambil inisiatif menganjurkan satu perjumpaan di antara pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah, di Sungai Muda pada 11hb Oktober, 1982 yang turut juga dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan Yang Berhormat Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang. Dalam perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju dengan formula supaya diadakan perubahan sempadan yang bertujuan untuk menjamin kepentingan negeri Pulau Pinang khususnya mengenai pengurusan bekalan air Pulau Pinang.

Di antara perkara-perkara yang telah dipersetujui ialah seperti berikut:

- (i) Sempadan di Sungai Muda dipinda dari tebing sebelah kanan seperti yang ada sekarang ke tengah-tengah sungai di sepanjang sebahagian sungai yang menjadi sempadan Negeri Kedah dan Pulau Pinang termasuk bahagian sungai yang dilencongan untuk pembinaan Ampangan Jajar Muda;
- (ii) Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang akan memberi milik kepada pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (Penang Water Authority), bagi kawasan lebih kurang 10.88 hektar ataupun 27.2 ekar yang terlibat, yang kemudiannya akan dijadikan kawasan Negeri Kedah. Kawasan ini berada di antara aliran sungai yang baru dengan yang lama akibat lencongan dibuat bagi pembinaan ampangan tersebut; dan
- (iii) setelah kawasan yang terlibat dijadikan kawasan Negeri

Kedah, maka Pihak Berkuasa Negeri Kedah akan mengeluarkan surat milik tanah atas kawasan yang sama kepada Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang mengikut syarat-syarat yang sama.

Berikutan dengan persetujuan yang telah dicapai, satu Memorandum Persefahaman atau, dengan izin, Memorandum of Understanding telah ditandatangani pada 25hb Oktober, 1982 oleh kedua-dua pihak di satu majlis upacara menandatangani di Pulau Pinang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah telah menandatangani bagi pihak Negeri Kedah dan Yang Amat Berhormat Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh dengan undang-undang mengubah sempadan mana-mana negeri. Undang-undang yang diwujudkan yang bertujuan untuk mengubah sempadan negeri hanya boleh diluluskan setelah mendapat persetujuan negeri-negeri berkenaan menerusi undang-undang yang diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri dan Majlis Raja-raja.

Dalam hubungan ini tidakan untuk meminda Sempadan di antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah ini telah diteruskan di mana Majlis Raja-raja telah memperkenankannya menerusi Mesyuaratnya yang ke 132 hari yang ke dua pada 14-11-84. Berikutan dengan kedua-dua Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan yang berasingan untuk mewujudkan enakmen negeri berhubung dengan pindaan sempadan ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat satu enakmen yang bernama Enakmen Pengubahan Sempadan Negeri Pulau Pinang 1985, sebagaimana yang telah diwartakan di

dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertarikh 4-7-1985 sebagai Enakmen Bil. 1/1985. Di samping itu Kerajaan Negeri Kedah telah mengambil tindakan yang sama untuk mewujudkan Enakmen Pengubahan Sempadan Kedah dan Pulau Pinang 1985 yang telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Kedah bertarikh 4-7-1985 sebagai Enakmen Bil. 3/1985.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

8.13 mlm.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta yang dinamakan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sempadan dari sempadan di antara negeri Pulau Pinang dan Kedah.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan yang telah dapat berusaha mewujudkan satu Akta dan menyelesaikan pertikaian yang berlarutan di antara negeri Pulau Pinang dan negeri Kedah.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Kedah yang telah berusaha beberapa kali mengadakan perundingan mendapatkan sefahaman dan telah bersetuju di antara kedua-dua negeri

itu masing-masingnya mengubah sebahagian daripada Perlembagaan masing-masing untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pinang asalnya adalah kepunyaan Kedah dan pengambilan Pulau Pinang oleh Kaptain Light daripada Sultan Abdullah pada tahun 1786 iaitu hampir 200 tahun sekarang dan perjanjian yang sedia ada, yang bertarikh pada 6-5-1869 adalah hasil ciptaan daripada penjajahan British pada ketika itu di Pulau Pinang dan Kerajaan Siam pada masa itu Kedah sebagai naungan Kerajaan Siam.

Kedudukan sempadan sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, kedudukan sempadan Pulau Pinang dengan Kedah ini adalah unik, kerana kebiasaannya kedudukan sempadan yang bersempadankan pada sungai-sungai ini biasanya sempadan itu di ambilkira di tengah-tengah atau di bahagian-bahagian tengah sungai. tetapi begitu pintarnya pihak Kerajaan British pada ketika itu telah menetapkan bahawa sempadan di antara Pulau Pinang atau sebahagian pada tanah Seberang Perai dengan Kedah itu dibuat begitu rupa yang meliputi kawasan yang bersempadankan Seberang Perai ataupun sebelah utara Seberang Perai.

Dengan ini bererti bahawa sepenuh sungai yang ada di kawasan itu telah masuk ke kawasan Pulau Pinang. Untuk menguasai semua sungai yang mengalir di bahagian tanah Seberang Perai, di bahagian utara Seberang Perai dan di bahagian selatan Negeri Kedah itu dapat dikuasai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Padahal hulu sungai itu sendiri iaitu sungai Muda yang menjadi sempadan antara dua-dua negeri ini datangnya daripada anak-anak sungai dalam negeri Kedah sendiri dan kualanya mengalir terus masuk ke

bahagian utara negeri Seberang Perai dan terus ke Kuala Muda juga dalam negeri Seberang Perai. Air Sungai Muda ini banyak memberi faedah bukan sahaja kepada negeri Kedah sendiri yang mengadakan Rancangan Perairan MUDAny, juga negeri Pulau Pinang sendiri menggunakan sebahagian air ini untuk pengaliran ke sawah-sawah padi dan sebahagian besarnya juga digunakan untuk air bersih, dijadikan air minuman untuk kegunaan penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang. Begitulah pentingnya air di Sungai Muda yang menjadi sempadan yang menjadi pertikaian di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Selain daripada sempadan yang tidak munasabah dan sempadan yang tidak betul wujud atau yang sedia wujud, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1975 kalau tidak salah saya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi pihak berkuasa air di negeri Pulau Pinang telah mengadakan satu lencongan di bahagian Kuala Sungai Muda itu untuk menahan hakisan, untuk menahan sebahagian daripada air masin masuk ke kawasan Kuala Sungai Muda dan sebahagian juga air itu akan dijadikan air bersih untuk kegunaan umum.

Berkaitan dengan lencongan inilah maka timbul pertikaian yang sedia ada, makin memuncak dan akibat daripada lencongan itu pula sebahagian daripada sungai yang sedia ada telah pun kering. Dan akan menambah beberapa perkara yang tidak begitu sihat di antara Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Pertikaian di antara kedua-dua pihak ini semakin memuncak setelah wujudnya ampangan yang dimaksudkan tadi dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkehendakkan supaya sempadan di antara Kedah dan Pulau Pinang ini diambilkira daripada bahagian ampangan yang baru dibina dan Kerajaan Negeri Kedah pula

berkehendakkan supaya sempadan ini diambilkira bahagian tengah-tengah sungai asal. Dan akibat itu tanah seluas 27.2 ekar yang sepatutnya kepunyaan negeri Kedah telah pun termasuk dalam kawasan negeri Pulau Pinang. Jadi usaha-usaha telah pun berjalan di antara kedua-dua pihak di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Kedah dan untuk kepentingan kedua-dua negeri itu dan juga untuk kepentingan rakyat seluruhnya, maka usaha-usaha itu telah pun berjaya dan yang akhir sekali dengan usaha dan campurtangan daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Mesyuarat Jemaah Menteri, Majlis Raja-raja dan Persidangan Dewan-dewan Undangan kedua-dua negeri, maka wujudlah satu Akta yang dibentangkan pada hari ini iaitu yang dinamakan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan lulusnya Akta ini, maka selesailah pertikaian sempadan yang berlarutan di antara Pulau Pinang dengan Kedah dan adalah diharapkan selepas ini kerjasama yang penuh di antara Kedah dan Pulau Pinang akan terus wujud sepertimana yang sedia ada kerana sebahagian daripada hasil air sungai Muda ini banyak memberi faedah kepada kedua-dua negeri yang berkenaan.

Adalah diharapkan sangat kepada Kerajaan Negeri Kedah, kerana hulu sungai ini terbitnya daripada negeri Kedah dan Pulau Pinang harus menunggu keputusan Kerajaan Negeri Kedah untuk membuat sesuatu sebelum membuat perancangan yang mengakibatkan terpusnya air Sungai Muda itu dan akan mengakibatkan sebahagian daripada kepentingan rakyat negeri Pulau Pinang yang mengharap air Sungai Muda tersebut untuk disalurkan ke sawah-sawah dan sebahagian

daripadanya untuk dijadikan air minum, supaya sebarang perancangan patutlah diperbincangkan dan dipersetujui antara kedua pihak. Dengan demikian akan dapat memberi banyak faedah dan tidak akan membangkitkan perkara-perkara yang akan melibatkan penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Prai kekeringan air pada satu masa akibat daripada tindakan Kerajaan Negeri Kedah.

Hal ini adalah periu kerana sumber air dari Pulau Pinang sendiri semata-mata mengharapkan daripada pengaliran Sungai Muda di bahagian utaranya dan sebuah sungai lagi juga datang daripada negeri Kedah iaitu Sungai Kulim, di bahagian tengahnya. Kedua-dua sungai yang penting inilah yang mengalir masuk ke sebahagian negeri Seberang Prai dan kedua-dua sungai inilah yang membekalkan air untuk sawah, juga air untuk minuman kepada negeri Pulau Pinang.

Juga adalah diharapkan supaya kedua-dua pihak sentiasa mengadakan hubungan baik supaya air sungai ini tidak tercemar dengan pencemaran-pencemaran yang mungkin berlaku akibat daripada pembangunan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri Kedah ataupun di bahagian hulu Sungai Muda ini kerana seperti saya tegaskan tadi selain daripada air ini dialirkan ke sawah serta air minuman, sebahagian daripada hasil sungai ini juga dapat menghasilkan berjenis-jenis ikan yang menjadi mata pencarian penduduk-penduduk yang berdekatan dengan kawasan itu serta sebahagian daripada pasir yang digunakan untuk bahan binaan, bahan bangunan juga terdapat di Sungai Muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perlunya air oleh kedua-dua negeri yang berkenaan, maka saya yakin dan percaya bahawa setelah lulusnya Akta ini, maka pertikaian sempadan yang telah pun

berlaku akan dapat diselesaikan dan saya yakin bahawa kedua-dua negeri ini iaitu Kedah dan Pulau Pinang yang asalnya satu rumpun dan sekarang pun masih ada hubungan yang begitu baik di antara kedua-dua negeri ini dan sekarang pun negeri Kedah ini masih lagi menerima sebahagian daripada imbuhan kerana pajakan negeri Pulau Pinang sepertimana yang termaktub dalam Perjanjian British pada tahun 1786 dahulu. Saya yakin bahawa dengan wujudnya dan dengan lulusnya Akta ini maka masalah sempadan itu akan selesai.

Saya meringkaskan saranan saya pada petang ini dengan lagi sekali mengharapkan supaya kerjasama yang penuh dan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mewujudkan Akta ini. Seterusnya saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang.

8.15 *mlm.*

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dan menyokong suatu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubahsuaikan garis sempadan di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sebahagian sempadan di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang yang dibuat semasa zaman penjajah British dahulu adaiiah luar biasa daripada tatacara perundangan sempadan di antara kedua-dua negeri ini dan malahan di dunia, kerana bahagian yang berkenaan bagi sempadan yang sedia ada di masa itu di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang di sepanjang tebing

kanan ataupun tebing utara Sungai Muda, iaitu semua hasil mahsul seperti pasir, air dan sebagainya menjadi hak negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kesan perjanjian penjajah British itu pada satu ketika hampir akan menimbulkan satu konfrantasi di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang dengan kedudukan kawasan sempadan tersebut, akan tetapi dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin politik UMNO di antara kedua buah negeri iaitu Kedah dan Pulau Pinang, maka suatu jalan penyelesaian secara berjiran dapat mengatasi dan mengelakkan daripada berlakunya konfrantasi di masa itu.

Negeri Kedah dan rakyatnya sentiasa menghormati jiran dan sanggup berkorban apa sahaja, tetapi pengorbanan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kedah ataupun rakyat negeri Kedah jika dikira sudah terlalu banyak sehingga menimbulkan masalah kepada rakyat negeri Kedah sendiri. Derigan ini patutlah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang memberi terima kasih kepada rakyat negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu maka perjanjian yang dibuat oleh penjajah British itu tidak sesuai lagi dan sekarang ini mengikut perjanjian antarabangsa, mana-mana kawasan sempadan hendaklah bermula daripada garisan iaitu jika terdapat kawasan gunung, maka di tengah-tengah gunung itulah menjadi sempadan dan juga sekiranya di tengah sungai, di tengah sungai itulah mengikut alur sungai itu menjadi sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah tidak berhasrat untuk mengambil balik negeri Pulau Pinang janganlah susah dan bimbang. Cuma negeri Kedah menuntut hak kawasan sempadan mengikut perjanjian di antarabangsa.

Kalau dilihat sekarang ini pun terdapat rumah pam air hak negeri Pulau Pinang, masih terletak di dalam kawasan negeri Kedah. Itulah satu-satunya pengorbanan orang Kedah terhadap orang Pulau Pinang. Kalau boleh, kita minta juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tolonglah tengok-tengok sedikit, kalau motokar orang Kedah pergi ke Pulau Pinang itu melalui feri, berilah keistimewaan sama.

Tuan Yang di-Pertua, ke atas kejayaan yang tercapai di antara Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang bagi menyelesaikan masalah persempadanan di antara kedua negeri itu, juga saya ingin menyampaikan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, khasnya Menteri yang berkenaan di masa itu yang telah berusaha dengan daya usahanya yang lebih gigih dapat menyatu-padukan di antara dua buah negeri ini bagi mencari jalan penyelesaian. Peranan-peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, juga Menteri yang berkenaan, bagi pihak negeri Kedah mengangkat topi dan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga, kerana jika tidak, sudah tentu tidak akan berjaya. Ini adalah merupakan satu kejayaan yang boleh diberi penghargaan memandangkan bahawa penyelesaian tersebut di atas semangat nasionalisma dan melahirkan perpaduan yang utuh bukan sahaja di peringkat Kerajaan tetapi juga di peringkat rakyat kedua-dua negeri iaitu Kedah dan Pulau Pinang seluruhnya. Maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada perbincangan lagi, saya jemput Menteri menjawab.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini lebih-lebih lagi dapat menyelesaikan beberapa perkara pokok, dan segala pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh kedua-dua Yang Berhormat akan diambil perhatian. Walaupun yang dipuji ialah Menteri pada ketika itu sahaja, tetapi tidak apa, kita akan meneruskan juga supaya usaha-usaha Menteri yang lalu itu akan diselesaikan oleh Menteri yang ada sekarang. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
BANK (PINDAAN)**

**Bacaan Bagi Kali Yang Kedua
dan Ketiga**

8.24 *mlm.*

Timbaian Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terakhir yang dibuat ke atas Akta Bank 1973 adalah pada bulan Januari 1984, yang bertujuan antara lain memudahkan pindah milik perniagaan bank proses memperbadankan bank-bank sebagai bank tempatan. Kajian telah dibuat ke atas Akta ini dan adalah didapati bahawa pindaan perlu bagi menjamin kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang lebih kukuh.

Pada masa ini tidak ada peruntukan dalam Akta-akta Institusi Kewangan bagi mengawal dan menghadkan jumlah pemegangan saham atau menentukan siapa yang layak atau tidak layak menjadi pemegang saham bank.

Klausa 3 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan seksyen 23A hingga 23G baru, yang bertujuan mengawal perolehan saham yang menghadkan jumlah pemegangan saham bank bagi membolehkan penyertaan ekuiti yang meluas. Peruntukan-peruntukan ini perlu memandangkan terdapatnya beberapa kejadian pengambilalihan saham bank oleh orang awam dan syarikat-syarikat, terutama syarikat-syarikat yang disenaraikan di dalam pasaran saham. Keadaan ini boleh menyebabkan ketidakstabilan dalam sektor bank dan menjejaskan kepercayaan umum terhadap industri

bank. Oleh itu adalah perlu diadakan dasar mengenai pemegangan saham institusi-institusi kewangan bagi mengawal perolehan saham dan menghadkan pemegangan saham dalam institusi kewangan.

Adalah dicadangkan supaya pemegangan saham oleh mana-mana syarikat atau syarikat koperasi dalam institusi kewangan dihadkan kepada 20%. Di samping itu satu had yang lebih rendah, iaitu sebanyak 10%, perlu ditetapkan bagi pemegangan saham oleh individu termasuk syarikat-syarikat yang dimiliki secara keluarga. Mengikut peraturan sekarang, mana-mana pihak dibenarkan membuat perjanjian jual-beli untuk memperolehi saham-saham dalam institusi-institusi kewangan tanpa terlebih dahulu memberitahu atau mendapatkan kelulusan Kerajaan. Bagi mengelakkan saham-saham tersebut diambil oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, syarikat, koperasi dan individu akan dilarang daripada membuat apa-apa perjanjian untuk memperolehi saham 5% atau lebih daripada modal sesebuah bank atau syarikat kewangan tanpa terlebih dahulu memberitahu dan mendapatkan kelulusan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu bank-bank perdagangan, termasuk bank-bank asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia akan juga dibenarkan daripada memegang saham dalam sesebuah bank yang lain, subsidiari bank-bank lain, syarikat kewangan atau bank saudagar yang bukan dalam kumpulan mereka. Tujuan peruntukan seksyen baru ini adalah untuk memastikan supaya tidak terdapat pemegangan bersilang oleh bank-bank perdagangan bagi mengelakkan percanggahan kepentingan dalam industri bank. Walau bagaimanapun, bank-bank perdagangan tidak dilarang untuk melabur dalam syarikat-syarikat sekiranya syarikat-syarikat berkenaan

bukan anak syarikat milik bank-bank lain atau institusi-institusi kewangan lain. Walau bagaimanapun, berasaskan prinsip keadilan dan ekuiti, peruntukan-peruntukan yang baru ini tidak akan dikenakan ke atas pemegang syer dalam institusi kewangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu juga untuk mengadakan peruntukan baru dalam Akta Bank bagi menghalang sebarang penyalahgunaan kuasa dalam proses memberi pinjaman, terutama oleh pegawai-pegawai bank.

Clause 4, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan seksyen baru 27AA bagi melarang seseorang pengarah, pengurus atau pekerja bank berlesen daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau bertentangan dengan mana-mana arahan dasar atau prosedur yang ditetapkan oleh bank berkenaan.

Institusi-institusi kewangan pada masa ini masih lagi terdedah kepada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pemegang saham dan pengarah serta pengurusan. Keadaan ini boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap institusi tersebut dan sistem kewangan keseluruhannya. Dalam keadaan ini adalah perlu untuk mengadakan peruntukan baru dalam Akta Bank bagi membenarkan Bank Negara dengan kelulusan Kerajaan untuk memberi pinjaman atau membeli saham bank sekiranya Bank Negara berpendapat bahawa bank perdagangan tersebut tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya atau akan menggantung pembayaran.

Clause 5 Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan seksyen baru 39A bagi membenarkan Bank Negara memberi pinjaman atau membeli saham-saham bank yang

diperbadankan di Malaysia dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Selepas Bank Negara membantu memulihkan institusi kewangan tersebut, saham yang dibeli itu akan dijual.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

8.34 *mlm.*

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan secara ringkas mengenai Rang Undang-undang meminda Akta Bank 1973. Perbincangan ringkas ini adalah menepati dengan seirasnya kandungan pindaan ini dengan kandungan pindaan untuk Akta Syarikat Kewangan yang telah kita luluskan baru-baru ini. Kandungan yang sama ini menekankan lagi sekali kepada kita betapa pentingnya pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan bahawa sistem kewangan kita pada keseluruhannya adalah terjamin dan menyakinkan masyarakat Malaysia dan juga masyarakat ekonomi dunia.

Kita terpaksa membuat pindaan-pindaan ini oleh kerana seperti yang pihak Timbalan Menteri sebutkan tadi bahawa ada ruang-ruang, bahkan ada tanda-tanda amalan-amalan yang mana pihak-pihak tertentu, sama ada mereka yang menjadi pemilik atau dilantik sebagai pengarah atau mereka yang menjadi pengurus menyalahgunakan kedudukan mereka untuk kepentingan diri ataupun kumpulan-kumpulan tertentu. Tambahan pula, kita dapati bahawa

hingga kini ada bank-bank tertentu dikaitkan dengan personaliti-personaliti yang tertentu. Kalau kita menyebut sesuatu bank maka kita kaitkan dengan personaliti tersebut dan apabila kita rangkumkan sektor bank, maka menonjollah personaliti-personaliti tersebut sebagai mereka yang terpengaruh dalam ekonomi dan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, dengan adanya peraturan-peraturan baru untuk bank dan untuk syarikat kewangan ini, maka kita dapat mengasingkan tentang personaliti dengan bank-bank. Saya percaya daripada semasa ke semasa kita akan dapat memastikan bahawa bank-bank itu akan dimiliki oleh seberapa ramai di antara mereka yang berupaya memegang ekuiti bank-bank di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya peruntukan ini adalah untuk perubahan-perubahan ekuiti bank-bank yang sedia ada ini dan kita juga mengharapkan bahawa melalui proses pentadbiran bahawa ekuiti bank-bank yang ada ini akan dapat dilonggarkan lagi dari segi pemilikannya, maka besar kemungkinan bank-bank di negara kita ini akan dapat diperbanyakkan lagi mereka yang berupaya menjadi pemegang sahamnya. Jadi kita mengharapkan bahawa dengan adanya pengasingan penguasaan bank daripada pemilik kepada yang lebih profesional, iaitu golongan pengurusan, kita mengharapkan bahawa perkhidmatan bank akan lebih meningkat lagi dari segi kualiti dan jenisnya. Kita mengharapkan bahawa dengan adanya peningkatan professionalism, dengan izin, dari segi pengurusan bank dan seterusnya dengan adanya pertandingan yang sihat di antara bank-bank, maka yang mendapat faedah yang lebih sempurna adalah kita yang menggunakan kemudahan institusi bank tersebut. Ini adalah harapan kita semua. Jadi, dengan adanya pindaan seperti begini kita

mengharapkan bahawa bank adalah diletakkan pada landasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong pindaan ini saya ingin merujuk kepada sebahagian daripada pindaan, iaitu seksyen 23E di mana diberi peruntukan kepada pihak Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian kepada mereka yang dikatakan wajar memegang ekuiti lebih daripada 10% jika ianya individu ataupun lebih daripada 20% jika ianya institusi ataupun koperasi.

Yang saya maklum di sini ialah pihak Menteri boleh memberi pengecualian kepada kepentingan-kepentingan seperti agensi-agensi Kerajaan supaya Dasar Ekonomi Baru akan dapat dipenuhi di sektor tersebut, sekadar soalan saya dan kemusykilan saya ialah adakah seksyen 23E ini juga memberi peruntukan kepada pihak Menteri untuk mengecualikan individu ataupun personaliti supaya ianya boleh, memegang lebih daripada 10% berdasarkan kepada tafsiran Menteri terhadap individu tersebut. Kalau begitu, apakah kriterianya, adakah ianya berdasarkan kepada seorang itu lebih amanah daripada yang Tain. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu kemusykilan saya dan saya harap pihak Menteri dapat menerangkan perkara itu dalam Dewan ini.

Berdasarkan kepada apa yang telah saya perkatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973. Sekian, terima kasih.

8.42 mlm.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Ghani bin Othman yang telah memberikan pandangan-pandangan dan juga

cadangan-cadangan yang begitu bermakna dan saya berjanji kepada Kementerian Kewangan akan memberi perhatian yang berat ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan sebentar tadi.

Mengenai seksyen di mana diberi peruntukan kepada Menteri Kewangan mengecualikan kes-kes jikalau perlu diberi pengecualian, saya juga ingin memberi jaminan bagi pihak Kementerian, kuasa ini akan digunakan untuk faedah dan kepentingan negara tetapi bukan untuk kepentingan individu sahaja dan akan mengikuti dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kabinet dan juga Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 9hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.47 malam.